

"SEBUAH masyarakat yang sentiasa memeningkan pemerdualan, bersopan santun dan kasih sayang yakni 'caring society' perlulah mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara serta dalam amalan hidup seharian." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2001.



"DAN Allah menugaskan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunungi Baitullah satu sekali yang mampu sampai kepadanya. Dan sebagai yang kutub ingkarkan kawajipan ibadat haji itu maka sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajatkan sesuatu pun dari sekalian makhluk." - Surah Ali Imran ayat 97

Warga tua berperanan beri sumbangan kepada negara

BERAKAS, 23 Disember. Warga tua seharusnya diberi peluang untuk bergiat aktif melibatkan diri dalam pembangunan negara mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing, kerana peranan mereka bukan sahaja sebagai 'penerima' bahkan mereka juga boleh memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Untuk itu, orang ramai terutama sekali agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, persatuan sukarela dan seumpamanya adalah digalakkan untuk mengadakan program untuk mengintegrasikan golongan warga tua dalam pembangunan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan demikian di Majlis Sambutan Hari Warga Tua yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat menambah, di samping keupayaan mereka dalam pembangunan negara, penjagaan warga tua juga memainkan peranan penting dalam institusi keluarga iaitu peranan utama yang semakin terhad disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah meningkatnya penglibatan kaum wanita dalam tenaga kerja, meningkatnya jumlah wanita yang tidak kahwin, saiz keluarga yang semakin kecil, meningkatnya sikap individualistik di kalangan masyarakat, meningkatnya

Oleh Siti Aishah HS

mobiliti di kalangan tenaga-tenaga pekerja disebabkan oleh globalisasi dan hakisan nilai-nilai kekeluargaan.

Dalam hal di atas, menurut Yang Berhormat, penjagaan warga tua di beberapa buah negara di rantau ini telah diambil alih oleh agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan melalui penubuhan institusi-institusi penjagaan bagi warga tua. Walau bagaimanapun penempatan warga tua di institusi-institusi tersebut telah mewujudkan pengasingan, perasaan terbiar dan tidak dihargai di kalangan warga tua, bahkan sesetengah mereka merasa terasing dan kesunyian kerana kehilangan belaian kasih sayang oleh anak-anak dan keluarga.

Sehubungan itu, sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, Yang Berhormat menjelaskan negara kita bernasib baik kerana penjagaan warga tua adalah tanggungjawab keluarga dan anak-anak iaitu berperanan menjaga, melindungi dan membantu ibu bapa di hari tua dalam menerapkan pendidikan dan penghayatan agama serta mengekalkan nilai-nilai budaya bagi memastikan warga tua akan diberi penghormatan dan penjagaan terbaik malah peranan institusi keluarga adalah sebagai unit utama hendaklah dikukuhkan dan dikedikan.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

MENURUT Kamus Dewan (1993:917), patriotisme ialah 'perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air'. Manakala Macmillan English Dictionary For Advanced Learners, International Student Edition (2002:1040) mendefinisikan, patriotisme ialah 'strong feeling of love, respect and duty towards your country'. - Sumber: Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Macmillan English Dictionary For Advanced Learners, International Student Edition, Malaysia: Macmillan Education Between Towns Road, Oxford OX4 3PP.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika hadir di Majlis Sambutan Hari Warga Tua yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Larangan pengimportan daging lembu dari Amerika Syarikat berkuat kuasa serta-merta

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Disember. - Negara Brunei Darussalam memaklumkan larangan sementara pengimportan daging lembu dari Amerika Syarikat berkuat kuasa serta-merta.

Tindakan itu diambil ekoran pengumuman Kerajaan Amerika Syarikat, bahawa seekor lembu telah diuji positif menghidap penyakit lembu gila yang mana menjadikan kes pertama dikesan di negara tersebut.

Demikian Kenyataan Bersama yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama yang dikeluarkan hari ini.

Penyakit lembu gila

juga dikenali sebagai 'Bovine Spongiform Encephalopathy', menyerang sistem saraf ternakan lembu. Penyakit tersebut boleh menjangkiti manusia yang memakan daging yang tercemar atau tisu-tisu saraf, walaupun risikonya adalah terlalu rendah.

Larangan sementara itu menurut siaran berkenaan termasuk semua produk daging lembu proses seperti sosej, sup, ekstrak daging dan produk yang ditinkan keluaran negara tersebut. Semua permit-permit yang sebelum ini telah dikeluarkan dan diluluskan oleh agensi-agensi yang berkenaan bagi pengimportan produk daging lembu keluaran negara tersebut, adalah dengan ini dibatalkan.

Sebagai langkah berjajaga, Kementerian Kes-

ihatan juga mengenakan syarat tambahan iaitu mana-mana negara yang berhajat mengeksport produk daging lembu proses ke negara ini, hendaklah mengesahkan bahawa negara pengesport atau negara asal pengeluar itu, bebas daripada penyakit lembu gila selama enam tahun sebelum tarikh pengeksportan, yang mana pengesahan dibuat oleh pihak yang berkuasa.

Siaran itu menambah, bagi makluman orang awam, bekalan binatang hidup untuk keperluan makanan di Negara Brunei Darussalam adalah didaftarkan dari negara-negara yang disahkan bebas dari penyakit ini. Manakala bekalan daging kerbau, lembu, kambing mentah hanya diimport dari pusat-pusat

penyembelihan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya dari Australia.

"Sesiapa yang mengimport, mengedar dan menjual makanan yang boleh memudaratkan kesihatan boleh diambil tindakan di bawah Akta (Kesihatan Awam) (Makanan) 1998," tegas siaran itu.

Untuk keterangan lanjut orang ramai boleh berhubung dengan agensi-agensi berikut : Jabatan Pertanian, telefon : 2380144 sambungan 332 dan faks : 2382226; Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, telefon : 2331101/2334/ 5/10 dan faks : 2331107.



HARI KEBANGSAAN
68 HARI LAGI

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Hasil perancangan terperinci kerajaan, Brunei terus menikmati kesejahteraan yang baik berbanding negara lain

- Muka 2

Lantikan, pertukaran lima pegawai kanan kerajaan

- Muka 3

Anak tempatan berpeluang isi 500 pekerjaan di sektor swasta

- Muka 6

Fokus: Menghayati dan menyemarakkan Hari Kebangsaan Ke-20

- Muka 7

Rokok menjadi punca penyakit berbahaya mengancam kesihatan, nyawa

- Muka 11 & 12

Pastikan kelayakan diiktiraf

- Muka 5 ANEKA

RBA penerbangan tunggal negara menuju wawasan

- Muka 8 & 9 ANEKA



31 DISEMBER 2003 BERSAMAAN 1424 ذوالقعدة 7

JANGAN TERLALU MENGAGUNGKAN TAHUN BARU

ESOK, kita akan melangkah memasuki gerbang tahun baru 2004. Ini bermakna kita akan menghabiskan 365 hari lagi bermula 1 Januari. Pertukaran ini sudah barang tentu meninggalkan pelbagai peristiwa sama ada yang pahit mahupun yang manis. Yang nyata kita perlu muhasabah diri dan merenung kembali pencapaian tahun 2003. Adakah ianya sudah memuaskan atau kita gagal dalam menjayakan misi kita melayari tahun yang baharu saja ditinggalkan itu. Maka kesempatan ini juga memberikan kita untuk lebih berusaha gigih dalam melaksanakan apa-apa yang kita idamkan.

Menyebut tahun baru, pelbagai kareh dapat kita saksikan dalam menyambutnya setiap kali ianya menjelang. Sejak kebelakangan ini, trend menyambut tahun baru di Negara Brunei Darussalam sudah menampilkan satu kemestian. Malahan masyarakat Brunei telah mula terikut-ikut dalam membesarkan dan mengagung-agungkannya. Golongan muda ternyata sangat ghairah apabila saja menjelang tahun baru. Mereka mengadakan pesta besar-besaran dengan hiburan dan tarlan yang liar dan menjolok mata.

Budaya seperti ini telah berlaku sejak beberapa tahun lalu. Ianya terang-terangan diadakan di hotel-hotel dan rumah-rumah persendirian. Bentuk hiburan melampau dan budaya liar ini semacam suatu kemestian. Mereka tidak segan-silu bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, berpegangan tangan, berpelukan sambil menari mengikut rentak muzik rock yang dikumandangkan sehingga dinihari. Ternyata masyarakat kita sudah jauh menyimpang. Terikut-ikut dengan budaya asing yang banyak mendorong kepada kemaksiatan.

Ternyata fenomena ini semakin berleluasa. Penyakit maksiat ini sudah merebak dan menjadi-jadi dalam kehidupan masyarakat Brunei. Perkara ini berlaku akibat anjakan reformasi pemodenan dan persekitaran dunia yang distilahkan tanpa sempadan. Pengaruh liar dan metal rock semakin diminati oleh golongan muda yang cita rasa mereka dahagakan hiburan. Melihat acara-acara yang diadakan, ianya jelas menggambarkan kemaksiatan. Beranggah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Tidak selari dengan budaya dan tatasusila orang-orang Brunei kerana ianya banyak mengundangi perkara-perkara maksiat dan merosakkan akhlak muda-mudi.

Sebenarnya, umat Islam memiliki kalendar sendiri berdasarkan kepada Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka amatlah wajar kita kembali kepada kalendar sendiri yang diasaskan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad dan memakainya dalam kehidupan sehari-hari. Kita besarkan dan rayakan selayaknya mengikut lunas-lunas yang dianjurkan oleh Islam, bukannya terikut-ikut dengan budaya dan gaya orang lain. Sambutlah dengan cara hukum syarak dan bukannya dengan mengagungkan Tahun Masihi secara besar-besaran.

Sesuatu perlu kita tangani dalam perkara ini. Kita tidak mahu budaya liar seperti ini merebak dan membiak seperti cendawan di musim hujan, kerana lama kelamaan ianya akan menyemai bibit-bibit maksiat di kalangan remaja kita tanpa batasan. Semua pihak memainkan peranan dalam membendung gejala-gejala yang tidak sihat ini. Ibu bapa, pemimpin masyarakat dan akar umbi berserta NGOs perlu berpadu tenaga dalam mengawal tingkah laku muda-mudi. Kita tidak mahu negara kita menjadi sarang maksiat dan pengkal untuk mengadakan maksiat liar yang bertentangan dengan Islam dan tatasusila masyarakat Brunei. Rasanya kita belum terlambat untuk menjerminkan suasana itu.

Apa yang digalakkan dalam Islam, pertukaran tahun baru memberikan kita keinsafan dalam menoleh pandang kejayaan dan kegagalan kita. Meningkatkan azam dan cita-cita yang lebih untuk meneruskan perjuangan kehidupan bagi memajukan diri kita sendiri, keluarga, bangsa, negara dan tanah air. Bekerja kuat, gigih dan lutan perlu menjadi azimat dalam melayari bahtera kehidupan sejagat. Berusaha dan bersamasamalah kita menjaga keamanan dan keselamatan negara. Setiap kita mempunyai tanggungjawab dalam mengekalkan kesejahteraan negara dari diganggu-gugat dan dieksploitasi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Kehadiran tahun baru merupakan kesempatan berharga bagi kita menabur khidmat bakti. Bulatkan tekad dan azam kita dalam memajukan bangsa dan negara serta pembangunan negara yang tercinta ini. Samasamalah kita berdoa semoga keadaan aman, tenteram dan perpaduan serta kesejahteraan yang dinikmati selama ini akan terus berkekalan serta kita sekali sentiasa dalam ketaatan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

**SELAMAT MENYAMBUT
TAHUN BARU MASIHI 2004**

HALUAN...

Hasil perancangan terperinci kerajaan Brunei terus nikmati kesejahteraan yang baik berbanding negara lain

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran Habitek 2003 dan Hari Pelanggan Perumahan kerana sudi menjemput saya sebagai tetamu kehormat dalam majlis pagi ini.

Semua negara, kecil dan besar, bersifat 'developed' atau 'developing' mempunyai hasrat dan matlamat negara, antara lain untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduknya. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dalam hal ini. Penyediaan perumahan bagi semua rakyat dan penduduk yang berkeluarga adalah penumpuan atau tugas utama Jabatan Kemajuan Perumahan.

Pada masa ini kita tidak boleh menyangkal kenikmatan kehidupan yang baik pada keseluruhan sebagai seorang anak, seorang pegawai dan sebagai seorang rakyat biasa bagi Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam pada masa ini dari segi sosial, ekonomi, keamanan, politik dan pembangunan adalah di tahap yang baik dan aman jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Jangan sekali-kali kita menyangka bahawa kenikmatan kehidupan rakyat, keluarga, masyarakat dan negara yang ada pada masa ini datang begitu saja tanpa perancangan dalam erti kata yang luas.

Generasi dan 'leadership' yang lepas, dan sekarang telah dapat menentukan kesejahteraan kehidupan yang ada pada masa ini. Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya juga banyak



UCAPAN Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat di Majlis Perasmian Pameran Habitek 2003 dan Hari Pelanggan Perumahan di Dewan Serbaguna, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan pada hari Isnin, 6 Oktober 2003.

menyumbang bakti dalam kesejahteraan kehidupan ini. Jabatan Kemajuan Perumahan khususnya telah banyak menyumbang atas kesejahteraan dan keadaan pada masa ini.

Generasi dan 'leader-

dikekalkan di tahap yang ada pada masa ini atau lebih baik di masa akan datang.

Walaupun demikian, kita juga perlu menerima hakikat dan kenyataan bahawa kita sekarang ber-

GENERASI dan 'leadership' yang lepas, dan sekarang telah dapat menentukan kesejahteraan kehidupan yang ada pada masa ini. Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya juga banyak menyumbang bakti dalam kesejahteraan kehidupan ini. Jabatan Kemajuan Perumahan khususnya telah banyak menyumbang atas kesejahteraan dan keadaan pada masa ini.

ship' pada masa ini yang diterajui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan peranan dan menjalankan tanggungjawab tersebut supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat

ada di dalam era yang penuh cabaran, pelbagai masalah dan persaingan yang perlu dan wajib kita takluki, tangani dan hadapi dalam arus dan perjalanan kehidupan kita sebagai rakyat, kakitangan kerajaan, orang biasa dan sebagai negara di masa akan datang. Keadaan di masa

GENERASI dan 'leadership' pada masa ini yang diterajui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan peranan dan menjalankan tanggungjawab tersebut supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat dikekalkan di tahap yang ada pada masa ini atau lebih baik di masa akan datang.

akan datang adalah susah untuk ditentukan. Apa yang nyata dan tentu adalah perubahan. Kita hidup dalam sebuah dunia yang senantiasa berubah. Peristiwa yang berlaku di luar negara boleh menggugat kita sebagaimana ia telah menggugat kita masa lalu. Tidak ada sesuatu yang pasti. Bangsa Brunei seharusnya dan sewajarnya tidak takut atau bersedia terhadap perubahan yang datang. Kita tidak boleh mengharapkan orang lain menyara hidup kita, kita terpaksa berusaha menyara kehidupan kita sendiri, bangsa Melayu dan bangsa Brunei. Saya berpendapat kita tidak perlu bimbang dan khuatir, asalkan negara mempunyai 'quality' leadership dan disambut oleh 'quality' masyarakat Brunei.

Alhamdulillah, saya rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia juga Jabatan Kemajuan Perumahan sekali lagi dapat mengukuhkan program Pameran Habitek 2003 yang disempurnakan dengan Hari Habitat Sedunia yang mana jatuh pada setiap hari Isnin pertama di bulan Oktober setiap tahun dan saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Perumahan.

Dalam Pameran Habitek 2003 kali ini, saya telah difahamkan bahawa beberapa syarikat akan mengambil bahagian dan seterusnya mempamerkan barang-barang dan bahan-bahan binaan termasuk

hiasan dalaman bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan bahan-bahan binaan dan hiasan terkini yang diperkenalkan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Di samping itu juga saya difahamkan pada kali ini Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengukuhkan kempen kebersihan di kawasan Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan yang juga disempenakan dengan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini yang akan melibatkan penduduk-penduduk kampung dan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Jabatan Bandaran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pameran Habitek yang akan kita saksikan sebentar lagi adalah di antara program Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memperingati Hari Habitat Sedunia. Saya sangat berbesar hati dan mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada para peserta Pameran Habitek 2003 kerana telah melibatkan diri dalam sama-sama menjayakan program ini.

Dengan melafuzkan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Habitek 2003 dan Hari Pelanggan Perumahan bersempena Hari Habitat Sedunia pada hari ini.

Sekian Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Malam Anugerah RTB penghargaan kepada karyawan

JERUDONG, 27 Disember. - Sebagai penghargaan kepada karyawan dan penerbitan, Seksyen Hal Ehwal Semasa Televisyen telah diberi pengiktirafan memenangi Anugerah Khas pada Majlis Malam Anugerah RTB 2003 baru-baru ini yang diadakan di Empire Theatre, Empire Hotel and Country Club di sini.

Projek Malam Anugerah RTB buat kali ketiga itu diungkuhkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) dan disaksikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri

**Oleh
Siti Aishah HS**

Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat.

Pada tahun ini sebanyak 27 kategori diperandingkan yang terdiri dari anugerah penerbitan dan karyawan bagi kedua-

dua stesen televisyen dan radio.

Antara matlamat utama Anugerah RTB diwujudkan ialah sebagai pengiktirafan kepada karyawan-karyawan dan penerbitan-rancangan-rancangan yang kreatif, inovatif, bermutu dan disukai ramai dari hasil kerja mereka secara berkumpulan, di samping menjadi harapan RTB agar projek seumpama ini dapat memberi motivasi ke arah kerja yang lebih cemerlang.

Manakala Malam Anugerah RTB itu juga merupakan salah satu usaha

RTB dalam bergerak, berfikir dan bertindak untuk sama-sama memartabatkan bangsa dan negara dengan mempersembahkan rancangan-rancangan yang berbentuk ilmu pengetahuan, pendidikan, maklumat dan hiburan untuk sentiasa bersama penonton sekali gus berjaya menjadi salah satu saluran perkembangan mental dan rohani rakyat.

Malam Anugerah RTB gilang-gemilang itu turut diserikan lagi dengan persembahan nyanyian oleh artis-artis tempatan.



PENYAMPAIAN hadiah Malam Anugerah RTB 2003 disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku tetamu kehormat majlis. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

**LANTIKAN,
PERTUKARAN
LIMA
PEGAWAI
KANAN
KERAJAAN**

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan mengenai lantikan dan pertukaran lima orang pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Janudin, Pengarah Tugas-tugas Khas di Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan ditukar ke Jabatan Perbandaran dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kewangan mulai 21 Syawal 1424/16 Disember 2003; Pengiran Haji Mumin bin Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yussof, Pegawai Tugas-tugas Khas di Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan ditukar jawatannya sebagai Pengarah Tugas-tugas Khas di Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan mulai 21 Syawal 1424/16 Disember 2003; Awang Ang Kian Guan, Pegawai Tugas-tugas Khas di Kementerian Perhubungan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Teknologi Maklumat, Penyelidikan dan Perkembangan di Kementerian Perhubungan mulai 6 Ramadan 1424/1 November 2003; Awang Haji Kadir bin Haji Tengah, Timbalan Pengarah Penerbangan Awam ditukar ke Kementerian Perhubungan dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas mulai 15 Ramadan 1424/10 November 2003 dan Awang Haji Mohd. Manan bin Haji Lakim, Penolong Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos dilantik sebagai Pemangku Timbalan Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos mulai 5 Syaaban 1424/1 Oktober 2003.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair (empat dari kanan) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat (lima dari kanan) ketika hadir menyaksikan Malam Anugerah RTB 2003. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Kursus Estimating Project bagi kontraktor

BERAKAS, 23 Disember. - Kementerian Pembangunan melalui Unit Bimbingan dan Perkembangan Bumiputera telah menganjurkan Kursus Estimating Project bagi para kontraktor Kelas I dan II selama empat hari yang bermula pada 17 Disember lepas.

Kursus yang disertai hampir 50 orang peserta itu bertujuan untuk melahir-

**Oleh
Bolhassan HAB**

kan dan membina para kontraktor Kelas I dan II agar berupaya meningkatkan diri, inovatif, berdaya saing dan mampu memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Selain itu ia juga adalah untuk membuat anggaran

kos projek bagi membolehkan para kontraktor mengikut sebarang tawaran atau sebut harga, pelirangan bagi peminjaman wang serta membuat 'cash flow' yang diperlukan.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan

yang berlangsung di Bilik Betabur Kementerian berkenaan hari ini.

Tajuk-tajuk yang dibentangkan dalam kursus tersebut antaranya ialah Memahami Pelan dan Membuat Taksiran Kos Projek Bagi Kerja-kerja Pembinaan, Kemudahan Overdraf dan Pinjaman, Penyediaan 'Cash Flow' serta Penyediaan 'Balance Sheet Profit and Loss'.

Jabatan Penerangan terbitkan 45 ribu kalender

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah menerbitkan sebanyak 45,000 kalender dinding bagi tahun 2004.

Jumlah tersebut adalah meningkat dengan tahun lepas yang hanya menerbitkan 15,000 naskhah. Penambahan itu adalah atas permintaan orang ramai.

Kalendar 2004 memaparkan gambar-gambar peralatan anyaman tradisional Brunei sebagai usaha mengimbau kembali khazanah yang unik itu bagi pengetahuan masyarakat umum, khususnya generasi muda sesuai de-

ngan temanya 'Anyaman Khazanah Budaya'.

Selain itu untuk kemudahan umum bagi sebarang rujukan, kalendar berkenaan juga mengandungi jadual waktu sembahyang, cuti-cuti hari kelepasan awam dan cuti penggal persekolahan. Ianya diterbitkan bersesuaian dengan misi Jabatan Penerangan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Reka bentuk kalendar dibuat oleh Jabatan Penerangan. Sementara percetakannya dilaksanakan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.



REKA bentuk kulit depan kalendar 2004 terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

RALAT

ANGKA 1959 pada barisan terakhir ruangan TAHUKAH AWDA, PELITA BRUNEI, 24 Disember 2003 sebetulnya ialah 1995.

Isu pembangunan di Mukim Lumapas :

Jabatan Penerangan menyampaikan maklum balas

Oleh
Sahari Akim

MUKIM LUMAPAS, 23 Disember. - Jabatan Penerangan telah menerima maklum balas dan jawapan dari agensi-agensi kerajaan berhubung isu-isu dan cadangan yang telah dikemukakan oleh penduduk Mukim Lumapas semasa Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan bagi mukim tersebut yang diadakan pada 18 Mei 2003 bertempat di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalin, Sungai Kebun.

Menurut maklum balas yang diterima beberapa cadangan dari penduduk mukim itu telah diambil perhatian oleh agensi-agensi berkenaan di mana ada di antaranya sedang dan akan dilaksanakan, sementara sebahagian lagi sedang diteliti dari pelbagai aspek seperti syarat dan peraturan serta kesesuaiannya.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut semasa memberikan taklimat sempena Majlis Ramah Mesra Jabatan Penerangan Bersama Penghulu dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Lumapas bertempat di rumah Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Abu Bakar bin Mansor di Kampong Kasat.

Antara isu-isu yang pernah dikemukakan oleh penduduk Mukim Lumapas meliputi pembesaran, pembaikan, pembinaan jalan baru dan menaikkan taraf jalan-jalan raya, pembinaan jambatan menghubungkan mukim tersebut dengan Bandar Seri Begawan dan jambatan kecil yang lain, bekalan air, pembesaran masjid dan isu-isu berhubung kait dengan saliran dan pembebasan dan bekalan elektrik.

Juga dikemukakan ialah isu-isu mengenai penggerasan tanah kekal, tanah tumpang sementara dan yang berhubung kait dengannya, skim kemajuan perumahan negara, pertanian, persempadanan, lampu jalan dan lain-lain.

Perjumpaan Muhibah Penerangan anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama penduduk Mukim Lumapas pada Mei lepas dihadiri oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair

berserta beberapa orang Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

Mengetuai rombongan dari Jabatan Penerangan di Majlis Ramah Mesra itu ialah Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut; Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Majlis juga dihadiri oleh Penghulu Mukim Lumapas, Ketua Kampong Lumapas 'A', Ketua Kampong Lumapas 'B', Ketua Kampong Kasat, Ketua Kampong Putat dan Ketua Kampong Lupak Luas serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Lumapas yang lain.

Terdahulu Pengarah Penerangan dalam ucapannya antara lain berkata, jabatannya akan sentiasa memanfaatkan setiap perjumpaan dengan masya-

rakat setempat untuk mengeratkan lagi silaturahmi dan persefahaman yang sedia wujud, di samping berkongsi dan memperkakan maklumat sesuai dengan moto jabatan tersebut 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Perjumpaan seperti itu, katanya, merupakan sebahagian dari kegiatan Jabatan Penerangan melalui 'Perjumpaan Bersamuka' ke arah memupuk kerjasama, persefahaman sambil bertukar maklumat mengenai hal-ehwal kerajaan dan pembangunan negara.

Sementara itu Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Abu Bakar dalam ucapannya menyifatkan perjumpaan itu memberikan faedah kepada kedua-dua belah pihak terutama dalam memupuk persefahaman dan bertukar-tukar maklumat.

Menyentuh rancangan-rancangan kemajuan kerajaan termasuk isu-isu yang telah dikemukakan oleh

penduduk mukim melalui ketua-ketua kampung berkenaan kepada agensi-agensi kerajaan, beliau berkata pihaknya dan ketua-ketua kampung telah pun menerima maklum balas dari agensi-agensi berkenaan dan maklumlahnya kepada penduduk kampung masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, katanya, perjumpaan seperti itu akan menambatkan lagi maklumat yang telah diperolehi terutama untuk mendapatkan informasi mengenai perkembangan-perkembangan terbaru.

Jabatan Penerangan menyusur ke empat daerah dan memilih sebuah mukim bagi sama-sama berganding bahu mengadakan Majlis Ramah Mesra antara Jabatan Penerangan dengan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim berkenaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyampaikan derma kepada bakal jemaah haji kementerian berkenaan. Sementara gambar bawah, Yang Berhormat dan para hadirin yang hadir di majlis itu. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



6 doktor, 20 jururawat ditugaskan di Tanah Suci pastikan kesejahteraan jemaah haji

BERAKAS, 24 Disember. - Bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan para rombongan bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Tanah Suci Mekah, persiapan perkhidmatan perubatan diataskan dengan membuka perkhidmatan klinik di Tanah Suci.

Antara persediaan tersebut ialah dengan menghantar serombongan ahli perubatan haji iaitu seramai enam doktor dan 20 jururawat menyertai rombongan bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang diketuai

Oleh
Siti Aishah HS

oleh Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif selaku Pakar Bius, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Rombongan awal ahli perubatan haji berlepas pada 27 Disember, bagi membuat persediaan awal perkhidmatan perubatan, menyediakan kenderaan pesakit selain menyediakan wad-wad, tempat kecemasan dan bahagian pesakit luar.

Sehubungan dengan itu, Majlis Doa Selamat

bagi rombongan perubatan bakal-bakal jemaah haji yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan diadakan di bangunan kementerian berkenaan di sini.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada bakal-bakal jemaah haji yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku tetamu kehormat majlis.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika hadir di majlis tersebut. Juga kelihatan dalam gambar ialah Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Abu Bakar bin Mansor. - Gambar oleh Mahmud HI.



PARA hadirin yang hadir di Majlis Ramah Mesra Jabatan Penerangan Bersama Penghulu dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Lumapas menadah tangan ketika doa dibacakan. - Gambar oleh Mahmud HI.



NAIB Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasawati ketika berucap mewakili Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Majlis Perasmian Bengkel Asia Pasifik Mengenai Perkembangan Sistem Latihan bagi pengakap negara ASEAN dan negara-negara Asia Pasifik. - Gambar oleh Masri Osman.

Bengkel Asia Pasifik jalin hubungan dan interaksi

BERIBI, 13 Disember. - Bengkel Asia Pasifik Mengenai Perkembangan Sistem Latihan diharapkan dapat menjalin hubungan dan interaksi sosial di kalangan ketua-ketua pengakap di rantau ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Ketua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. Teks ucapan Yang Berhormat telah dibacakan oleh Naib Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasawati Haji Ahmad di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) di sini.

Yang Berhormat berkata, para peser-

Oleh
Awangku Jefferi PD

ta bengkel dapat bertukar-tukar fikiran dan pandangan serta pengalaman

sekali gus mengukuhkan objektif pergerakan pengakap.

Bengkel tersebut diharap dapat melahirkan isu-isu yang dihadapi keti-

ka ini oleh pergerakan pengakap dan persediaan bagi ahli-ahli dewasa menghadapi belia masa depan.

Lebih 30 orang pe-

ngakap dari beberapa buah negara ASEAN, Bangladesh, China, Jepun, Republik Korea, Nepal, Pakistan dan Arab Saudi menyertai bengkel tersebut.



PARA pengakap beberapa buah negara ASEAN, Bangladesh, China, Jepun, Republik Korea, Nepal, Pakistan dan Arab Saudi menyertai Bengkel Asia Pasifik Mengenai Perkembangan Sistem Latihan. - Gambar oleh Masri Osman.

Para pelukis perlu perangsang dan motivasi

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Disember. - Mana-mana usaha untuk mempergiatkan dan menggalakkan perkembangan pelukis tempatan dan seni alam semula jadi di Negara Brunei Darussalam hendaklah mendapat sokongan seperti diadakan pertandingan bagi pertubuhan seni lukis dan anugerah seni.

Dengan adanya usaha sedemikian para pelukis tempatan akan dapat memajukan serta memperkembangkan lagi seni lukisan dan kreativiti mereka.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman di Pembukaan Rasmi Anugerah Seni ASEAN yang berlangsung di Pusat Kesenian dan Pertunjukan Tangan Brunei di ibu negara.

Beliau seterusnya menambah, dengan adanya sokongan tersebut melalui peluang-peluang seumpama itu para pelukis dapat

Oleh
Awangku Jefferi PD

mengembangkan kualiti lukisan yang memerlukan perhatian dan penghargaan.

Para pelukis memerlukan perangsang dan motivasi dalam menghasilkan kerja lukisan yang berkualiti cemerlang dan mempunyai kepentingan.

Seramai lima orang pelukis telah diberikan anugerah Pilihan Juri Anugerah Kesenian 2003 Brunei Darussalam - ASEAN 2003 yang ditaja oleh Philip Morris Sdn. Bhd. Mereka adalah antara 50 orang yang mengikuti pertandingan kebangsaan iaitu Awangku Ishakkumar Pg. Haji Ibrahim dengan lukisan Moden Tasauf, Haji Mahaddi Haji Mat Zain dengan tajuk lukisan Too Hot To Handle dan Pengiran Khamarul Zaman Pengiran Haji Tajuddin dengan lukisan bertajuk Lumut Lunting.

Dua lagi pemenang

ialah Pengiran Timbang Pengiran Haji Tuah dengan Preseverance In The Face of Adversity dan Zakaria Omar dengan Unbalance. Para pemenang akan menerima \$8,000.00, piala dan berpeluang bertanding bersama-sama 30 peserta yang lain dari enam buah negara ASEAN di peringkat serantau di Thailand tahun depan.

Peraduan peringkat serantau menyediakan forum penting bagi pelukis Brunei yang terpilih untuk membandingkan dan membezakan hasil kerja mereka dengan pelukis di negara ASEAN.

Bersempena dengan anugerah tersebut, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman juga merasmikan Pameran Kesenian Brunei Darussalam - ASEAN 2003. Sementara Pengurus Besar Philip Morris Singapore Pte. Ltd. bagi Singapura, Brunei dan Maldives, Anthony Lau turut menyampaikan anugerah yang berlangsung pada pagi itu.

Menjaga kebersihan tanggungjawab bersama

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Disember. - Sebagai sebuah pasukan yang menitikberatkan nilai disiplin, anggota-anggota polis seharusnya menyedari bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan adalah menjadi tanggungjawab semua dan bukan sesetengah pihak sahaja supaya kebersihan tersebut akan dapat dinikmati oleh semua.

Dalam hal ini Pegawai-pegawai Pemerintah dan Penguasa-penguasa Balai supaya akan dapat membuat teguran dan mengambil tindakan jika perlu kepada anggota-anggota yang didapati tidak mengambil peduli mengenai dengan kebersihan kawasan tempat mereka tinggal.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri

Oleh
Awangku Jefferi PD

Haji Abdul Rahman bin Haji Johan di Majlis Penyampaian 'Plaque Kejohanan' dan Sijil-Sijil Pertandingan Kecantikan Balai-balai dan Pos-pos Polis Bagi Tahun 2003.

Majlis berlangsung di Ibu Pejabat Polis Kawalan Diraja, Beribi, Gadong.

Beliau berkata, dengan adanya persefahaman di kalangan para anggota polis adalah diharapkan bahawa segala tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh anggota-anggota di semua peringkat akan dapat dibuat dalam suasana silaturahim dan menjadi sumber penambah produktiviti pasukan secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun di dalam suasana kita melihat kebersihan di balai-balai dan pos-pos polis di seluruh daerah semasa peraduan diadakan, didapati ada sesetengah anggota yang tinggal di satu-satu kawasan balai dan pos-pos polis mengambil ringan mengenai kebersihan kawasan tempat tinggalnya. Dalam hal ini ianya amatlah mendukacitakan oleh kerana adalah tidak adil jika sekiranya kebersihan kawasan tersebut dijaga oleh beberapa orang anggota sahaja manakala yang lainnya pula hanya mengambil sikap sambil lewa, tambah beliau.

Selain itu, beliau juga berkata di tahun hadapan Pasukan Polis Diraja Brunei akan sedaya upaya berusaha bagi membuat pembaikan bangunan-ba-

ngunan lama pasukan termasuklah berek-berek tempat tinggal anggota yang ada sekarang semata-mata bertujuan bagi memastikan yang kebajikan serta kesejahteraan anggota-anggotanya dijaga.

"Semua ini sudah setentunya tidak akan bermakna jika anggota-anggota sendiri tidak bekerjasama memainkan peranan dalam sama-sama menjaga bukan sahaja kebersihan tetapi juga memastikan segala kemudahan yang disediakan tidak disalahgunakan atau dirosakkan," tambah beliau.

Beliau berharap supaya semua pejabat-pejabat, balai-balai dan pos-pos polis di seluruh negara akan terus berusaha bagi memastikan kawasan tempat masing-masing sentiasa di dalam keadaan yang bersih serta selesa dan bukan sekadar untuk peraduan sahaja.

Peraduan seumpama ini merupakan salah satu daripada projek tahunan Pasukan Polis Diraja Brunei dengan tujuan utama iaitu bagi menggalakkan anggota-anggota serta keluarga yang tinggal di dalam satu-satu kawasan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk menanamkan semangat bekerjasama dan bergotong-royong, sekali gus dapat meningkatkan lagi persefahaman di kalangan anggota-anggota yang terlibat.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman menyampaikan Sijil Pertandingan Kecantikan Balai-balai Polis Bagi Tahun 2003 kepada seorang pegawai polis (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka Seri melekatkan 'plaque' di sebuah balai polis. - Gambar oleh Ramli Tengah.



Anak tempatan berpeluang isi 500 pekerjaan di sektor swasta

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Rakyat dan penduduk tetap di negara ini yang berumur 18 hingga 35 tahun yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya tingkatan tiga berpeluang untuk mengisi lebih 500 peluang pekerjaan di sektor swasta.

Pemohon yang terpilih untuk menjawab jawatan-jawatan berkenaan akan terlebih dahulu mengikuti latihan amali atau program motivasi yang bertujuan untuk memastikan calon mendapat kemahiran serta pendedahan yang diperlukan oleh majikan.

Kenyataan tersebut dibuat oleh Timbalan Ketua Pengarah Peran-

cangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff semasa sidang media di jabatan tersebut di Jalan Ong Sum Ping di sini.

Skim yang dikenali sebagai Lanjutan Kemahiran Industri dan Teknologi Infokomunikasi adalah sebahagian daripada skim pemulihan ekonomi jangka pendek yang diperkenalkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Jabatan Buruh yang merupakan salah satu usaha berterusan kerajaan dalam mewujudkan tenaga kerja yang mahir.

Dengan kerjasama Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sebanyak

Oleh
Abu Bakar HAR

528 jawatan akan ditawarkan oleh 54 buah syarikat swasta dan telah dikenal pasti untuk diisi oleh rakyat dan penduduk tetap di negara ini khusus yang menyertai dan tamat mengikuti program latihan skim tersebut.

Sepanjang mengikuti skim ini, para pelatih akan menerima elaun yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan manakala pelatih yang berjaya menamatkan program akan diambil bekerja oleh syarikat swasta yang berkenaan bagi tempoh tidak kurang dua tahun

dengan menandatangani kontrak pekerjaan.

Bagi pemohon yang berkeinginan untuk mengikuti skim ini hendaklah mengisi borang pendaftaran yang boleh didapati di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, di aras 6 pada waktu pejabat dan hendaklah dikembalikan tidak lewat 14 Januari 2004.

Sebarang pertanyaan bolehlah menelefon terus ke talian 2233344 sambungan 661.

Sementara sesi 'profil-ing' bagi pemohon-pemohon akan diadakan pada 15 Januari 2004.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman menyampaikan cenderamata kepada seorang anggota polis yang bersara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Anggota bersara diminta terus berikan kerjasama kepada pasukan polis

GADONG, 20 Disember. - Para pegawai dan anggota yang bersara di harap akan terus memberikan kerjasama kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan menjadi contoh kepada orang ramai, lebih-lebih lagi mereka adalah di antara golongan orang-orang awam yang memahami akan cabaran yang dihadapi pasukan dalam menjaga keselamatan dan kemajuan negara.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Johan menyatakan demikian di Majlis Malam Pesta Hari Raya yang diselenggarakan dengan meraihan persaraan pegawai-pegawai dan anggota-anggota pangkat rendah bertempat di Dewan Stadium Hassanal

Oleh
Siti Aishah HS

Bolkiah, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dato Paduka menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota bersara yang diraikan di atas sumbangan tenaga dan fikiran sepanjang perkhidmatan mereka dalam Pasukan Polis Diraja Brunei yang tidak ternilai harganya.

Manakala bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan yang masih berkhidmat diseru supaya akan dapat mengambil iktibar dan contoh dari mereka dalam

menyalurkan perkhidmatan sehingga ke penghujung yang memerlukan ketaatan, kesabaran dan disiplin yang tinggi iaitu antara asas-asas yang berjaya dipertahankan oleh para pegawai dan anggota yang bersara dengan jayanya.

Sehubungan itu, Dato Paduka Seri juga berharap agar perpaduan pasukan akan terus dimantapkan dan dipertingkatkan melalui aktiviti-aktiviti berkegiatan seperti itu yang bertujuan menyemai semangat bekerjasama terutamanya dalam melaksanakan tugas sehari-hari.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pesara di majlis tersebut.



TIMBALAN Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff ketika memberi kenyataan mengenai peluang-peluang pekerjaan di negara ini kepada wakil media tempatan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BMR terus berusaha cegah rasuah

BERAKAS, 24 Disember. - Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dengan rasuah iaitu 'The United Nations Convention Against Corruption'.

Menurut Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim, konvensyen itu adalah satu-satunya konvensyen antarabangsa yang paling global penggunaannya untuk pengawalan rasuah.

Menjelaskan perkara itu dalam Majlis Penyerahan Kalendar Anti Rasuah 2004 hari ini, Dayang Hajah Intan menambah, salah satu artikel di dalam

konvensyen itu menekankan keperluan penggunaan kaedah pencegahan dalam strategi nasional menentang rasuah.

"Pengiktirafan secara antarabangsa bagi kaedah tersebut menunjukkan betapa pentingnya langkah-langkah pencegahan dalam usaha-usaha kita menentang rasuah," jelas Dayang Hajah Intan.

Tegasnya, walaupun usaha pencegahan bukanlah perkara yang baru bagi negara ini, namun BMR telah mula memperkembangkan lagi usaha di bidang itu dalam jangka masa dua tahun kebelakangan ini.

Ini terbahagi kepada dua penampilan iaitu perta-

Oleh
Bolhassan HAB

ma, usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan gejala rasuah dan peranan masyarakat dalam mewujudkan pentadbiran yang bersih di negara ini.

Seterusnya penampilan kedua ialah penubuhan Bahagian Pencegahan pada tahun lalu iaitu tugas utama bahagian itu ialah penelitian terhadap prosedur dalam agensi kerajaan yang boleh memberi peluang kepada rasuah dan mencadangkan langkah pembetulan atau pembaharuan yang bersesuaian.

Sektor swasta, katanya,

tidaklah terkecuali daripada usaha itu terutama sekali memandangkan bahawa salah satu keperluan di dalam konvensyen yang ditandatangani itu ialah pengawalan rasuah dalam sektor swasta.

Sebanyak tiga buah agensi swasta menaja kalendar tersebut yang terdiri daripada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd. dan Takaful IDBB Sdn. Bhd.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat BMR di sini diteruskan dengan penyerahan Dummy Kalendar daripada penaja kepada Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan.



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim menyampai Kalendar Anti Rasuah 2004 kepada wakil Pengurus Besar Takaful IDBB Sdn. Berhad. - Gambar oleh Hamadi HM.

MENGHAYATI DAN MENYEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN KE-20

BERKORBAN apa saja demi bangsa dan negara tercinta', merupakan ungkapan dan semboyan menggambarkan kecintaan terhadap bumi tercinta. Dimantapkan lagi dengan slogan-slogan 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri' baik lagi di negeri sendiri'. Begitu juga ungkapan 'di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung'. Semuanya menjurus kepada semangat kebangsaan dan patriotisme yang sering disebut-sebut oleh kita semua.

Betapa indah dan idealnya setiap kalimat dan kata-kata keramat yang sering kita sebut-sebut itu. Bertambah bererti lagi jika ia dapat dilekatkan di sanubari dan diterjemahkan dalam gerak laku setiap warga kita. Semua itu bertitik-tolak dari semangat, penghayatan dan kefahaman kepada falsafah berbangsa dan bernegara.

BERSYUKUR

Bercakap mengenai kecintaan kepada bangsa dan negara ini, pertamanya kita harus memanjatkan rasa syukur bahawa Negara Brunei Darussalam tercinta yang pernah tercatat dalam sejarah sebagai sebuah empayar besar di zaman kurau itu masih wujud dan berdaulat hingga ke hari ini. Negara telah melalui pelbagai cabaran dan peristiwa dalam sejarahnya di kurun yang lampau. Begitupun kita masih mampu memiliki dan mempertahankan sekubut wilayah yang

merdeka dan berdaulat.

Kita juga harus bersyukur, walaupun wilayah dan bilangan penduduk Brunei Darussalam kecil tetapi kita masih 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara dunia lain. Kita juga mempunyai suara yang sama di Persyarikatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan di forum-forum antarabangsa dan serantau yang lain.

Seperkara yang juga seharusnya tidak lupa kita syukuri ialah nikmat Allah Subhanahu Wataala yang mengurniakan rezeki yang melimpah-ruah dari hasil bumi minyak dan gas yang memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Nikmat itu ditambah lagi dengan wujudnya keamanan, kestabilan dan kesejahteraan hasil persefahaman dan kerjasama dari segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini yang mengamalkan budaya dan nilai-nilai murni kebruneian dengan sikap berawar galat, taat beragama, bantu-membantu, bertatasusila serta patuh kepada pemimpin.

PATRIOTISME

Aspek dan falsafah kenegaraan terlalu luas untuk dibincangkan. Para cendekiawan dan ilmuannya yang lebih faham dan selayaknya menghuraikannya. Walau apa pun pada kesempatan ini kita sekadar cuba memfokuskan kepada Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

kita sambut pada 23 Februari setiap tahun.

Hari Kebangsaan 2004 memilih tema 'Patriotisme Teras Keteguhan Negara' yang menekankan pentingnya patriotisme dalam menani, memelihara dan membangun bangsa dan negara terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan akan datang.

Dalam konteks patriotisme ini, kita ingin melihat segenap lapisan penduduk negara ini mempunyai. Semangat kebangsaan itu biarlah tumbuh bukan kerana dipaksa-paksa atau sekadar terikut-ikut mengikut musim. Ia harus sentiasa wujud dalam diri kita pada setiap masa dan di mana sahaja kita berada.

Untuk memantapkannya ia hendaklah sentiasa dirangsang seperti membubuh baja pada tanaman agar ia lebih subur. Ini boleh dilakukan melalui sambutan-sambutan pada setiap tahun yang dipenuhi dengan acara-acara seperti perhimpunan agung dan beberapa acara-acara sampingan yang lain.

Baru-baru ini diadakan Jerayawara Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2004 di keempat daerah bertujuan

memberiagakan dan memupuk semangat rakyat dan penduduk untuk sama-sama terlibat menyemarakkannya dengan komitmen yang tinggi. Ia juga bertujuan untuk mengimbu penghayatan dan kefahaman mengenai falsafah Hari Kebangsaan.

Sememangnya Hari Kebangsaan itu patut disambut dan disemarakkan bukan sahaja dengan kemeriahan malah melalui penghayatan, kefahaman dan pengertian. Perkara inilah yang patut disemaikan kepada orang-orang katani terutama generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan.

PENGLIBATAN

Penglibatan rakyat dan penduduk secara berpadu dalam sama-sama memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan amat wajar dan perlu dicari maknisme untuk merangsang dan menggerakannya. Usaha mengimbu penghayatan dan penglibatan segenap lapisan masyarakat bukan hanya tertumpu kepada penyertaan semasa perhimpunan agung atau mengibarkan bendera sahaja. Kita harus memikirkan cara-cara lain supaya hari keramat itu benar-benar dihayati dan disertai de-

ngan penuh komitmen dan patriotisme.

Ke arah itu dicadangkan lebih banyak lagi program-program yang perlu disusun supaya dapat disertai oleh segenap lapisan masyarakat. Dengan demikian mereka akan sama-sama merasakan keterlibatan dan menjadi saluran kepada mereka untuk menterjemahkan komitmen masing-masing.

Selain dari perhimpunan agung, mungkin diadakan sambutan-sambutan dan acara-acara susulan di peringkat kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, peringkat daerah, mukim dan kampung agar suasana, penyertaan dan penghayatan dapat dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat.

Acara-acara mungkin berbentuk perkumpulan-perkumpulan yang diisi dengan ceramah khas Hari Kebangsaan, persembahan nyanyian, puisi, syair, pantun, drama yang boleh memupuk dan menyuburkan semangat patriotisme kepada hadirin.

Pada masa yang sama mungkin juga diperbanyakkan peraduan-peraduan, pertandingan-pertandingan untuk berbagai peringkat masyarakat termasuk acara-acara sukan tradisional dan moden yang bukan sahaja menjurus kepada usaha membangkitkan semangat patriotik, sekali gus boleh meningkatkan kecemerlangan dalam bidang-bidang berkenaan.

Dalam hal ini selain agensi-

agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan hendaklah juga mengambil peranan yang sama. Jika agensi dan institusi berkenaan dapat menjadi penaja kepada acara-acara atau peraduan-peraduan tersebut, maka sambutan Hari Kebangsaan bukan sahaja akan lebih meriah malah penghayatan masyarakat juga akan lebih meningkat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya kita menyorot titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 (2003) yang antara lain menekankan:

"Setiap rakyat mesti memiliki semangat cintakan negara (patriotisme) kerana ia merupakan bahan bakar yang amat diperlukan. Tanpa adanya bahan bakar ini, segala jentera tidak akan berfungsi."

"Dengan berbekalkan patriotisme di dada, kita semua akan serentak mendukung perpaduan sambil membangun negara ini dengan cara kita sendiri. Kita akan bertolak dari asas yang sama iaitu sikap saling hormat-menghormati, toleransi dan berawar galat serta mematuhi ajaran-ajaran Islam selaku tanggung utama kepada keharmonian dan kesejahteraan bangsa."

Hayati Etika Perkhidmatan Awam, kepentingan pelanggan

BERAKAS, 24 Disember. - Peserta-peserta Kursus Pembangunan Organisasi, Jabatan Kemajuan Perumahan disaran supaya mempraktikkan dan menggunakan isi kandungan kursus berkenaan sebagai rujukan dan panduan ke arah melahirkan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti.

Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Pengiran Mohidin menyuarakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pembangunan

Oleh
Abu Bakar HAR

Organisasi yang dikelola oleh Jabatan Kemajuan Perumahan di Pusat Latihan Kementerian Pembangunan di sini.

Menurutnya, kursus tersebut antara lain bertujuan untuk memberi pengetahuan, memahami dan mematuhi undang-undang am, peraturan kewangan, akta keselamatan, pencegahan rasuah dan penyalahgunaan dadah.

Selain itu, katanya, kursus tersebut juga bertujuan untuk memahami dan menghayati Etika Perkhidmatan Awam dan mengetahui kepentingan perkhidmatan pelanggan.

Kursus yang dibahagikan kepada dua kumpulan dengan bilangan peserta seramai 43 orang telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan tempatan Jabatan Kemajuan Perumahan dalam Bahagian II, III, IV dan V yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan, 'site staff',

'open vote' dan yang bergaji hari.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil-sijil berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Pembangunan, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Omar.

Antara isi kandungan kursus tersebut meliputi peraturan-peraturan am, peraturan-peraturan kewangan, pandangan audit ke atas akaun-akaun kerajaan dan etika kerja menurut pandangan Islam.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Pembangunan menyempurnakan cenderamata kepada salah seorang peserta Kursus Pembangunan Organisasi. - Gambar oleh Halim HS.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Perumahan yang menyertai Kursus Pembangunan Organisasi. - Gambar oleh Halim HS.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BAHAGIAN II

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pengiriman buku kepada pelanggan dari dalam dan luar negeri	1 - 2 hari selepas pembayaran dijelaskan
2.	Pembahagian ihsan kepada penulis/penyumbang	1 - 2 minggu selepas menerima buku dari pencetak

SOROTAN PENYERTAAN NEGARA DI SUKAN SEA KE-22 DI VIET NAM

Dengan hanya menyertai 10 acara

Penyertaan di Viet Nam kejayaan terbaik

PENYERTAAN Negara Brunei Darussalam di kejohanan Sukan Asia Tenggara atau SEA Games sudah boleh dianggap matang dan bukan lagi menyertai untuk menimba pengalaman, malah perlu mempunyai sasaran untuk mengutip pingat emas.

Bagaimanapun sejak menyertai kejohanan itu di Kuala Lumpur pada tahun 1977 sehingga edisi ke-22 di Viet Nam baru lalu, kontinjen negara hanya berhasil mengumpul 179 pingat keseluruhan termasuk lapan pingat emas yang banyak dihasilkan menerusi acara pencak silat.

Jika dicongak dari sudut kutipan pingat, sumbangan atlet negara belum boleh dikatakan memberi pulangan yang terbaik, tetapi pujian perlu diberikan kepada mereka kerana telah menunjukkan satu peningkatan persaingan sebelum akur kepada kehebatan dari negara lain.

Justeru, pihak tertentu perlu mengambil langkah

PENYERTAAN negara pada Sukan SEA edisi ke-22 di Viet Nam, Pemberita PELITA BRUNEI, Samle Haji Jait mengupas pencapaian negara.

segera untuk menilai dan memperbaiki semula segala kelemahan sehingga dapat membuktikan bahawa atlet negara juga boleh bersaing dan mampu mengutip pingat emas pada kejohanan-kejohanan serantau akan datang.

SUKAT-SUKAT PENYERTAAN

Bertolak dari situ, penyertaan negara di Viet Nam baru lalu telah menyaksikan satu perubahan dari segi jumlah penyertaan dan acara sukan yang disertai yang dilihat membuahkan hasil yang baik.

Selepas membuat penilaian terperinci oleh Jawatankuasa Pemilihan ke Sukan SEA, negara hanya menghantar 118 atlet dan pegawai untuk menyertai 10 acara sukan yang dilihat mampu memberi persaingan dan boleh menyum-

bangkan pingat.

Sukan berkenaan termasuk biliard dan snuker, menembak, sepak takraw, pencak silat, karate-do, tinju, olah raga, kayak, catur dan lawan pedang yang didaftarkan pada saat-saat akhir.

Sepanjang sembilan hari kejohanan diwihutan itu diadakan, kontinjen negara telah berjaya menonjolkan aksi persaingan yang begitu membara, sekalipun hanya memberi habuan satu butir pingat emas, satu pingat perak dan lapan gangsa.

Tekad tinggi para atlet juga terserlah apabila majoriti daripada mereka berjaya mara ke peringkat suku akhir sebelum tercicir dari menggenggam pingat.

Jika dinilai dengan jumlah penyertaan atlet dan acara sukan yang disertai, penyertaan negara di Viet Nam boleh dikatakan memberi hasil yang terbaik sejak menyertai kejohanan serantau yang berlangsung di luar negara.

Rekod terbaik negara ialah ketika menjadi tuan rumah pada tahun 1999 apabila berjaya mengumpul 47 pingat keseluruhan dengan kejayaan meraih sebanyak empat butir pingat emas, 12 pingat perak dan 31 pingat gangsa.

Sementara itu, rekod terbaik di luar negara ialah di Kuala Lumpur pada tahun 1989 dengan kejayaan mengutip 27 pingat keseluruhan termasuk sebutir pingat emas, dua pingat perak dan 24 gangsa.

FAKTOR KEGAGALAN

Kurang mengikuti kejohanan pendedahan dilihat faktor utama kehampaan kepada kontinjen negara dari mengutip lebih banyak pingat pada pertemuan di Indochina itu.



MENAIKKAN MARTABAT NEGARA ... Wirawati negara yang telah berjaya mengukir juara dengan memenangi pingat emas dalam acara Pencak Silat Seni Regu Wanita di Sukan SEA Viet Nam.

Negara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
Viet Nam	158	97	91	346
Thailand	90	93	98	281
Indonesia	55	68	98	221
Filipina	48	54	75	177
Malaysia	44	42	59	145
Singapura	30	33	50	113
Myanmar	16	43	50	109
Laos	1	5	15	21
Kemboja	1	5	11	17
Brunei	1	1	8	10
Timor Leste	0	0	0	0

*** Kedudukan Negara Brunei Darussalam pada kejohanan Sukan SEA di Viet Nam.**

MASA DEPAN YANG MENCABAR

Ketika menyaksikan banyak peningkatan dan pencapaian yang dilahirkan dari kebanyakan atlet negara ASEAN pada pertemuan di Viet Nam, persaingan pada edisi ke-23 di Manila dua tahun dari sekarang juga dilihat akan lebih mencabar dan persaingan untuk merebut pingat juga sangat getir.

Namun atlet kita tidak perlu gusar kerana untuk mencapai kejayaan ialah melalui usaha lebih gigih, yakin dan menyimpan tekad yang tinggi untuk kemenangan.

Sabda peringatan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bahawa atlet yang benar-benar cemerlang dan memenuhi kriteria sahaja yang dibolehkan mewakili negara merupakan satu 'semangat' kepada atlet untuk terus berusaha lebih gigih demi negara.

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang menjadi pendorong semangat atlet negara di Viet Nam itu juga



HAMPA ... Peserta negara dalam acara kayak merasa hampa kerana terlepas dari mengutip sebarang pingat setelah tali kemudi kayak mereka terputus. Harapan mereka dalam acara ini sememangnya cerah untuk meraih pingat emas.

melahirkan sabda agar para atlet akan mempunyai tahap ketahanan, ketangkasan, kekuatan dan kesihatan yang baik untuk mewakili negara.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, peluang para atlet negara untuk mencipta rekod yang lebih baik tetap terbuka dan untuk mencipta kejayaan juga masih belum terlambat sekalipun kita menyaksikan negara-negara serantau juga sudah membuktikan kehebatan.

Bagaimanapun mereka

perlu berusaha lebih gigih dan mempunyai tekad yang tinggi untuk bergelar juara, kerana semangat sahaja belum mencukupi untuk menjulang kemenangan.

Para atlet dari sekarang juga perlu mengambil iktibar dan memperbaiki segala kelemahan dan kesilapan yang lalu.

Semoga kejohanan di Manila pada tahun 2005 nanti atlet negara akan melakar satu lagi sejarah kepada perkembangan sukan Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau.



PINGAT PERAK ... Mohd. Fadillah Sanif berjaya menyumbangkan pingat perak dalam acara karate-do.



SUASANA seperti yang dirakam dalam gambar atas kerap kali berlaku apabila saja tiba musim haji.

DALAM beberapa hari saja lagi, para bakal jemaah haji kita akan berangkat meninggalkan tanah air untuk pergi ke Tanah Suci Mekah bagi menunaikan ibadah haji. Dan alhamdulillah kita bersyukur, negara kita Brunei Darussalam sebuah negara Islam tidak pernah luput daripada menyertai perhimpunan besar di Tanah Suci Mekah untuk mengerjakan Rukun Islam yang kelima itu. Tegasnya, negara kita merupakan salah sebuah negara di dunia ini yang pada setiap tahun tidak ketinggalan berserta jutaan umat Islam yang lain bagi sama-sama mengerjakan ibadah haji.

Memang jumlah jemaah-jemaah haji kita adalah kecil jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain. Namun demikian jika kita analisa dari segi nisbah bilangan penduduk, maka peratus jemaah kita pada setiap tahun sebenarnya adalah paling tinggi. Ini semua menunjukkan betapa peningkatan ekonomi dan kemakmuran rakyat, khususnya mereka yang beragama Islam. Tidak syak lagi ini juga menunjukkan

bahawa agama Islam terus berkembang maju dan amalan beragama terus mencapai kegemilangan.

Ibadah haji adalah salah satu Rukan Islam kelima. Ianya ditakrifkan salah satu daripada kelebihan umat Islam dan agama Islam yang tidak ada dan wujud pada agama dan umat lain. Dalam erti kata yang lain kelebihan ibadah haji tidak ada ibadah yang serupa dengannya di dalam apa-apa jua ibadah dalam agama-agama lain. Justeru itu, ibadah haji hanya wajib dilakukan oleh setiap umat Islam sekali dalam seumur hidup. Wajibnya itu juga bergantung kepada apa yang disebutkan dalam hukum syarak sebagai 'Al-Istitaah' iaitu hendaklah seseorang Islam itu mempunyai keupayaan dari segi perbelanjaan pergi dan balik ke Mekah di samping perbelanjaan untuk orang yang ditinggalkannya yang wajib ditanggung.

Di samping mempunyai kemampuan kewangan, seseorang itu juga perlu mempunyai kesihatan dan keamanan, kemudahan perjalanan untuk menunaikan kewajiban haji itu. Perkara ini penting sepertimana

yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 yang tafsirnya: "Dengannya bagi Allah wajib atas manusia itu menunaikan haji bagi sesiapa yang berkuasa untuk pergi ke Baitullah."

Sebenarnya ibadah haji itu mempunyai signifikan kepada umat Islam sejagat. Dalam situasi dunia yang sentiasa bergolak dan dilanda pelbagai masalah seperti peperangan dan yang dilanda dengan berbagai-bagai peristiwa buruk, maka Tanah Suci Mekah pada musim haji merupakan sebuah 'taman perdamaian' yang indah dan unik, di mana seluruh bangsa-bangsa daripada segenap pelusuk bumi ini akan melupakan sejenak masalah-masalah sosial dan politik yang menekan masing-masing. Mereka masing-masing menjadi tetamu yang istimewa iaitu menjadi tetamu Allah, yang istimewanya tidak ada tolok bandingnya di dunia yang fana ini.

Dalam perhimpunan jutaan manusia itulah terserlah satu ikatan persaudaraan yang unggul dan

unik. Di tengah-tengah lautan manusia itu terpancarnya perdamaian sejati yang sungguh indah dan menakjubkan. Begitulah kebesaran-Nya menjadi tetamu Allah. Dengan kita mengalami sendiri keadaan di Tanah Suci Mekah, maka kita boleh membuat kesimpulan bahawa inilah satu ajaran yang paling benar yang digariskan oleh Islam mengenai perdamaian dan persaudaraan sejati di antara sesama manusia. Tidak terdapat hasad dengki, tidak ada tamak haloba dan tidak ada diskriminasi kaum. Semuanya adalah sama saja, tidak ada perbezaan kulit. Tidak ada istilah berbeza, semuanya serupa. Ini dapat dipancarkan semasa wukuf di Padang Arafah, semuanya sama berpakaian putih.

Satu perkara mengapa ibadah haji sangat istimewa, kerana ianya merupakan ibadah yang merangkumi seluruh ibadah sembahyang, puasa dan zakat. Lantaran itu ianya diletakkan di tempat yang terakhir dalam Rukun Islam yang wajib dikerjakan oleh seseorang Islam itu. Untuk mengerjakan ibadah haji bukanlah satu perkara yang

Menjadi tetamu Allah

mudah akan tetapi memerlukan pengorbanan yang besar dan banyak. Pengorbanan itu meliputi wang ringgit, tenaga dan waktu yang bukan sedikit. Kita meninggalkan segala-galanya. Kita meninggalkan orang yang dikasihinya, meninggalkan pekerjaan dan perniagaan, harta benda serta rumah tangga dan berbagai-bagai kemewahan. Pendek kata mengerjakan ibadah haji antara hidup dan mati.

Lantaran itu, sesungguhnya tidak ada keistimewaan yang paling besar dan agung bagi seseorang Islam selain dapat diterima menjadi tetamu Allah. Kalau kita perhatikan dari segi kemampuan dan keupayaan, begitu banyak orang-orang Islam yang mempunyai kekayaan dan harta melimpah-ruah, akan tetapi mereka masih belum mendapat rahmat dan 'lambaian' untuk menjadi tetamu Allah. Maka amat beruntunglah bagi mereka yang hendak menunaikan fardu haji tahun ini. Amat beruntunglah bagi mereka yang telah dirahmati Allah yang membukakan hatinya untuk berkunjung ke Rumah Allah yang menjadi tumpuan jutaan umat Islam di seluruh pelusuk dunia.

Apa yang lebih beruntung ialah bagi sesiapa yang diterima ibadah hajinya oleh Allah sebagai haji yang mabrur, kerana balasan haji yang mabrur

OLEH FIRDAUS HJ

tidak lain ialah Syurga. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang maksudnya: "Haji yang mabrur itu tidak ada balasan yang lain selain daripada Syurga." Untuk mendapatkannya bukanlah suatu yang mudah, bukan hanya setakat berdoa, sembahyang setiap malam Jumaat dan berjama-jama sahaja. Bahkan ianya menuntut agar mengerjakan haji menurut peraturan-peraturan, cukup sempurna rukun dan syarat, wajib dan sunat, menjauhkan perkara-perkara yang membatalkan, yang makruh sama ada perkara yang dapat dilihat, apatah lagi perkara yang tidak dapat dilihat seperti ikhlas, taqwa, iman, warak, dan ihsan kerana Allah, tiada yang lain melainkan Allah.

Seperkara yang perlu diingat oleh bakal jemaah haji, mengerjakan ibadah tersebut mempunyai banyak godaan dan ujian. Kita perlu sanggup menghadapi apa jua cabaran seandainya mengalami kesusahan dan kerumitan.

Perlu disedari mengerjakan ibadah haji bukanlah seperti makan angin dan melancong di mana semuanya dalam keadaan senang, tetapi ibadah haji memerlukan kesabaran yang tinggi dalam meng-

hadapi apa jua rintangan yang mendatang. Ujian dan cabaran yang datang setiap masa sepanjang kita berada di Tanah Suci Mekah Al-Mukaramah.

Sebagai contoh, sifat-sifat pengorbanan banyak terdapat dalam cara-cara para jemaah haji menunaikan kewajipan mereka. Mereka itu datang dengan pelbagai cara daripada segenap pelusuk dunia ini, dengan pelbagai cara dan keadaan. Ada yang datang berjalan kaki atau kenderaan atau mengharung lautan dan badai samudera serta udara dengan tidak mempedulikan sebarang kesukaran. Kerana itu juga, jangan sampai ibadah yang memerlukan pengorbanan yang bukan sedikit itu dicampuradukkan dengan perkara-perkara dan benda-benda mungkar dan bidaah serta kepercayaan yang bertentangan dengan aqidah dan kesucian agama Islam. Justeru itu janganlah membawa perkara-perkara yang bidaah dan khurafat dalam mengerjakan ibadah haji. Hindarkanlah semua itu agar kita memperoleh haji yang mabrur dan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

Alhamdulillah, kita berdoa dan berharap agar para jemaah haji kita akan selamat menunaikan ibadah haji dan selamat kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang mabrur. Amin.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PENGENALAN

PERLAKSANAAN aktiviti-aktiviti kurikulum dalam bilik darjah adalah penting bagi merangsang minda para pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap sesuatu mata pelajaran atau subjek. Dalam hal ini guru memainkan peranan yang penting dalam merancang aktiviti-aktiviti kurikulum dalam bilik darjah yang bersesuaian. Ini bertujuan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan mudah.

DEFINISI

Pengajaran ialah kegiatan tersusun yang dibuat oleh guru khusus untuk para pelajar dengan tujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Kegiatan yang dibuat akan memberikan pengetahuan yang baru kepada yang diajar khususnya pelajar sendiri. Objektif utama dalam pengajaran juga bertujuan untuk mengubah tingkah laku dan juga kepercayaan pelajar terhadap sesuatu perkara.

Aktiviti pula ialah segala bentuk kegiatan yang dilaksanakan oleh guru dalam suatu pengajaran berdasarkan kepada keperluan pelajar itu sendiri. Selain itu juga kegiatan tersebut dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan sukatan pelajaran yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan menurut peringkat sekolah yang diajar.

Kurikulum mempunyai berbagai-bagai definisi berdasarkan kepada bidang-bidang tertentu. Antara definisi yang dinyatakan oleh Connell (1981: 185) adalah seperti berikut:

1. "Kurikulum merupakan sejumlah usaha sekolah mempengaruhi pembelajaran sama ada di dalam bilik darjah, di padang permainan atau di luar sekolah."
2. "Dengan 'kurikulum' dimaksudkan pengalaman yang dirancang diberikan kepada si pelajar di bawah bimbingan sekolah."
3. "Kurikulum . . . semua kursus yang diberikan oleh sekolah."
4. "Kurikulum . . . susunan bersistem kursus tertentu yang dirancang untuk kepentingan murid umpamanya, kurikulum persediaan maktab."
5. ". . . kursus diberi di dalam sesuatu bidang mata pelajaran tertentu, umpamanya kurikulum sains."
6. ". . . kursus yang diambil oleh individu."

Daripada definisi di atas jelas menunjukkan pengertian yang berbeza-beza dan secara umumnya kurikulum ialah perancangan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Nicholls (1987:ix) pula mendefinisikan tingkah laku itu ialah perbuatan-perbuatan para pelajar iaitu pemikiran atau perasaan-perasaan disimpulkan ataupun dengan sendirinya menjadi tujuan. Secara umumnya tingkah laku ialah sikap atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dan perubahan tingkah laku seseorang pelajar itu berlaku melalui peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kanak-kanak, remaja dan seterusnya peringkat dewasa.

Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting bagi mendorong perubahan tingkah laku para pelajar. Ini kerana penyusunan aktiviti-aktiviti kurikulum yang dilaksanakan oleh guru akan mempengaruhi pelajar tersebut ke arah yang positif, jika kurikulum tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

TUJUAN KURIKULUM

Dalam bilik darjah, guru mempunyai kuasa yang penuh terhadap pelajar dalam mendidik dan memberikan ilmu pengetahuan. Oleh itu, guru seharusnya merancang aktiviti-aktiviti kurikulum yang boleh merangsang minda dan kreativiti pelajar untuk berpartisipasi dalam pengajaran tersebut.

Walaupun guru mempunyai kuasa untuk menentukan aktiviti-aktiviti kurikulum bilik darjah, tetapi ada masanya guru tersebut harus memikirkan keperluan pelajar, misalnya terdapat pelajar yang lemah dalam suatu mata pelajaran. Dalam hal ini, guru harus memikirkan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian agar pelajar tersebut tidak ketinggalan.

Perancangan kurikulum yang disediakan oleh guru disebabkan oleh tujuan-tujuan tertentu. Antara tujuan tersebut ialah:

1. Menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar menurut sukatan yang ditentukan oleh pihak Kementerian berdasarkan falsafah negara.
2. Memberikan pendidikan berbentuk ilmu pengetahuan yang berguna dengan cara yang berkesan dan membina.

3. Merancang aktiviti-aktiviti pengajaran yang bersesuaian menurut peringkat sekolah.

4. Mengenal pasti pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran.

Itu adalah antara tujuan kurikulum diwujudkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, namun setiap tujuan adalah berbeza-beza berdasarkan kepada bidang ilmu yang diajar. Namun matlamat utama setiap kurikulum adalah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan dan terancang.

AKTIVITI-AKTIVITI BILIK DARJAH

Dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kurikulum dalam bilik darjah, guru boleh melaksanakannya sama ada dalam cara individu, kumpulan atau kelompok. Namun begitu, guru harus bijak dalam menentukan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan merancang dengan teliti agar ianya tidak menyimpang daripada objektif kurikulum tersebut.

Melalui aktiviti secara individu ini selalunya lebih memusatkan kepada dua orang saja iaitu antara guru dan pelajar. Dalam hal ini, interaksi hanya berlaku antara seorang murid dengan seorang guru dalam pengajaran sesuatu subjek. Ini adalah kerana potensi dan tahap pencapaian pelajar adalah berbeza antara satu dengan yang lain, dan aktiviti ini dapat membantu guru untuk mengenal pasti pelajar yang menghadapi masalah dalam memahami subjek tersebut. Selain itu juga, guru akan dapat mengenali pelajar tersebut dengan lebih dekat, dan pelajar juga akan dapat belajar dalam suasana yang harmoni dan menyenangkan.

Perlaksanaan aktiviti secara berkumpulan memainkan peranan yang penting dalam bilik darjah, kerana para pelajar dapat menyesuaikan diri dengan rakan sebaya yang lainnya. Dalam aktiviti ini, penyertaan pelajar akan lebih aktif kerana mereka bebas untuk menyuarakan pendapat masing-masing dan mampu menyelesaikan suatu masalah secara mudah dengan bekerjasama. Tetapi guru juga memainkan peranan penting dalam mendorong penyertaan pelajar agar mereka dalam membentuk sifat kerjasama dalam membuat suatu aktiviti atau projek.

Dalam aktiviti berkelompok pula boleh dilaksanakan dengan berdasarkan kepada pencapaian pelajar dalam suatu subjek. Dalam bilik darjah, ada antara pelajar yang mempunyai pencapaian yang lemah dan guru pula boleh mengelompokkan pelajar tersebut dalam satu kumpulan. Bagi pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik, mereka dikelompokkan dalam satu kumpulan dengan memberikan aktiviti-aktiviti pengayaan. Manakala pelajar yang lemah pula, guru boleh memberikan bimbingan yang lebih intensif berdasarkan cepat atau lambat nya proses penerimaan pelajar dalam subjek tersebut.

PENGAJARAN BAHASA

Dalam pengajaran bahasa, aktiviti-aktiviti yang dijalankan hanya berpusat kepada pembelajaran bahasa dan bagaimana bahasa tersebut digunakan. Oleh itu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan lebih kepada pengajaran lisan yang bertujuan untuk menguji kefahaman murid berkenaan.

Di samping itu juga, aktiviti ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada beberapa kemahiran agar dapat diaplikasikan kepada mata pelajaran yang lain. Dalam proses pengajaran bahasa, terdapat tiga aktiviti utama dalam bilik darjah iaitu membaca, menulis dan mendengar. Ketiga-tiga aktiviti ini akan mendedahkan pelajar kepada suasana pengajaran dan pembelajaran di samping mendapat kemahiran-kemahiran membaca, menulis dan mendengar.

Dalam aktiviti membaca, guru hendaklah memilih bahan bacaan yang bersesuaian agar pelajar dapat menumpukan perhatian pada pelajaran tersebut. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat memberikan pendapat mereka

AKTIVITI KURIKULUM BAGI MENGUBAH TINGKAH LAKU

Oleh FAJRY

sendiri dan boleh dibincangkan sama ada dengan guru mahupun rakan sebaya. Melalui aktiviti ini juga akan dapat menambah pengetahuan pelajar mengenai perbendaharaan kata, yang juga akan menggalakkan pelajar untuk bertanya di samping aktif dalam aktiviti lisan.

Untuk menguji kefahaman pelajar, guru menyuruh pelajar untuk membaca bahan tersebut secara bergilir-gilir agar dapat menambah pengetahuan pelajar mengenai perbendaharaan kata, yang juga akan menggalakkan pelajar untuk bertanya di samping aktif dalam aktiviti lisan.

Aktiviti menulis juga adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran, misalnya dalam menulis karangan, cerita dan rencana. Begitu juga dengan menyalin nota yang ditulis pada papan tulis. Di samping itu juga, pelajar dapat mengeja dan menulis suatu perkataan dengan betul, selain secara lisan. Dalam membincangkan tentang idea-idea dalam menulis karangan, pelajar akan cuba mencatat dan menulis isi-isi penting dalam suatu karangan. Setelah mendapat maklumat yang lengkap, pelajar akan cuba menulis sebuah karangan yang baik.

Melalui aktiviti ini juga, pelajar akan mendapat kemahiran menulis dan juga bentuk penulisan yang baik. Setiap pelajar mempunyai bentuk penulisan yang berbeza sama ada yang dapat difahami atau sebaliknya. Dengan adanya latihan menulis yang diberikan, guru akan dapat membantu pelajar tersebut untuk memperbaiki cara penulisan pelajar tersebut. Penulisan yang baik juga akan menggalakkan pelajar untuk ikut serta dalam aktiviti pertandingan tulisan cantik.

Dengan adanya aktiviti mendengar, pelajar akan lebih peka dengan apa yang disampaikan oleh guru. Aktiviti ini boleh dilaksanakan oleh guru dengan mengadakan aktiviti bercerita mengenai sesuatu yang baru dan pelajar dapat mendengar dan juga mencatat maklumat-maklumat penting.

Aktiviti ini bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah. Antara masalah yang sering dihadapi oleh guru ialah pelajar yang tidak mampu memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran. Dalam hal ini guru seharusnya memberikan perhatian terhadap pelajar-pelajar tersebut dengan menggunakan aktiviti-aktiviti seperti menonton televisyen dan guru pula bercerita berdasarkan cerita yang ditayangkan.

Selain itu, pelajar dapat memberikan gambaran mereka tersendiri berdasarkan kepada apa yang mereka dengar dan membezakannya berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar. Melalui aktiviti ini juga, guru akan dapat mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah pendengaran agar pelajar tersebut tidak ketinggalan dalam mata pelajaran.

PENGAJARAN SAINS, LUKISAN DAN LAIN-LAIN

Selain aktiviti-aktiviti pengajaran bahasa, pengajaran terhadap ilmu-ilmu lain juga mempunyai aktiviti-aktiviti tertentu. Dalam pengajaran sains seperti biologi, fizik, kimia dan ilmu-ilmu sains yang lainnya, aktiviti-aktiviti pengajaran adalah berbeza-beza dan sententunya melibatkan aktiviti-aktiviti praktikal. Misalnya subjek kimia yang memerlukan pelajar untuk melakukan

kerja-kerja praktikal seperti menentukan sukatan yang betul dan juga mencampurkan bahan-bahan yang diperlukan dalam menghasilkan suatu bahan kimia. Aktiviti-aktiviti ini dapat dilakukan dengan adanya peralatan sains yang lengkap.

Dalam pengajaran lukisan pula memerlukan kreativiti pelajar dalam melakar suatu yang nyata pada kertas lukisan. Misalnya melukis buah-buahan di mana guru akan menyediakan model buah-buahan dan pelajar akan cuba melukisnya. Manakala lukisan semula jadi seperti pokok atau hutan, guru akan menggalakkan pelajar tersebut untuk melukis berdasarkan apa yang mereka lihat atau imajinasi sendiri.

Dalam setiap pengajaran dalam ilmu bidang lain, guru hendaklah merancang setiap aktiviti itu dengan teliti agar ianya dapat dilaksanakan. Namun begitu, guru juga seharusnya cuba meminta pandangan pelajar sama ada mereka berkemampuan untuk melakukan aktiviti tersebut tanpa menghadapi sebarang kesulitan. Ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada aktiviti kurikulum tersebut berjaya dilaksanakan atau sebaliknya.

MENGUBAH TINGKAH LAKU

Melalui pengajaran bahasa, aktiviti membaca dapat menimbulkan minat membaca di kalangan pelajar. Bahan-bahan bacaan pula tidak hanya terikat pada satu subjek tetapi juga subjek-subjek lain yang memerlukan pembacaan. Aktiviti tersebut juga menggalakkan pelajar untuk berinteraksi secara lisan di antara guru mahupun rakan sebaya.

Dalam hal ini, pelajar mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap aktiviti membaca dan akan lebih peka terhadap bahan yang mereka baca. Ini sententunya akan mengubah tingkah laku pelajar tersebut dari seorang yang malas kepada pelajar yang aktif membaca.

Aktiviti menulis juga menggalakkan pelajar untuk memberikan pendapat mereka secara bertulis, misalnya dalam menulis karangan. Ini menunjukkan bahawa pelajar juga mampu berfikir secara rasional dan kreatif dalam penulisan. Ianya juga menggalakkan pelajar tersebut untuk aktif dalam bidang penulisan dan tidak hanya tertumpu pada satu subjek saja.

Bidang penulisan adalah sangat luas meliputi subjek-subjek lain dan ini sententunya menggalakkan pelajar menulis sesuatu yang dirasakannya seperti sajak atau cerpen. Melalui kedua-dua bidang ini, pelajar cuba menyatakan emosi mereka melalui penulisan dan menggalakkan pelajar untuk berkarya.

Manakala aktiviti mendengar pula dapat menarik minat pelajar untuk mengetahui sesuatu perkara dan seterusnya menumpukan perhatian kepada pelajaran. Pelajar akan lebih peka mendengar apa yang diucapkan oleh guru dan pelajar tersebut akan dapat menguasai kemahiran mendengar dengan baik.

Selain itu, aktiviti-aktiviti kurikulum yang dilaksanakan juga boleh mengubah tingkah laku pelajar ke arah yang positif. Antaranya, pelajar dapat mendisiplinkan diri mereka dengan lebih baik. Hal ini penting kerana setiap

peraturan haruslah dipatuhi dan pelajar haruslah bersikap lebih matang dalam menghadapi sebarang situasi.

Pelajar juga haruslah menangani sesuatu masalah dengan cara yang profesional dan sentiasa berfikir terbuka. Dengan adanya sikap seperti ini, secara perlahan pelajar akan dapat membentuk keperibadian mereka sebagai pelajar cemerlang. Selain itu, pelajar seharusnya menerima setiap teguran guru dengan positif dan cuba memperbaiki kelemahan diri sendiri.

Dalam hal ini, guru merupakan pendorong utama dalam memastikan pelajar mempunyai tingkah laku yang sempurna dan sentiasa bersedia sedia dalam menghadapi pelbagai kenehan pelajar.

KESIMPULAN

Pengajaran yang berkesan dapat mengubah tingkah laku seseorang dengan merancang aktiviti-aktiviti kurikulum yang bersesuaian. Dalam hal ini guru memainkan peranan yang penting agar aktiviti-aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dalam suasana yang gembira dan memberangsangkan.

Dalam pada itu aktiviti-aktiviti kurikulum bilik darjah yang dijalankan hendaklah bersesuaian mengikut peringkat sekolah yang diajar sama ada peringkat rendah, menengah bawah mahupun menengah atas. Selain itu, penggunaan alat bantu mengajar juga harus sesuai agar dapat membantu kefahaman pelajar. Ianya juga bertujuan untuk menarik minat para pelajar terhadap suatu mata pelajaran dan juga memberikan perhatian yang mendalam.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Aion Mohd. 2002. *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., Bentong: Pahang Darul Makmur.
- Abdullah Junus (Penterjemah). 1989. *Taksonomi Objektif Pendidikan - Buku Pedoman 1: Domain Kognitif*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Aion Mohd. & Abdullah Hassan. 2002. *Guru Sebagai Pendorong Dalam Bilik Darjah*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., Bentong: Pahang Darul Makmur.
- Ishak Haron, Prof. Dr. & Boh Boon, Prof. Madya. Dr. Koh. 1988. *Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Nana Sudjana, Dr. 1991. *Pembinaan dan Pengembangan Kurikulum Di Sekolah*. Penerbit Sinar Baru Bandung, Jakarta: Indonesia.
- Olive Banks. 1989. *Sosiologi Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Pong Ying, Boon & Ragbir Kaur. 1998. *Pedagogi 1 (Semester II)*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam: Selangor Darul Ehsan.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff. 1985. *Sosiologi Pendidikan*. Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Selangor: Malaysia.
- Soon Sang, Mok. 2002. *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Subang Jaya: Selangor.
- Mohd. Zainuddin Hashim (Penterjemah). 1988. *Taksonomi Objektif Pendidikan - Buku Pedoman II: Domain Afektif*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.


MRILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Kini musim haji telah tiba, bulan di mana seluruh umat Islam yang berkemampuan menunaikan ibadat haji.

Begitulah keadaan kita di Negara Brunei Darussalam juga berbuat demikian di mana pada ketika ini kita akan merayakan keluarga-keluarga kita yang akan menunaikan ibadat haji iaitu Rukun Islam yang kelima ke Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah. Maka bermacam-macam perkaralah yang akan dilakukan bagi merayakan dan memeriahkan suasana pemergian bakal-bakal jemaah haji itu. Ada sebahagian yang mengadakan majlis doa selamat, sebahagian yang lain pula sibuk mengatur dan menyediakan apa-apa yang perlu dibawa oleh keluarga mereka ke Tanah Suci dan pihak pengurusan haji pula membuat perediaan dan persiapan yang perlu untuk pemergian bakal-bakal jemaah haji kita Negara Brunei Darussalam.

Mengikut susunan Rukun Islam, ibadat haji letaknya ialah di tempat yang terakhir iaitu rukun yang kelima kerana ibadat haji merangkumi seluruh ibadat sembahyang, puasa dan zakat, yang wajib ditunaikan oleh orang Islam. Dengan erti kata yang lain sebelum seorang itu menunaikan ibadat haji, maka sudah semestinyalah ibadat sembahyang, puasa dan zakatnya terlebih dahulu disempurnakannya mengikut kehendak hukum syarak.

Dalam pada itu, sebelum kita menunaikan ibadat haji, perlu kita ingat dan memastikan harta atau wang yang kita kumpul



untuk menunaikan ibadat haji itu jika cukup nisab dan haulnya maka adalah wajib terlebih dahulu dikeluarkan zakatnya kerana setiap harta yang hendak digunakan bagi menunaikan ibadat haji, hendaklah ianya daripada harta yang suci dan halal, yang tidak terdapat di dalamnya hak orang lain ataupun syubhat ataupun harta yang

Harta cukup nisab, haul, wajib dikeluarkan zakat

mah Allah yang menjadi tumpuan umat Islam dari pelusuk dunia. Dan yang lebih beruntung bagi setiap yang menjadi tetamu Allah itu ialah mereka yang diterima ibadat hajinya oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai haji yang mabrur iaitu haji yang tidak bercampur dosa kerana balasan haji yang mabrur itu tiada lain melainkan Syurga.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya :

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu : Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Haji yang mabrur itu tidak ada balasan yang lain selain daripada Syurga." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kepada bakal jemaah haji, pada kesempatan ini inginalah kita mengingatkan bahawa pemergian ke Tanah Suci Mekah adalah merupakan pemergian kerana ibadat. Oleh itu janganlah hendaknya ibadat yang menghendaki pengorbanan yang bukan sahaja jiwa dan raga malahan harta dan wang ringgit yang banyak itu dicampuradukkan dengan perkara-perkara mungkar dan bidaah serta kepercayaan yang bertentangan dengan aqidah atau kepercayaan agama kita, umpamanya membawa wang bersama ketika tawaf dengan tujuan menawakan wang tersebut, mengutip kerak nasi, memeluk tiang jin, mengutip batu untuk dibawa balik ke Brunei dan sebagainya yang ber-

DAN yang lebih beruntung bagi setiap yang menjadi tetamu Allah itu ialah mereka yang diterima ibadat hajinya oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai haji yang mabrur iaitu haji yang tidak bercampur dosa kerana balasan haji yang mabrur itu tiada lain melainkan Syurga.

tujuan agar akan memperoleh berkat kebaikan dan sebagainya.

Perkara seumpama ini amat bertentangan dan berlawanan dengan kepercayaan dan ajaran Islam dan tidak ada langsung dalam adab dan peraturan mengerjakan ibadat haji. Apalah gunanya jika haji yang mempunyai ganjaran dan kelebihan yang begitu besar, seperti ganjaran orang berjihad di jalan Allah Subhanahu Wataala itu, rosak dan binasa disebabkan perbuatan salah kita mengerjakan perbuatan-perbuatan khurafat yang sebenarnya tidak terdapat dalam amalan mengerjakan ibadat haji, yang akhirnya menyebabkan ibadat haji kita rosak dan tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, sedangkan kita telah mengalami kerugian wang ringgit, tenaga, masa dan sebagainya.

Oleh itu bagi setiap orang Islam yang ingin mengerjakan ibadat haji hendaklah mempelajari tentang cara-cara menger-

jakkannya, di samping menjaga dan memelihara adab dan tata tertib sebagai tetamu Allah Subhanahu Wataala. Begitu juga menjaga segala pantang larang di dalam mengerjakan ibadat haji, hendaklah menghindarkan diri dari melakukan atau terikut-ikut dengan perkara-perkara bidaah yang bertentangan dengan kepercayaan dan ajaran Islam. Mudah-mudahan dengan itu ibadat haji yang bakal dikerjakan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan mendapat haji yang mabrur.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 yang tafsirnya :

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur ingkar-kawajiban ibadat haji itu, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajatkan sesuatu pun dari sekalian makhluk."

MENGIKUT susunan Rukun Islam, ibadat haji letaknya ialah di tempat yang terakhir iaitu rukun yang kelima kerana ibadat haji merangkumi seluruh ibadat sembahyang, puasa dan zakat, yang wajib ditunaikan oleh orang Islam. Dengan erti kata yang lain sebelum seorang itu menunaikan ibadat haji, maka sudah semestinyalah ibadat sembahyang, puasa dan zakatnya terlebih dahulu disempurnakannya mengikut kehendak hukum syarak.

diperolehi secara tidak halal.

Musim pemergian jemaah haji negara kita ke Tanah Suci Mekah semakin hampir tiba. Jemaah serta setiap yang datang ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadat haji adalah menjadi tetamu Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang menjadi tetamu Allah, apatah lagi jika hajinya diterima dan mendapat haji yang mabrur.

Jika kita perhatikan dari segi kemampuan dan kepayaan, tidak dapat dinafikan begitu banyak orang Islam yang mempunyai kemampuan dan kepayaan tetapi masih belum mahu menunaikannya, kerana apa? Kerana belum terbuka hati dan belum mendapat rahmat untuk menjadi tetamu Allah Subhanahu Wataala. Kerana itu beruntunglah sesiapa jua yang dirahmati Allah yang dibukakan hati mereka untuk berkunjung ke Ru-

وقت سبهیغ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهیغ، امساک، شوروق دان ضحی باکی دائره بروني دان موارا مولای دري هاري رابو، 7 ذوالقعدة، 1424 برسمان دغن 31 ديسمبر، 2003 هيفگ کهاري ثلاث، 13 ذوالقعدة، 1424 برسمان دغن 6 جينولاي، 2004 اداله سفرت دباوه لين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
درالتمده									دیسمبر
7	12.24	3.46	6.19	7.33	4.54	5.04	6.27	6.52	31 جنولاي
8	12.25	3.47	6.19	7.34	4.55	5.05	6.27	6.53	1
9	12.25	3.47	6.20	7.34	4.55	5.05	6.28	6.53	2
10	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.28	6.53	3
11	12.26	3.48	6.21	7.35	4.56	5.06	6.29	6.54	4
12	12.27	3.49	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.54	5
13	12.27	3.49	6.22	7.36	4.57	5.07	6.29	6.55	6

وقت ۲ سبهیغ باکی دائره توتوغ دهميه ساتو مينيت دان دائره بلايت دهميه نيگ مينيت، سبهیغ فرض جمعة دسلوروو نگارا بروني دارالسلام دمولای دري فوکل 12.45 تهازي.

BISMILLAH, WALHAMDULILLAH WASSALATU WASSALAMU 'ALA RASULILLAH, WA'ALAA ALIHIE WASAHBIHIE WAMAN WALAH.

ADAB MEMBACA AL-QURAN

MEMBACA Al-Quran itu mempunyai adab-adabnya yang lahir dan batin. Seseorang itu tidak akan dihitung sebagai pembaca Al-Quran yang sebenar atau sempurna bacaannya sehingga mendapat tempat di sisi Tuhan, melainkan terlebih dahulu ia melaksanakan adab-adab membaca Al-Quran yang lahir dan batin. Orang yang mengabaikan adab-adab tersebut adalah orang-orang yang tiada memelihara tata tertibnya, belum boleh dihitung telah sempurna bacaannya.

Pengarang kitab an-Nasa'ih ad-Diniyyah wa al-Washaya al-Imaniyah telah menulis mengenai adab membaca Al-Quran. Di antara adab-adabnya yang terpenting dan dituntut kepada pembaca Al-Quran itu ialah:

1) Hendaklah bersifat ikhlas kepada Allah Taala serta mengharapkan keredaan-Nya, di samping mendekatkan dirinya kepada-Nya dan mengharapkan pahala daripada bacaannya itu. Dengan kata lain, dilarang membaca Al-Quran secara menunjuk-nunjuk atau meniru-niru orang lain atau menghibur orang atau mengharapkan sesuatu hadiah dan bayaran, kerana yang demikian itu adalah mata benda yang bakal binasa dan lenyap. Tetapi hendaklah seluruh batin dan hatinya penuh perasaan dengan kebenaran Zat Yang Berbicara iaitu Allah 'Azawajalla.

2) Merendahkan diri kerana keagungan-Nya, seluruh hati dan anggotanya penuh khushyuk, seolah-olah ia sedang berdiri di hadapan Allah membaca Kitab Suci-Nya yang menerangkan tentang perintah dan larangan. Adalah wajar bagi orang yang telah mengenal Al-Quran dan mengenal Allah Subhanahu Wataala bersifat dengan sifat-sifat yang tersebut di atas itu, ataupun lebih sempurna dari sifat-sifat yang tersebut. Betapa tidak, bukankah Allah Subhanahu Wataala telah berfirman yang tafsirnya:

"Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khushyuk serta pecah-belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia supaya mereka memikirkannya." (Surah Al-Hasyr: 21)



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Jika gunung yang bersifat keras akan demikian jadinya, apabila diturunkan Al-Quran, maka bagaimana pula halnya manusia yang bersifat lemah dan yang dijadikan dari air dan tanah. Hanya yang menyebabkan manusia itu tidak sedar ialah kerana kelalaian dan kekerasan hati serta kerana kurangnya pengenalan terhadap kebenaran Allah Taala, kemahamuliaan dan kemahaagungan-Nya.

Allah Taala telah berfirman dalam menyifatkan para hamba-Nya yang khushyuk ketika membaca Al-Quran, firman-Nya yang tafsirnya:

"Sama ada kamu beriman kepada Al-Quran atau kamu tiada beriman, (tidaklah menjadi hal); kerana sesungguhnya orang-orang yang diberi ilmu sebelum itu apabila dibacakan kepada mereka, mereka segera menyungkutkan muka dengan sujud (dalam keadaan hiba dan khushyuk); serta mereka menegaskan (dalam sujudnya): Maha Suci Tuhan Kami! Sesungguhnya janji Tuhan kami tetap terlaksana. Dan mereka segera menyungkutkan mukanya dengan sujud itu sambil menangis, sedang Al-Quran memambatkan mereka khushyuk." (Surah Al-Israa': 107-109).

Allah berfirman lagi yang tafsirnya:

MEMBACA DAN MENGKHATAM AL-QURAN:

Kelebihan dan Keberkatannya

ngan penuh kesedaran dan tidak lalai.

Allah berfirman yang tafsirnya:

"(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), - kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar." (Surah Shad : 29).

Allah Subhanahu Wataala telah mendedahkan celan dan kelalaian setengah-setengah kaum terhadap Al-Quran dengan firman-Nya yang tafsirnya:

"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka senghaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalanginya daripada menerima ajaran Al-Quran)?" (Surah Muhammad : 24).

Demikianlah beberapa huraian mengenai hukum, fadilat dan adab membaca Al-Quran sebagaimana yang disebut oleh kitab an-Nasa'ih ad-Diniyyah itu.

BILAKAH WAKTU TERBAIK UNTUK MEMBACA AL-QURAN?

Waktu yang afdal membaca Al-Quran ialah ketika berada di dalam sembahyang. Menurut mazhab asy-Syafi'e dan yang lain-lain Rahimahullah, bahawa memanjangkan bacaan Al-Quran ketika qiyam (berdiri) dalam sembahyang adalah lebih afdal daripada memanjangkan sujud dan selainya.

Adapun pembacaan Al-Quran yang afdal di luar waktu sembahyang ialah pada separuh terakhir malam lebih afdal daripada awalnya.

Manakala membaca Al-Quran di antara waktu Maghrib dan Isyak itu adalah disunatkan.

Sementara pembacaan Al-Quran di waktu siang adalah afdal dibaca selepas sembahyang fardu Subuh. Walau bagaimanapun, membaca Al-Quran ini boleh dilakukan pada bila-bila waktu sekali-pun pada waktu-waktu yang ditegah sembahyang sunat.

Selain membaca Al-Quran pada bila-bila masa, terdapat juga hari-hari yang terpilih terutama hari atau bulan yang mempunyai fadilat dan kelebihan seperti hari Jumaat, Isnin, Khamis, hari Arafah, bulan Ramadan, sepuluh hari terawal daripada bulan Zulhijah dan sepuluh hari terakhir daripada bulan Ramadan.

KHATAM AL-QURAN

Majlis Khatam Al-Quran merupakan majlis yang berkebakikan. Ia wajar diadakan dengan menghimpunkan sanak keluarga dalam satu majlis yang bersesuaian. Perkara ini sangat dianjurkan kerana para sahabat menghimpunkan ahli keluarga mereka ketika mengkhataam Al-Quran sebagaimana riwayat daripada Qatadah at-Tabi'ie (Tabi'in) dia berkata yang maksudnya:

"Adalah Anas bin Malik (sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam) Radiallahuanhu apabila dia mengkhataam Al-Quran, dikumpulkannya keluarganya dan dia pun berdoa." (Riwayat Ibnu Abi Daud dengan isnad shahih).

Majlis Khatam itu juga perlu dihadiri oleh orang ramai kerana terkandung di dalamnya doa-doa. Anjuran dan galakan seumpama ini telah disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang pernah memerintahkan perempuan yang haid untuk keluar rumah pada hari raya dengan tujuan menghadiri majlis yang berkebakikan seperti majlis ilmu dan majlis-majlis yang terkandung di dalamnya doa seperti Majlis Khatam Al-

Bilangan 171
Bahagian Kedua

Quran, sebagaimana diriwayatkan daripada Ummu 'Athiyah katanya yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan kami, gadis yang sudah baligh atau hampir baligh, yang haid dan gadis remaja, untuk keluar rumah pada Hari Raya Fitrah dan Adha. Adapun yang haid jangan (hadir ke masjid untuk) sembahyang dan (disunatkan) hadir ke majlis berkebakikan dan doa orang Muslimin."

Aku berkata: "Wahai Rasulullah! Salah seorang kami tidak ada jilbab."

Baginda bersabda: "Pakai dia jilbab kepunyaan saudaranya." (Hadis riwayat Muslim).

Majlis Khatam Al-Quran bukanlah ia setakat acara semata-mata (ceremonial), bahkan merupakan suatu ibadat. Ketika khatam itu Allah menurunkan rahmat-Nya dan doa-doa sangat mustajab. Al-Imam An-Nawawi dalam kitab Al-Azkar telah menulis tatacara khatam Al-Quran, antara lain beliau menulis:

1) Dari Ibnu 'Abbas Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Sesungguhnya dia (Ibnu 'Abbas) mengisahkan seorang laki-laki untuk melihat-lihat orang membaca Al-Quran. Apabila orang itu hendak mengkhataam Al-Quran dia memberitahu Ibnu 'Abbas Radiallahuanhu, maka Ibnu 'Abbas pun mengahirinya." (Riwayat ad-Darimi di dalam masnadnya).

2) Dari Qatadah at-Tabi'ie (Tabi'in) dia berkata:

"Adalah Anas bin Malik (sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam) Radiallahuanhu apabila dia mengkhataam Al-Quran, dikumpulkannya keluarganya dan dia pun berdoa." (Riwayat Ibnu Abi Daud dengan isnad shahih).

3) Dari al-Hakam bin 'Utaiyah at-Tabi'ie (Tabi'in) dia berkata:

"Mujahid dan 'Ubadah bin Abi Lubadah datang menghadap aku, maka kedu-

anya berkata: "Sesungguhnya kami datang menghadap kamu, kerana kami hendak mengkhataam Al-Quran. Adalah doa itu mustajab ketika khatam Al-Quran."

(Diriwayatkan dengan sanad-sanad yang shahih).

4) Pada sebahagian riwayat shahih lainnya disebutkan:

"Bahawasanya dikatakan, rahmat turun ketika khatam Al-Quran."

Diriwayatkan dari Mujahid dengan sanadnya yang shahih, dia berkata: "Mereka berkumpul ketika khatam Al-Quran seraya mengatakan: "Rahmat turun."

Oleh itu, perbanyakkanlah membaca Al-Quran baik ketika berada dalam sembahyang mahupun di luar sembahyang. Contohnya bagaimana para sahabat, salaf dan para tabi'in mengisi masa mereka dengan membaca Al-Quran. Sebagai contoh, para salaf Radiallahuanhum, pada kebiasaannya mereka mengkhataam (menghabiskan bacaan 30 juz) Al-Quran mengikut kadar kemampuan mereka. Ada di antara mereka yang khatam dua bulan atau sebulan sekali. Ada juga pada setiap sepuluh, lapan, enam, lima atau empat hari sekali khatam. Menurut pengarang kitab Al-Azkar, kebanyakan daripada salaf mengkhataam Al-Quran setiap tujuh, tiga atau sehari semalam sekali khatam. Ada juga yang khatam dua atau tiga bahkan lapan kali setiap sehari semalam. As-Said al-Jalil ibnu al-Katib ash-Shufi Radiallahuanhu, diriwayatkan mengkhataam empat kali pada waktu malam dan empat kali pada waktu siang.

Ada juga yang khatam sekali di antara Zuhur dan Asar, di antara Maghrib dan Isyak dan dua kali khatam di antara Maghrib dan Isyak pada bulan Ramadan.

Bersambung

MASA berlalu begitu cepat dan tanpa disedari kita sekarang sudah berada di penghujung tahun 2003 dan 2004 sudah berada di ambangnya. Sudah menjadi adat kebiasaan, apabila datangnya tahun baru Masihi, maka diadakan pesta-pesta atau majlis-majlis bagi menyambut kedatangan tahun baru tersebut, bukan sahaja orang-orang Kristian yang menyambutnya bagi mengingati tarikh kelahiran Jesus mereka tetapi juga oleh orang-orang Islam yang jahil tentang ajaran Islam.

Adapun bagi masyarakat kita, budaya menyambut kedatangan tahun baru ini sudah mula mendapat tempat di hati anak-anak muda sekarang ini. Budaya tersebut sudah mula disambut dua tiga tahun kebelakangan ini secara terang-terangan khususnya di hotel-hotel. Kita sudah mula terikut-ikut budaya luar yang lebih banyak mendorong kepada kemaksiatan.

Kebiasaannya sebagaimana berlaku, sambutan akan bermula dengan diadakan perhimpunan di tempat-tempat tertentu menanti detik dua belas tengah malam (final count down) bagi menandakan beredarnya tahun lama dan tibanya tahun baru. Di dalam perhimpunan tersebut, dipenuhi oleh remaja-remaja dan anak-anak muda, lelaki dan perempuan bergaul bebas, berpegang tangan dan berpelukan sambil menari menggotong badan mengikut rentak muzik yang didendangkan, di samping nyanyian yang dipersembahkan oleh artis-artis terkenal yang didatangkan khas bagi merancakkan lagi sambutan tahun baru tersebut. Ada juga yang menyambutnya dengan mengadakan

Sambutan Tahun Baru

majlis berBO yang diadakan di rumah-rumah persendirian dan bermacam-macam lagi acara bagi menyambut tahun baru. Jadi apabila dilihat kepada acara-acara yang diadakan, jelas kepada kita ianya sangat bertentangan dan bercanggah dengan ajaran syariat Islam kerana banyak mengundang perkara-perkara maksiat dan merosakkan akhlak muda-mudi Islam.

Tidaklah menjadi kesalahan kepada kita menanamkan azam dan cita-cita untuk lebih gigih belajar atau kuat bekerja bagi memajukan diri sendiri dan sebagainya tetapi janganlah kita

menyambut tahun baru Masihi kerana ianya termasuk mengagungkannya.

Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Ibnu Umar ada menyebutkan yang bermaksud:

"Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka ia termasuk dalam kaum tersebut." (Riwayat Abu Daud).

Jauhilah perkara-perkara yang boleh mendorong kita menyerupai sesuatu kaum kerana dikhuatiri aqidah kita juga ikut terpesong dan

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

sebagai orang Islam kita sepatutnya sedar bahawa tidak ada istilah tahun baru dan tahun lama di dalam hidup kita, bermula di awal tahun sehingga akhir tahun, bermula kita mencapai umur baligh sehinggalah kita masuk ke dalam lubang kubur.

Firman Allah Subhanahu Wataala: "Dan sembahlah Tuhanmu sehingga tiba kepada kamu keyakinan (kematian)." (Surah Al-Hajr : 99).

Umat Islam memiliki kalendar sendiri berdasarkan pada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jadi adalah wajar kita kembali kepada kalendar sendiri dan memakainya dalam kehidupan sehari-hari dan menyambutnya sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam, bukannya mengagungkan dan merayakan tahun baru Masihi secara besar-besaran.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri ...



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika hadir di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Anak-anak yatim Daerah Belait diraikan

Oleh
Haji Nasip Rosli

KUALA BELAIT, 13 Disember. - Bulan Syawal kedatangannya disambut dengan penuh kegembiraan. Hari Raya Aidilfitri merupakan hari yang sangat ditunggu-tunggu setelah perginya bulan Ramadan. Hari Raya Aidilfitri diraikan oleh semua umat Islam di seluruh dunia dengan pelbagai cara yang tersendiri.

Dalam suasana yang penuh riang dan gembira, di suatu sudut masih terdapat masyarakat yang mahu bergembira bersama dan golongan kanak-kanak adalah golongan yang paling gembira bila tibanya Hari Raya Aidilfitri.

Keprihatinan dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat terutamanya kepada mereka yang kurang bernaib baik, Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait telah mengugayahkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bagi anak-anak yatim Daerah Belait bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kampong Pandan di sini.

Pengerusi Majlis, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa majlis bagi anak-anak yatim ini adalah aktiviti tahunan yang diugayahkan oleh Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait. Walau bagaimanapun terdapat sedikit perubahan pada format acara yang mana selain daripada persembahan bercorak nyanyian dan tarian serta puisi, juga diselitkan dengan persembahan silap mata yang diundang khas dari negara jiran.

Dalam pada itu, majlis



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menyampaikan cenderahati berupa hamper kepada seorang anak yatim.

seperti ini diharap akan dapat menghiburkan anak-anak yatim dalam suasana menyambut Hari Raya dengan riang dan gembira, di samping akan dapat mengurangkan kesedihan yang dilalui kerana dalam

suasana Hari Raya masih ada masyarakat yang mengambil berat dan memedulikan mereka.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah

dan isteri; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, penghulu dan ketua kampung, para dermawan serta penjaga anak-anak yatim yang diraikan.



Pastikan kelayakan diiktiraf

Oleh Aliddin HM

GADONG, 19 Disember. - Ibu bapa yang berhasrat untuk menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri dinasihatkan supaya meminta bantuan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam di Kementerian Pendidikan sebelum membuat keputusan untuk memilih mana-mana institusi pengajian tinggi di negara ini atau di luar negeri.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menekankan perkara itu di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Auditorium Maktub Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah di sini.

Yang Berhormat men-

jelaskan, majlis tersebut telah ditubuhkan sejak tahun 1990 dan bertanggungjawab untuk memilih dan memastikan bahawa setiap kelayakan sama ada dari negara ini atau luar negeri diiktiraf atau sebaliknya.

Yang Berhormat menambah, kebanyakan institusi pengajian tinggi di luar negara hanya menyediakan 'foundation course' sebagai menggantikan GCE 'O' dan 'A' level yang akhirnya tidak diakui atau diiktiraf di negara ini. Disebabkan itulah ramai pelajar yang gagal mendapat pekerjaan kerana kelulusan mereka tidak diiktiraf di negara ini.

"Dalam hal ini kita mempunyai asas yang tertentu yang membolehkan kita sama ada mengukunya atau sebaliknya kerana mereka yang mengikuti kursus ijazah itu mestilah

mempunyai sekurang-kurangnya GCE 'A' level dua mata pelajaran termasuklah Bahasa Inggeris dan Melayu," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, beberapa institusi pengajian tinggi di luar negara tidak mengendahkan perkara seperti ini dan hanya perlu digantikan dengan 'foundation course' satu tahun sahaja sedangkan GCE 'A' level sepatutnya dua tahun.

Dalam hal ini, kata Yang Berhormat, betul mereka boleh memasuki beberapa program ijazah seperti mengambil HND, Diploma, Certificate dan seumpamanya, tetapi akhirnya perkara seperti ini tidak mendapat pengakuan atau pengiktirafan daripada Negara Brunei Darussalam sendiri dan lain-lain negara.

Insan istimewa tidak dilupakan

Oleh Siti Aishah HS

BENGKURONG, 19 Disember. - Sikap prihatin masyarakat di negara ini terhadap orang istimewa tidak ada bezanya, bahkan kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri tetap diraikan di samping menjalin kemesraan di antara mereka.

Sehubungan dengan itu, majlis Sambutan Hari

Raya Aidilfitri bersama insan-insan istimewa Pusat Ehsan diadakan di pusat berkenaan di sini.

Majlis yang dianjurkan oleh Brunei Hotel dan Malar Setia Sendirian Berhad merupakan peng-

hargaan yang besar nilainya kepada mereka dan sebagai bukti bahawa mereka juga sentiasa mendapat perhatian istimewa sama ada dari sektor kerajaan mahupun swasta di negara ini.

Lebih kurang 80 orang insan istimewa diraikan dengan pelbagai atur cara yang diadakan di majlis tersebut.



SEBAHAGIAN insan-insan istimewa yang diraikan di majlis itu.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Semai cinta kepada kedaulatan negara

KEMERDEKAAN bermaksud 'kebebasan'. Bebas dalam erti kata bahawa kita mempunyai hak mutlak untuk menentukan arah tuju (matlamat) negara kita tanpa campur tangan pihak lain. Kita berhak (bebas) mencorak negara kita menurut kesesuaiannya dengan prinsip dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Kita berhak dan bebas menetapkan pegangan dan pendirian kita untuk kebajikan dan membina kemakmuran, kesejahteraan, keamanan, keharmonian, kerukunan, kemajuan dan pembangunan negara dan rakyat serta penduduk seluruhnya.

Setelah hampir 20 tahun kita merdeka, kita telah dapat membuktikan kepada dunia bahawa kita mampu dengan cara kita sendiri menangani berbagai usaha untuk membangun dan memajukan negara kita demi kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran kita seluruhnya secara berterusan.

Untuk bersama berusaha mengisi kemerdekaan negara, kita wajar berbangga dengan kemerdekaan yang kita miliki ini tanpa menumpahkan

darah dan penderitaan. Meskipun kita berada di tengah-tengah hambatan kemajuan global yang kebanyakannya tidak selaras dengan aspirasi, budaya dan cara hidup kita, namun kita dapat bertahan dan meneruskan prinsip dan falsafah negara kita MIB yang kita jadikan amalan, pegangan dan cara hidup sejak zaman-berzaman. Inilah kebanggaan kita dalam menandai dan mendukung kemerdekaan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Sebagai rakyat dan penduduk yang berlandung di bumi bertuah ini, kita haruslah mempunyai jati diri dan semangat patriotisme untuk survival bangsa Brunei dalam menghadapi berbagai cabaran dan ujian. Kita tanamkan dalam jiwa kita semangat taat beraja, kuat beragama, bersopan santun, berbudi bahasa, gigih dan titih serta rajin berusaha dalam apa jua bidang terutama sekali dalam bidang ekonomi. Kita semai rasa kecintaan dan kepekaan terhadap kedaulatan, kemerdekaan dan keharmonian negara dengan penana-

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama Berusaha Mengisi Kemerdekaan Negara'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

man rasa 'kekitaan' (sense of belonging) bagi melahirkan rakyat atau generasi yang benar-benar merasakan bahawa negara ini adalah miliknya yang perlu dijaga, dipelihara dan dipertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan 'survival'nya sampai bila-bila. Dengan demikian, perasaan bersyukur atau mensyukuri nikmat akan mudah dipupuk di hati dan dalam diri mereka dengan kedaulatan yang telah dicapai sejak hampir 20 tahun yang lalu.

Dalam pada itu kita hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan negara demi untuk keselamatan dan kesejahteraan negara dalam mengekalkan kestabilan negara untuk mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai bersama.

Begitu juga kepada generasi muda yang dilahirkan selepas era kemerdekaan yang kini berusia 20 tahun haruslah memupuk diri untuk melawan arus jenayah dan masalah sosial dengan menuntut dan memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi untuk kehidupan lebih sempurna di dunia dan juga di akhirat kelak. Jadilah pelajar yang mempunyai iman dan taqwa, berilmu tinggi, berkemahiran, berakhlak yang mulia untuk mempertahankan diri dari ke-

runtuhan moral dan gejala-gejala yang tidak sihat dan tidak bermaruah. Di samping itu, melengkapi diri dan memenuhi diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secukupnya untuk menghadapi keperluan seharian di era dunia tanpa sempadan dan langit terbuka ini dengan mengambil ilmu pengetahuan dari segi positifnya sahaja dan meninggalkan negatifnya.

Untuk pengisian kemerdekaan, sebagai seorang rakyat di negara ini kita hendaklah melibatkan diri dalam menyertai setiap program dan kegiatan yang dianjurkan oleh jawatankuasa sambutan terutama sekali hari perhimpunan agung, forum, bengkel, seminar atau sumpamanya yang dapat memberi penerangan mengenai keperluan sebuah negara merdeka dan dengan demikian pemahaman mengenai erti dan keperluan serta pengisian kemerdekaan akan mudah dihayati dan dilaksanakan.

Akhirnya Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-20 Tahun Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2004.

Mas Nani Salwana binti Haji Tengah,
No. 33, Kampong Madewa, Jalan Tutong, BF 1120.
No. k/p: 00-299546

Tanai semangat kebangsaan penuh patriotik

PEJAM celik pejam celik, tanpa kita sedari, negara kita akan menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan yang ke-20. Jangka masa 20 tahun itu bukanlah suatu tempoh yang singkat. Bagi manusia, seseorang yang berusia sedemikian bolehlah dianggap seorang yang dewasa, matang dan mampu berdikari. Namun begitu, kita janganlah berbangga dengan 'status' berkenaan kerana masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dan dimantapkan.

Dalam usaha untuk menyemarakkan sambutan dan perayaan kemerdekaan ini, seluruh rakyat dan penduduk haruslah komited dalam sama-sama menghayati dan mencerikannya. Kita hendaklah menandai dan menyemai semangat kebangsaan dengan penuh perasaan patriotik. Nilai dan unsur patriotisme adalah sangat penting untuk dihayati terutama sekali oleh generasi remaja dan belia harapan bangsa. Dengan memiliki semangat cintakan negara, anak-anak watan akan lebih bertenaga serta berdisiplin untuk menolak gejala-gejala yang boleh merosakkan dan mempengaruhi perpaduan keharmonian negara. Seperti tahun-tahun yang sudah, komitmen kita yang bersepadu adalah sangat-sangat diharapkan dengan pengibaran bendera kebangsaan di rumah-rumah persendirian dan agensi-agensi kerajaan.

Mengimbas kembali hala tuju negara sejak dua

dekad ini, kita telah berupaya mengorak langkah dan meneroka jalan-jalan kemajuan ke arah yang lebih dinamik. Dengan bermula dari bawah, kini kita sudah mampu untuk 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' di arena serantau mahupun antarabangsa. Jati diri inilah yang perlu ada di dalam sanubari kita. Kita hendaklah mengenal jati diri kita sendiri dan tidak terikut dengan rentak orang lain. Tanpa mengenal diri sendiri, kita tidak akan mempunyai arah dan matlamat perjuangan di masa hadapan.

Ia secara tidak langsung adalah selaras dengan cita-cita dan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meluaskan lagi daya saing kita dalam perspektif yang luas yang meliputi bidang sosiobudaya, politik, ekonomi dan kenegaraan. Ia merupakan satu faktor yang penting dan utama di dalam memperjuangkan dan memperkasakan kedaulatan hidup bernegara.

Di samping itu, sempena Hari Kemerdekaan ini, kita juga dinasihatkan agar terus mengukuhkan ketahanan diri sebagai umat Islam. Mempertahankan dan menjunjung setia negara kita yang berdaulat ini berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam menurut falsafah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kita mestilah berusaha dengan gigihnya mendalami ajaran-ajaran agama Islam, mengamal-

kannya dengan bersungguh-sungguh sehingga mempunyai asas keimanan yang teguh dan tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir yang boleh merosakkan aqidah.

Oleh yang demikian semua rakyat dan penduduk yang beragama Islam disarankan agar sama-sama membaca Surah Yaasiin, membaca doa kesyukuran serta bersembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara seperti kelazimannya.

Dalam konteks ini, kita haruslah bersyukur kerana warisan adat resam turun-temurun di negara ini masih lagi dikekalkan bak kata pepatah 'tak luput dek hujan tak lekang dek panas'. Sistem kekeluargaan yang kita warisi sejak zaman-berzaman, sifat pemeduliaan, kerjasama yang baik dan hubungan silaturrahim yang erat di antara pihak kerajaan dengan rakyat serta penduduk negara ini merupakan unsur-unsur keberkatan yang dilimpahkan oleh Allah Subhanahu Wataala ke atas negara kita. Dengan izin dan rahmat-Nya jua, sama-samalah kita berdoa semoga kita akan terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan di bawah panji-panji Brunei Darussalam yang berdaulat ini.

Md. Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa,
No. 5A, Simpang 704, Kampong Jerudong, BG 3122.
No. k/p: 00-313122

Bersama mempertahankan kedaulatan negara

SETIAP menjelangnya 23 Februari, negara kita akan menyambut Hari Kebangsaan atau 'National Day'. Pada tarikh 'keramat' itu juga menandakan bahawa kita telah merdeka. Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengembalikan kegemilangan bangsa dan negara dengan mengisytiharkan pemasyhuran kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Salah satu 'langkah' yang diambil oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah dengan mendatangkan perjanjian persahabatan dan kerjasama di antara Brunei dan

United Kingdom pada 7 Januari 1979 yang merupakan perintis jalan kepada kemerdekaan negara ini atau dengan kata lain telah membuka jalan dan peluang untuk negara 'meraih' kemerdekaannya lima tahun kemudian. Pada 1 Januari 1984, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan mengetuai kira-kira 60,000 rakyat di negara ini melaungkan Allahu Akbar sebanyak tiga kali di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dalam upacara pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Semenjak itu Negara Brunei Darussalam terus membangun baik dari segi pentadbiran, kemajuan,

pembangunan dan lain-lain. Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kita selaku rakyat di negara ini amat bersyukur dan berpuas hati kerana mempunyai raja yang 'pemeduliaan' akan hal-hal negara baik dari segi kemakmuran rakyat dan negara serta kemajuan negara sama ada di bidang pembangunan, perdagangan dan lain-lain. Kita sebagai rakyat di negara ini juga patut ada semangat rela berkorban apa saja demi negara, bangsa dan agama. Dengan kata lain, kita perlu 'bangkit' bersama-sama mempertahankan negara kita dan bukannya hanya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada satu pihak sahaja ibarat kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai

kita roboh'.

Remaja juga merupakan harapan negara ini kerana mereka umpama tulang belakang negara yang akan mentadbir negara ini di masa hadapan. Dan untuk mencapai visi sebenar kemerdekaan tersebut salah satunya melalui kejayaan golongan remaja atau belia dalam bidang pendidikan. Dengan kata lain jika remaja berilmu maka negara akan terus membangun dan sejahtera. Apa gunanya negara sudah merdeka, apabila rakyat khususnya golongan remaja tidak berilmu, hidup dalam keadaan kealpaan, kepada siapa negara harapkan untuk memimpin negara pada masa hadapan.

Perjuangan orang da-

hulu bukan bererti ianya sudah berakhir di kala negara sudah merdeka. Ianya telah mengajar kita terutama sekali golongan belia supaya tidak akan terus berputus asa dalam mengejar sesuatu yang dikehendaki. Sebagaimana orang dahulu berusaha, berkorban apa saja untuk mengecap kemerdekaan bagi negara, maka golongan generasi muda harus terus berjuang untuk bersama-sama mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Zatul Himmah Izzat Haji Mohd. Tejuddin,
'Baitul Sa'adah'
No. 24, Jalan 31, Simpang 47, RPN Lambak Kanan, BC 2915.
No. k/p : 00-300127

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Konsep Hijrah Dalam Era Globalisasi'. Tarikh tutup 7 Januari 2003.
2. 'Negara Bersih Rakyat Sihat'. Tarikh tutup 14 Januari 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting, Minda Pembaca, Unit Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam. email: pelita@brunet.bn

REMAJA

MENUTUP TIRAI

OLEH H. A. MANAP

HARI ini kita menutup tirai 2003 dan insya-Allah kita mula mengorak langkah di tahun baru 2004 selepas itu. Tahun baru ini merupakan tahun yang dijangkakan mengalami banyak perkembangan dan perubahan terutama sekali iklim yang dijangkakan lebih baik dari tahun yang akan kita tinggalkan. Begitulah juga harapan kita semua semoga ianya akan menjadi realiti dan dapatlah kita menggerakkan dan melaksanakan sebarang kegiatan dengan lebih baik dan selesa. Sememangnya kita tidak akan henti-hentinya untuk terus menggerakkan dan melaksanakan sebarang kegiatan yang melibatkan kita secara langsung ataupun tidak. Soalnya sejauh mana ianya mampu kita lakukan dengan sebaiknya terpuang kepada cara dan masing-masing kita berperanan. Namun kita yakin semua akan siap untuk melangkah dan mengharungi tahun berikutnya ini dengan kekuatan iltizam dan motivasi yang tinggi.

Mungkin ramai yang sudah menyediakan mekanisme yang akan digunakan untuk meningkatkan dan menambahkan lagi produktiviti dan juga pencapaian diri. Meskipun pada hakikatnya kita tidak akan 'tuhus' untuk berdepan dengan suasana dan keadaan yang amat mencabar, namun cabaran dan keadaan yang ada ini, perlu kita manfaatkan sebagai peluang yang akan memberikan kesempatan untuk kita dapat menyumbangkan sesuatu. Merubah keadaan

rumit kepada peluang yang baik bukan merupakan suatu perkara yang dapat dilaksanakan dengan semudahnya, akan tetapi kita perlu melihat di mana dan bagaimana peluang seumpama ini boleh dimanfaatkan untuk dijadikan keuntungan atau ruang yang mengorak kelebihan. Kelebihan pada diri, kelebihan pada daya fikir, kelebihan pada daya kreativiti dan kelebihan pada daya kemahiran yang kita miliki semestinya kita gunakan dengan sebaiknya.

Ia perlu diadun untuk dijadikan sebagai ramuan yang akan menghidupkan semangat untuk kuat bekerja dan berusaha untuk melahirkan sesuatu yang memberi keuntungan besar pada diri seseorang, masyarakat dan negara. Kalau dalam tempoh setahun yang akan kita tinggalkan ini, kita tidak dapat mengadun keupayaan kita dengan lebih baik dan cemerlang, maka mulai dari saat ini kita hendaklah siap untuk mencatitkan bagaimana ia perlu digembleng untuk menghasilkan sesuatu yang lebih berfaedah. Kita mesti berani mewujudkan pembaharuan dan kita harus melangkah ke hadapan dengan lebih pantas agar kita dapat menemui

kecemerlangan.

Sesuatu kesilapan dan kelemahan yang pernah kita lalui tidak boleh kita jadikan sebagai asas yang akan melemahkan semangat kita untuk berubah. Kita perlu berani menghadapi cabaran dengan berbekalkan inovasi dan daya kreativiti yang tinggi. Pandangan ke hadapan perlu kita jadikan sebagai mekanisme untuk menyediakan 'platform' yang bergerak ke arah yang lebih positif dan berfaedah. Cara berfikir tidak boleh terkongkong, perlu dibuka dengan seluasnya. Namun cara kita membuka dan melebarkan fikiran haruslah berbekalkan ilmu dan kemahiran. Kita mesti menaruh keyakinan bahawa perubahan boleh berlaku dalam masa yang singkat. Soalnya kitalah yang akan mencorakkan perubahan tersebut.

Kita perlu belajar berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang di sekeliling kita. Kita perlu belajar untuk memahami kenapa orang lain boleh berjaya dalam waktu yang sesingkatnya. Kita perlu belajar mengetahui kenapa orang lain dapat dan mampu mencapai kecemerlangan sedangkan kita juga boleh berbuat demikian tetapi belum terlaksana. Kita juga mesti belajar memerhatikan dan memikirkan apakah rasionalnya untuk seseorang itu membuat perubahan.

Mungkin senarai yang ada sedikit sebanyak dapat membantu kita untuk mengorak langkah memulakan perubahan. Masa tidak boleh kita biarkan berlalu begitu sahaja. Lantaran laai dan terlewat kita memanfaatkannya orang lain berada di hadapan kita. Bila ada orang lain di hadapan kita, sudah tentu ia akan mewujudkan suatu tekanan, yang mencabar diri kita sendiri. Kita perlu bergerak sebaris dengan mereka yang mencapai kemajuan. Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Tidak ada persoalan mereka sudah lama mencapai sedangkan kita baru mula hendak bergerak. Kita mesti yakin dan memiliki iltizam diri yang tinggi bahawa kita juga mampu melakukan dan mencapai kemajuan dengan cemerlang dan jayanya.

Mudah-mudahan dengan adanya langkah yang kita mulakan di tahun baru Masihi 2004 ini akan memberikan rangsangan dan suasana baru pada diri kita. Marilah kita sama-sama melihat bahawa di hadapan kita akan kita tempohi dengan suatu keyakinan untuk mewujudkan kecemerlangan yang meyakinkan. Kita yang seharusnya melakukan perubahan dan orang lain biarlah kita jadikan sebagai contoh teladan kebaikan dan kejayaan yang mereka perolehi. Mulakan langkah kita dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, semoga kita akan terus diberikan 'maunah' atau pertolongan untuk dapat membina diri dan kecemerlangan umat yang ada di bumi darussalam yang tercinta ini. Selamat Tahun Baru Masihi 2004.

Brunei - Malaysia bertukar-tukar pandangan mengenai sukatan pendidikan agama Islam

BERAKAS, 14 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah bertukar-tukar pandangan mengenai kurikulum iaitu sukatan pelajaran dan pendidikan untuk agama Islam.

Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi berkata, perkara itu adalah penting kerana Islam yang diamalkan di kedua-dua buah negara adalah sama iaitu menurut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Mazhab Syafie.

"Dengan itu untuk mengelakkan kekeliruan sebab kita dekat, kita ini adalah jiran tetangga, hubungan antara rakyat adalah akrab. Kalau perkara ini dapat diwujudkan persamaan maka ia akan membantu untuk mengelakkan apa-apa jua kekeliruan yang mungkin timbul yang kalau tidak ditangani dengan baik ia akan membawa pengaruh-pengaruh yang mungkin tidak dingini," jelas Yang Amat Berhormat dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa

Oleh
Bolhassan HAB

Brunei di sini, sejurus sebelum berlepas meninggalkan negara ini setelah mengadakan lawatan singkat.

Dalam pertemuan empat mata bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kedua-dua pemimpin telah mengadakan perbincangan yang ditumpukan kepada bagaimana hubungan dua hala antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam itu dapat dipertingkatkan dan dilaksanakan.

Menurut Yang Amat Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menitahkan bahawa prinsip pertama yang baginda ingin pegang ialah supaya dalam hubungan itu biarlah dinikmati faedah bersama berasaskan kepada kemenangan kepada kedua-dua pihak.

"Kita berkehendakkan supaya ada pertemuan yang kerap dan bersifat akrab, bermula pada peringkat ketua kerajaan, sampai kepada menteri sehingga kepada pegawai-pegawai bagi kepentingan kedua-dua buah negara," ujar Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat

turut menjelaskan bahawa keputusan telah diambil iaitu apa-apa jua kepakaran sama ada pihak Malaysia mahupun Negara Brunei Darussalam boleh digunakan untuk apa-apa juga keperluan yang ada di kedua-dua buah negara.

Misalnya, kalau pihak Negara Brunei Darussalam memerlukan kepakaran

dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan dengan pembangunan dan jika kepakaran itu ada di pihak Malaysia, maka pihak Negara Brunei Darussalam boleh menggunakannya.

Di samping itu, kata Yang Amat Berhormat, dalam pertemuan itu kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk mengada-

kan program-program latihan dan pendidikan yang ada di negara masing-masing dan ia hendaklah juga dibuka untuk penyertaan pelajar-pelajar ataupun 'trainee' dari Negara Brunei Darussalam ataupun Malaysia.

Kunjungan lawatan ini merupakan yang pertama dilakukan oleh Yang Amat Berhormat sejak dilantik

menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-5 dalam bulan Oktober baru lalu.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia berkongsi banyak kepentingan yang meliputi pelbagai bidang seperti kebudayaan, politik dan keagamaan di peringkat kerajaan dan awam kedua-dua belah pihak.

Kejadian penyakit 'fujian flu' di Eropah dan Amerika

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kejadian penyakit influenza atau flu yang telah dilaporkan khususnya di Eropah dan Amerika Syarikat. Negara-negara yang terlibat termasuklah Kanada, Denmark, Finland, Perancis, Latvia, Portugal, Russia, Norway, Sepanyol, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Menurut laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia penyakit influenza atau flu ini lazimnya muncul pada musim sejuk setiap tahun terutama sekali di negara-negara yang bercuaca dingin. Penyelidikan kebanyakan kes yang terjadi di United Kingdom dan Amerika Syarikat menunjukkan jenis/strain yang aktif ialah jenis/strain baru dinamakan Strain Influenza A 'Fujian'.

Symptom influenza ini menyerupai batuk

selesema biasa akan tetapi di tahap yang lebih teruk. Tanda-tanda jangkitan termasuklah demam panas, batuk, selesema dan sakit otot badan. Kumpulan yang berisiko tinggi terhadap jangkitan termasuklah warga tua yang berumur 65 tahun ke atas, kanak-kanak dan mereka yang mengidap penyakit kronik.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan pemantauan kedudukan kes-kes batuk selesema serta penyakit yang berkaitan dengan sistem pernafasan di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital. Alhamdulillah, setakat ini belum terdapat sebarang kes 'fujian flu' dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai langkah tambahan Kementerian ini telah menghendaki bakal-bakal jemaah haji bagi tahun 2004 diberikan suntikan vaksin berkenaan. Manakala itu Kementerian Kesi-

hatan juga ingin menasihatkan orang ramai khususnya yang berhasrat mengunjungi kawasan di mana penyakit 'fujian flu' ini dilaporkan dan dijangkiti oleh penyakit ini untuk mendapatkan suntikan vaksin yang berkaitan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum bertolak ke destinasi berkenaan.

Selain dari suntikan vaksin, orang ramai yang berkunjung ke kawasan yang dilaporkan dijangkiti penyakit ini, adalah juga dinasihatkan supaya menjaga kesihatan diri khususnya tabiat selalu mencuci tangan dan menjauhi tempat-tempat yang sesak serta mengamalkan cara hidup sihat melalui pemakanan yang sempurna, rehat yang mencukupi dan beriadah.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh berhubung terus ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan melalui talian telefon 2382023 semasa waktu pejabat.

PESAWAT Boeing 767-300 milik Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Auckland menandakan secara rasminya destinasi antara Bandar Seri Begawan ke Kota Auckland, New Zealand.

Pesawat yang membawa beberapa pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kanan RBA, jemputan-jemputan khas serta penumpang yang lainnya selamat mendarat ke destinasi RBA ke-24 ini kira-kira jam 9.32 minit

pagi dipandu oleh dua orang anak tempatan iaitu Kapten Khalid Khan dan pembantunya, Azran Haji Abdul Rahman.

Antara yang berada di dalam pesawat itu termasuklah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke New Zealand yang tidak menetap yang juga selaku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, TYT Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi Penerbangan Diraja Brunei, Dato Paduka Haji Hazair dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Auckland yang merupakan salah sebuah destinasi pilihan yang terkandung di dalam Pelan Strategik RBA 10 Tahun iaitu dari 2003 hingga 2013 akan diikuti oleh beberapa buah destinasi baru yang akan menyusul kemudian, di samping melakukan beberapa peningkatan penerbangan serantau, penerbangan jauh tanpa henti dan penumpuan kepada keutamaan perniagaan penerbangan.



KUALITI ... Meningkatkan kualiti dan perkhidmatan pesawat merupakan antara strategi yang dirancang oleh RBA dalam usaha menarik pelanggan termasuk memperkenalkan sistem hiburan dalam pesawat (atas).

PUNCAK Gunung Eden merupakan destinasi yang sememangnya sentiasa mendapat kunjungan para pelancong dalam dan luar negara dan adalah tidak lengkap untuk datang ke Auckland tanpa mengunjunginya (kanan).



BERSALAMAN ... Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke New Zealand, TYT Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng bersalaman bersama Datuk Bandar Auckland, Yang Berhormat John Banks semasa kunjungan ke Town Hall sambil disaksikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

RBA selaku pembawa bendera negara merupakan sebuah syarikat penerbangan yang dimiliki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada 18 November 1974.

RBA yang pada mulanya dikuasai oleh tenaga-

RBA penerbangan tunggal negara menuju wawasan

tenaga luar terutama dalam memegang jawatan penting kini hampir semuanya diambil alih oleh anak-anak tempatan termasuk yang memegang jawatan Pengarah Pemasaran, Kewangan, Kejuruteraan, Perancangan Korporat, Perkhidmatan Pelanggan dan sebagainya.

Dengan memiliki dua buah pesawat dari jenis

Boeing 737-200 pada awal penubuhannya, RBA telah memilih Singapura sebagai destinasi pertama pada tahun 1975 dengan kramaian staf 84 orang diikuti Hong Kong, Kota Kinabalu dan Kuching sebagai destinasi berikutnya.

Melihat kepada permintaan yang menggalakkan, RBA telah memilih Manila dan Bangkok seba-

gai destinasi susulan pada tahun 1976 dan 1977 dan berikutan dengan pembelian pesawat ketiga dari jenis 737-200QC Combi pada tahun 1980 Kuala Lumpur telah dipilih sebagai destinasi terbaru pada tahun 1981 diikuti Darwin tahun 1983 dan Jakarta 1984.

Penghantaran tambahan tiga buah pesawat B757-200 pada tahun 1986, RBA seterusnya memilih Taipei secara rasminya sebagai destinasi diikuti oleh Dubai dan Frankfurt.

Dengan menerima pesawat yang lebih besar dari jenis B767-300 yang dilakukan pada bulan Jun 1990 seolah-olah memberi semangat kepada RBA apabila sekali lagi melebarkan sayapnya untuk merentasi lautan perjalanan hingga ke London Gatwick pada tahun tersebut dan setahun selepas itu benua kangaroo iaitu Perth menjadi pilihan seterusnya.

Memandangkan sambutan yang menggalakkan, pada 1 Disember 1996 RBA telah meningkatkan kekerapan penerbangan dari Bandar Seri Begawan ke London Heathrow dengan operasi harian sementara perkhidmatan dua kali seminggu ke Surabaya diperkenalkan pada tahun 1997.

Pada tahun 90-an RBA telah banyak mencatatkan sejarah dalam pembukaan destinasi seperti Jeddah, Den Pasar, Abu Dhabi, Brisbane dan Calcutta namun perkhidmatan ke Bahrain, Zurich, Beijing,

Kaherah, Osaka dan Balik Papan, Bintulu dan Yangoon yang diperkenalkan pada era tahun itu sebahagiannya telah digantung perkhidmatannya.

Penghantaran dua buah pesawat dari jenis Airbus A319 pada bulan Ogos dan September lalu dan beberapa buah dari jenis Airbus A320 pada pertengahan bulan Disember tahun ini menandakan bermulanya latihan pantas RBA iaitu dengan memberikan kesesuaian kepada pelanggan.

Ketibaan pesawat Airbus A319 ini adalah bagi menggantikan dua buah pesawat 757-200 yang memberi perkhidmatan ke destinasi-destinasi RBA seperti Kota Kinabalu, Kuching, Kuala Lumpur, Singapura, Hong Kong, Taipei, Jakarta, Surabaya, Den Pasar, Manila dan Darwin.

Pesawat Airbus A319 mempunyai keupayaan sejauh empat jam penerbangan dengan menyediakan lapan tempat duduk 'super business' yang dilengkapi televisyen peribadi dan 114 tempat duduk ekonomi.

Armada RBA kini dilengkapi dengan lapan buah Boeing B767-300s, dua Boeing B757-200s sementara kehadiran dua buah pesawat Airbus A319s diikuti dengan dua buah pesawat dari jenis Airbus A320 yang dijangka tiba pertengahan bulan ini merupakan antara misi yang terkandung di dalam Pelan Strategik RBA yang memperuntukkan \$1.12 bilion pelaburan bagi jang-

ka 10 tahun termasuk \$56.8 juta bagi program pelancaran semula pelaburan (2003-2004), \$324 juta bagi mendatangkan empat pesawat kecil (2004-2008), \$730 juta bagi tiga buah pesawat dan sebuah pesawat kecil (2008-2013).

Sebagai tambahan bagi kesesuaian pelanggannya, RBA telah mengusahakan berbagai inisiatif termasuk mengadakan Perjanjian Perkongsian Kod Bersama beberapa buah penerbangan yang lain seperti Singapore Airline, Malaysian Airline, Dragon Air dari Hong Kong di mana perkongsian tersebut memberi kemudahan kepada para pelanggannya untuk menyelaras penerbangan bagi percantuman pengembaraan kepada pilihan destinasi yang lebih luas.

Menyentuh mengenai bilangan penumpang, RBA mencatatkan peningkatan dan perkembangan yang baik di mana pada tahun lalu dan tahun ini telah mencatatkan keramaian penumpang 1,218,123 orang di samping catatan pembawaan kargo sebanyak 44,296,326 kilogram berbanding 504,923 kilogram sebelumnya.

Ketibaan pesawat A319s ini telah memperkenalkan sistem hiburan dalam pesawat di mana setiap tempat duduk 'super business class' dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti penggunaan 'laptop computer' dan televisyen peribadi.

Juga produk yang diperkenalkan dalam pesawat ialah hidangan istimewa yang lebih sihat khusus bagi penumpang kelas pertama dan bisnes.

Menu baru ini mem-

Lihat muka 9



RBA yang pada mulanya dikuasai oleh tenaga-tenaga luar terutama dalam memegang jawatan penting kini hampir semuanya diambil alih oleh anak-anak tempatan termasuk yang memegang jawatan seperti Pengarah Pemasaran, Kewangan, Kejuruteraan, Perancangan Korporat, Perkhidmatan Pelanggan dan sebagainya.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

MUKIM GADONG

1. Ketua kampung Beribi, Mukim Gadong
2. Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, Mukim Gadong
3. Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Mukim Gadong.

MUKIM PERAMU

1. Ketua Kampung Peramu, Mukim Peramu

MUKIM KOTA BATU

1. Ketua Kampung Sungai Matan, Mukim Kota Batu

MUKIM LUMAPAS

1. Ketua Kampung Lumapas "A", Mukim Lumapas

TANGGAGAJI :

C1 EB 2 iaitu \$ 1,280.00 - \$ 1,930.00 SEBULAN.



**JABATAN
MUZIUM-BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

**PEMBATALAN JAWATAN KOSONG
SEBAGAI PEGAWAI PEMULIHARAAN**

DIMAKLUMKAN bahawa jawatan kosong sebagai **PEGAWAI PEMULIHARAAN** di Jabatan Muzium-Muzium Brunei (Bilangan Kod 068 19 162) yang telah diiklankan melalui Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI, keluaran 3 Disember 2003 adalah dengan ini **DIBATALKAN**.

Pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei memohon maaf di atas pembatalan ini. Borang-borang permohonan akan dikembalikan kepada para pemohon yang berkenaan.

PENGARAH MUZIUM-MUZIUM BRUNEI



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : T/01/PHQ/2003 - B HINGGA T/09/PHQ/2003 - B

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di: Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam pada jam 2.00 petang pada tarikh tutup yang dinyatakan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Unit Pembelian dan Perbekalan Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN DAN TAJUK TAWARAN

Bilangan Tawaran : T/01/PHQ/2003 - B MEMPERBAIKI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK B UNIT 1 - 16 (JKR 1577) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/02/PHQ/2003 - B MEMPERBAIKI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK D UNIT 1 - 16 (JKR 1578) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/03/PHQ/2003 - B MEMPERBAIKI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK D UNIT 1 - 16 (JKR 1578) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG:-

1. Setiap calon Ketua Kampung:-
 - a) Mestilah seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dari dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - d) Berumur tidak kurang dari 30 tahun tidak lebih dari 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam ugama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh Masyarakat kampung berkenaan.
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan
 - h) Tidak pernah disyiahkan mufils di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh negara ini tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufils telah dibatalkan oleh Mahkamah.
2. Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu semasa menghadapkan besama borang pencalonan.
3. Calon yang terdiri daripada Ahli Perniagaan, Pengusaha atau Pengurus atau Pegawai/Kakitangan atau pekerja di sektor swasta adalah dikehendaki untuk berhenti daripada perniagaan atau mengundurkan diri daripada jawatannya apabila dilantik menjadi Ketua Kampung kecuali mendapat kurnia perkenan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan perniagaan/perusahaan.
4. Pencadang dan penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1988 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Bilangan Tawaran : T/04/PHQ/2003 - B MEMPERBAIKI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK E UNIT 1 - 16 (JKR 1579) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/05/PHQ/2003-B MENGGANTI WIRING DI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK A UNIT 1 - 16 (JKE 1575) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/06/PHQ/2003 - B MENGGANTI WIRING DI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK B UNIT 1 - 18 (JKR 1576) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/07/PHQ/2003 - B MENGGANTI WIRING DI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK C UNIT 1 - 16 (JKR 1577) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/08/PHQ/2003 - B MENGGANTI WIRING DI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK D UNIT 1 - 16 (JKR 1578) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : T/09/PHQ/2003 - B MENGGANTI WIRING DI PERUMAHAN BEREK KELAMIN BLOK E UNIT 1 - 16 (JKR 1579) KAWALAN DIRAJA, KAWASAN ISTANA DARULHANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup Tawaran ialah 5 Januari 2004.

6. CARA MEMOHON

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Jabatan Daerah Brunei dan Muara di Bahagian Unit Pentadbiran Institusi Penghulu-Penghulu/Ketua-Ketua Kampung dan Borang Pencalonan hendaklah dihantar kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara tidak lewat dari 31 Januari 2004.

**MAKLUMAT TAMBAHAN MENGENAI BILANGAN
KOD, TANGGAGAJI DAN TEMPAT
MENGHANTAR PERMOHONAN BAGI TIGA
JAWATAN KOSONG DI JABATAN DEWAN
BAHASA DAN PUSTAKA YANG TELAH
DIKLANAKAN PADA 24 DISEMBER 2003**

MERUJUK BILANGAN KOD, TANGGAGAJI DAN TEMPAT MENGHANTAR PERMOHONAN bagi tiga (3) jawatan kosong di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seperti berikut:-

1. **PENOLONG PEGAWAI ISTILAH** (Bilangan Kod : 056 19 507)
TANGGAGAJI : D. 1-2-3 EB. 4-5 (\$ 530.00 - \$ 1,625.00 SEBULAN)
2. **PENGATUR REKA LETAK** (Bilangan Kod : 056 92 125)
TANGGAGAJI : D. 1-2-3 EB. 4-5 (\$ 530.00 - \$ 1,625.00 SEBULAN)
3. **PEMBAHAGI BUKU** (Bilangan Kod : 056 37 092)
TANGGAGAJI : D. 1-2 EB.3 (\$ 530.00 - \$ 1,125.00 SEBULAN)

Permohonan bagi jawatan-jawatan berkenaan hendaklah ditujukan atau dialamatkan kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Keterangan mengenai syarat-syarat kelayakan, dan lain-lain mengenai jawatan-jawatan bolehlah merujuk ruangan IKLAN PELITA BRUNEI seperti keluaran yang telah dinyatakan di atas.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**PENUTUPAN SEMENTARA PADANG DAN BELAPAN
KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH**

DIMAKLUMKAN bahawa Padang dan Belapan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di Berakas telah ditutup bermula 9 Disember 2003 hingga bulan Jun 2004. Penutupan tersebut adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian belapan dan pemeliharaan padang.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

KEDAI SUKAN DI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Isnin, 26 Januari 2004** jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan Bilangan/Tajuk Tawaran tanpa menunjukkan pengenalalan Syarikat/Pembekal.
4. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Tingkat 4 (Bahagian Pentadbiran) Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan Berakas BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap waktu bekerja. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui sah dan salinan resit pembelian tawaran sebanyak \$5.00 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 85/2000

STANDARD CHARTERED BANK Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

SUFRI BIN HAJI ALIAS (K. P. Brunei No. 113442 - Kuning) Penghutang/Penentang.

NOTIS KEPADA PENGHUKUMAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 November 2003.
Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : Sufri bin Haji Alias, No. 14, Simpang 274, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : - 14 Januari 2003. Bertarikh : 3 Disember 2003.
DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 116/2003

UNITED OVERSEAS BANK LIMITED Pemiutang Penghakiman/
Penentang

LAWAN

LEONG KOK LING (BPIC NO. 105269) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Disember 2003.

Nama dan alamat terakhir diketahui : Leong Kok Ling, No. 15, Simpang 396-149, Jalan Kebangsaan Lama, Kampong Sungai Akar, BC 4115, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : - 30 Ogos 2003. Bertarikh : 8 Disember 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 119/1998

GRE INSURANCE (B) SDN. BHD. Pemiutang/Pemetisysen

LAWAN

DAYANG ROSNA BINTI HAJI IBRAHIM (K. P. BRUNEI NO. 124455 - KUNING) Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 Januari 2002.
Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : Dayang Rosna binte Haji Ibrahim, No. C1, Flat 600, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : - 22 September 2001. Bertarikh : 9 Disember 2003.
DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 223/2003

BRUNEI PRESS SENDIRIAN BERHAD Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

HARTINI BINTI AWANG HAJI MOHD. NOOR (BYIC No. 259375) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Disember 2003.

Nama dan alamat terakhir diketahui : Hartini binti Awang Haji Mohd Noor, No. 20, Simpang 113-34-11, Kampong Rimba, Gadong BE 3119, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : - 15 Oktober 2003. Bertarikh : 8 Disember 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 224/2002

MALAYAN BANKING BERHAD Pemiutang/Pemetisysen

LAWAN

1. HJH. JULIA BINTI CHEE (BYIC No. 029099)
2. HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (BGIC NO. 50-158447) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Disember 2003.
Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : 1. Hjh Julia binti Chee. 2. Haji Othman bin Abdullah, LTS 561, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait KA 1131, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : - 16 Oktober 2003. Bertarikh : 9 Disember 2003.
DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 248/2003

UNITED OVERSEAS BANK LIMITED Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

LIM POH KIONG (BPIC No. 30-098557) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Disember 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Lim Poh Kiong, Simpang 14, B3, Jimmy Kong Flat, Kampong Berangan BS 8111, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 8 Disember 2003.
DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 296/2003

SAMANIAH BINTI HAJI SAMAT (K. P. BRUNEI NO. 00-078831) Penghutang/Pemetisysen.

NOTIS PERINTAH PEMNERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 November 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Samaniah binti Haji Samat, No. 10, Simpang 14, Jln 77/83, Kampong Perpendahan Lambak Kanan BC 2525, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisysen : - 13 November 2003. Bertarikh : 1 Disember 2003.
LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 176/2000

AMERICAN EXPRESS INTERNATIONAL, INC Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

LO CHEE BENG (K.P. BRUNEI NO. 104528 MERAH) Penghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 Februari 2001 telah dibatalkan pada 11 Julai 2002.
Nama dan alamat terakhir Penghutang diketahui : Lo Chee Beng No. 5 Lot. 63, Simpang 23-14, Jalan Dipa Negara, Kuala Belait KA 1731, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 4 Disember 2003.
DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 183/2001

SWEE SENDIRIAN BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisysen

LAWAN

MAK PIK YUK (K.P. BRUNEI NO. 090594 UNGGU) Penghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 September 2002 telah dibatalkan pada 1 November 2003.
Nama Penghutang terakhir diketahui : Mak Pik Yuk, No. 3, Simpang 122-2, Kampong Kiulap, Bandar Seri Begawan BE 1518, Negara Brunei Darussalam, and/or, No.7, Simpang 614, Kampong Bunut, Jalan Tutong BF 1320, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 13 November 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan segera selepas yang boleh.
c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 223/2003

BRUNEI PRESS SENDIRIAN BERHAD Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

HARTINI BINTI AWANG HAJI MOHD NOOR (BYIC NO. 259373) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Disember 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 10 Januari 2004 jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 12 Januari 2004 jam 10.30 pagi.

Bertarikh : 8 Disember 2003

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 296/2003

SAMANIAH BINTI HAJI SAMAT (K. P. BRUNEI NO. 00-078831) Penghutang Penghakiman/
Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 29 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 10 Januari 2004 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 10 Januari 2004 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 1 Disember 2003

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 248/2003

UNITED OVERSEAS BANK LIMITED Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisysen

LAWAN

LIM POH KIONG (BPIC NO. 30-098557) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Disember 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 14 Januari 2004 jam 3.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 14 Januari 2004 jam 3.00 petang.

Bertarikh : 8 Disember 2003

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 116/2003

UNITED OVERSEAS BANK LIMITED Pemiutang Penghakiman/
Penentang

LAWAN

LEONG KOK LING (BPIC NO. 105269) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Disember 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 12 Januari 2004 jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 12 Januari 2004 jam 2.30 petang.

Bertarikh : 8 Disember 2003

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyaoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenal dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.



KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JEMPUTAN BAGI TAWARAN "A PUBLIC 3G MOBILE TELEPHONE SERVICE LICENCE IN BRUNEI DARUSSALAM"

Butir-Butir Tawaran:

- KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sukacita memaklumkan bahawa dalam usaha mempertingkatkan kemajuan industri dan perkhidmatan info-komunikasi di Negara Brunei Darussalam, sektor swasta dan semua pihak yang berminat adalah dijemput untuk menyertai tawaran di atas untuk memberi perkhidmatan 'a public 3G mobile telephone system in Brunei Darussalam'.
- Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Pengarah Perhubungan, Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja semasa waktu pejabat. Yuran Tawaran sebanyak B\$ 1,000.00 tidak dikembalikan akan dikenakan bagi setiap Dokumen Tawaran.
- Tawaran hendaklah dihadapkan sebelum atau tidak lewat dari Isnin, 1 Mac 2004 jam 2.00 petang dalam sampul surat tertutup rapi dan dialamatkan kepada "Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JUALAN LELONG PERALATAN DAN PERABOT PEJABAT/SEKOLAH
TERMASUK BARANG-BARANG MESIN**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong barang-barang yang tersebut di dalam jadual di bawah ini akan diadakan di tempat, tarikh dan masa yang disebutkan di bawah:-

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar dengan secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibelinya tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam masa tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan akan dilelong semula.
4. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar wang pendahuluan (deposit) sebanyak 10 % daripada harga lelong. Wang pendahuluan (deposit) tidak akan dikembalikan jika membatalkan tawaran lelong tersebut.

KETERANGAN BENDA YANG DILELONG

BIL	BUTIR-BUTIR KETERANGAN BENDA	TEMPAT LEONGTARIKH/MASA
1.	Perkakas Padang, Mesin Surong, Mesin Sikut, Mesin Penggaris Padang, Mesin Rumpit Berpandu.	* Mahad Islam Brunei, Tutong Hari Isnin, 5 Januari 2004 jam 10.00 pagi
2.	Perabot Sekolah Kerusi dan Meja, Meja Makan, Polytron Lantai Kerusi Perpustakaan Jenis Plastik Dapur Gas, Trolley, Jug Air, Ketel.	Sekolah Rendah Bukit Udal, Tutong Hari Isnin, 5 Januari 2004 jam 10.00 pagi
3.	Tangkai Air	Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, Brunei III. Hari Isnin, 5 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
4.	Perabot Sekolah-Kerusi dan Meja Murid	Sekolah Ugama Lambak Kanan Brunei II. Hari Rabu, 7 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
5.	Peralatan Pejabat-Komputer (Monitor), Cpu-Acer Acermate 450d, Printer Epson LX 800, Printer HP, Mesin Penggilang-Horri -Cylot-Gestetner 4130, Mesin Taip Olivetti, Mesin Taip Brother CE600 & CE550B, Photocopy Cannon NP 3225, Photocopy Minolta EP410Z, Photocopy Cannon NP 1215, Pride Expression.	Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah, Hari Rabu, 7 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
6.	Perabot Sekolah Kerusi dan Meja Mund.	Sekolah Rendah Dato Godam Brunei I. Hari Isnin 12 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
7.	Peralatan Pejabat- Mesin Photocopy Plain Paper copier CW OCE 1955 Sorter	Majlis Pengkiran Kelulusan Jabatan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Hari Rabu, 14 Januari 2004, jam 10.00 pagi.
8.	Perabot Sekolah dan Peralatan Pemakanan Sekolah Kerusi, Meja, Mund dan Meja Makan	Sekolah Rendah Selapong Temburong, Hari Rabu 14 Januari 2004, jam 10.00 pagi.
9.	Perabot Sekolah:- Kerusi dan Meja Penuntut, Meja Guru, Kerusi Perpustakaan, Mesin Taip dan alat komputer	Sekolah Menengah Perdana Wazir Kuala Belait, Hari Isnin, 19 Januari 2004, jam 10.00 pagi.
10.	Perabot Sekolah, Kerusi Dewan, Kerusi dan Meja Penuntut	Sekolah Menengah Pengiran Anak Putri Rashidah Saadatul Bolkiah Lumut, Hari Isnin, 19 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
11.	Peralatan Sekolah-Kipas Angin, Stensil HOR11, RONEO 475, GESTETNER 4130, Mesin Taip ADLER TA, ADLER SE 1000C, OLYMPIA 4030, Perkakas Dapur:- Belanga Besar, Besin Besi, Peruk Gas, Kualiti Besar, Ketel Besi, Teko Steel dan Tapisan Besar Besi.	Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan RIPA Bandar Seri Begawan, Hari Isnin, 19 Januari 2004 jam 10.00 pagi
12.	Peralatan Pejabat-Mesin Photocopy CANON NP305 & NP 155, MINOLTA EP5400, RISOGRAF RC4500, Risograph RICOH PRIPOT SS930, Risograph SUPRAFX 5500	Sekolah Menengah Awang Semaun Hari Rabu, 21 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
13.	Perkakas Elektronik :-Overhead Projektor 3M, VHS Video Cassette Camera NATIONAL M7, VHS Movie Camera NATIONAL M-7, Filmstrip Projector DUKANE MICROMATIC 11 & DUKANE MICROMATIC, Film Loop Projector, TECHNICOLOR R 260, TECHNICOLOR R 267, TECHNICOLOR R 280, Video Camera AKAI VC - 30E, AKAI VU - 7100, Camera Adaptor AKAI 30-EG, Video Tape Rewinder OMEGA OV-65E, AC Power Adaptor AKAI VA-7100 EG, Video Cassette Recorder TOSHIBA V-87 MS, Overhead Projektor MEDIUM 500. 1. Still Photo Camera NIKON FG 2. Auto Focus Camera Ricoh AF-50	Jabatan Perkembangan Kurikulum Hari Rabu, 21 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
14.	Perkakas/Peralatan Sekolah/Dapur:-Peti Sejuk ELBA 33712003, Peti Sejuk Besar Dapur Model E5090, Colder Water Spencer Box Kartin (FRIGERIA), Kipas Angin NATIONAL, Mesin Cuci RENZACCI Model SW700A, Mesin Cuci SHARP ES 25FA, Mesin Cuci SANYO ASN 46YIT, Mesin Cuci NATIONAL, Mesin Cuci HITACHI PAF-721, Mesin Cuci GOLDSTAR WF 906, Mesin Cuci GEC 3688M, Vacuum Cleaner HITACHI CV-2500, Vacuum Cleaner Stand ELECTROLUX VULCAN Small Table, Warner	Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Hari Rabu, 21 Januari 2004 jam 10.00 pagi

* (Berpindah sementara ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki BSB)

BIL	BUTIR-BUTIR KETERANGAN BENDA	TEMPAT LEONGTARIKH/MASA
	VULCAN, Steam Cooker VULCAN VL 2A & VL 2GA4, Oven Elektrik VULCAN V004, Autosan Oven VULCAN A-64-3, Penyedut Asap Dapur Aluminium saiz besar & kecil (Kitchen Hood, Kipas & Drag Hole), Tungku Dapur, Kerusi warna merah/Feeding Chair, Kerusi Besi warna biru, Kerusi Pejabat, Meja Makmal Bahasa, Meja Besi Pejabat.	Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Hari Rabu, 21 Januari 2004 jam 10.00 pagi
15.	Alat Perabot-Kerusi Kayu & Besi, Kerusi Kusyen Hitam, Kerusi Dewan, Kerusi Pegawai/Kerusi Pelajar, Kerusi Plastik, Kerusi Kayu Sofa, Kerusi W/Table, Meja Pelajar, Meja Lipat, Meja Kayu Berlaci, Meja Kayu Panjang Perpustakaan Putih, Meja Pejabat, Meja Kayu, Meja Kaki Besi, Filing Cabinet, Almari Kayu, Papan Kenyataan, Kayu Stand, Trolley Peralatan Pejabat-Mesin Taip, Mesin Stensil, Mesin Taip Elektrik ADLER XE 90 & XC 650, Mesin Penggambar CANON NP270 UBD/PL/7/ C/w Stand Perakakasan Elektrik: Alat Hava Dingin, Peralatan Pemadam Api, Televisyen/alat Dengar, Peralatan Komputer Cpu APPLE, Monitor APPLE & UCHIDA- Z80 Second Processor, Printer EPSON HI-80, Mesin Taip Elektrik ADLER, ADLER SE1000CD & IBM, Mesin Taip Manual ADLER OLIVETTI, Stensil GESTETNER 4130, GESTETNER 270 & RONEO, Word Processor BMC IF800, Overhead Projektor RISO 721, Mesin Penggambar CANON NP270.	Universiti Brunei Darussalam Hari Isnin, 26 Januari 2004 jam 10.00 pagi
16.	3 Buah Bot Laju (Speedboat Fibreglass)	Unit Kenderaan Dan Pengangkutan Puser Ulak, Hari Isnin 26 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
17.	Kerusi/Meja	Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas, Hari Rabu, 28 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
18.	Kerusi/Meja Penuntut	Sekolah Ugama Kampong Madewa, Hari Rabu, 31 Januari 2004 Jam 2.00 petang
19.	Peralatan Pejabat-Mesin Penggambar Minolta EP 270ZPC 136, Mesin Taip Elektrik ADLER XF 288, Canon AP400 XE 157, XC 778 & XE 158, Mesin Printer Canon BJC-4550 B33, Calculator Canon Canola P1421D CA 786	Jabatan Sekolah-Sekolah (Bahagian Menengah), Hari Rabu 31 Januari 2004 jam 10.00 pagi.
20.	Peralatan Pejabat-Mesin Taip Manual ADLER U275 F/76/D/3/43/90, F/68/D/3/35/90, ADLER U390 XA 970 Mesin Penggilang GESTETNER 4130 S887, CYKLOS DULICATINE, M211, F/76/H/18/90, F/76/H/19/90	Sekolah Rendah Panaga Sena, Hari Rabu, 31 Januari 2004 jam 10.00 pagi
21.	Perabot Sekolah: Meja Penuntut, Kerusi Pejabat (Besi), Kerusi Pejabat (Beroda), Meja Pejabat (Besi), Meja Pejabat (Kayu).	Sekolah Persediaan Arab Beribi, Hari Rabu, 4 Februari 2004 jam 10.00 pagi.
22.	Perkakas Sekolah-Mesin Taip Manual U275 JI/Q 18NO 1/14/97, Mesin Taip Elektrik Jawi & Rumi CANON AP7010 JI/T28NO70/16/97, Mesin Stensil CYKOS JI/Q 184NO1/14/97, Mesin Rumpur Surong BRIGGS & STRATTON (TDK), Mesin Rumpur Sikut NO. KEUB SA 1018/88	Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Hari Rabu, 4 Februari 2004 jam 10.00 pagi.



**PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: KPSUE/10/2003/1

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dipelawa bagi "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF THE IT CENTRE AND INFRASTRUCTURE FOR THE MINISTRY OF INDUSTRY AND PRIMARY RESOURCES".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Teknologi Maklumat, Tingkat 1, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB 3910, setelah bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah \$ 200.00 (tidak dikembalikan) dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Berakas BB 3910, pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.
3. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada 15 Januari 2004.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:- "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF THE IT CENTRE AND INFRASTRUCTURE FOR THE MINISTRY OF INDUSTRY AND PRIMARY RESOURCES" tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 9 Februari 2004.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JPHS/TAW/132R

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 5 Januari 2004 bagi tajuk berikut:-

**Bilangan Tawaran : JPHS/TAW/132R
MEMBINA RUMAH PENGAWAS**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap kontraktor yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran sebanyak B\$ 50.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JUALAN-JUALAN LELONG DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan akan mengadakan jualan lelong pada hari **Isnin, 12 Januari 2004**, pada jam 2.00 petang bertempat di Unit Kenderaan dan Bengkel, di Pusat Pemeliharaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Batu Bersurat, Gadong.

Tarikh untuk melihat pada hari Sabtu, 10 Januari 2004 jam 9.00 pagi.

Lelong ini mengandungi syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Penender atau pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang cagaran (deposit) 20 %/peratus daripada harga tawaran semasa jualan lelong dijalankan.
4. Barang-barang yang telah dibeli jika tidak dipindah dari kawasan perlelongan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari lelong ini akan dirampas dan akan dilelong semula. Wang cagaran (deposit) sebanyak 20% /peratus tidak akan dikembalikan.



JABATAN AGENS PELABURAN BRUNEI KEMENTERIAN KEWANGAN

ADALAH dengan ini diberi Notis bahawa satu Jualan Lelong barang yang tersebut di bawah akan diadakan pada hari **Selasa, 13 Januari 2004**.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Peserta yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai sahaja pada hari tersebut kepada pegawai Agensi ini yang dilantik.
2. Peserta yang berjaya hendaklah memindahkan barang lelong yang dibelinya daripada lokasi jualan lelong selewat-lewatnya 4.30 petang pada hari yang sama.
3. Barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh 4.30 petang pada hari yang sama tarikh perlelongan ini akan dirampas balik dan dilelong semula.

BIL.	TEMPAT LELONG	TARIKH/MASA
1	BG 5184 SEBUAH (1) MOTORSIKAL (SKUTER SUZUKI AG 100P) (Rujukan Memorandum Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan bilangan KKW/Z/493/19 bertarikh 19 November 2003)	Hari Selasa, 13 Januari 2004 jam 9.00 pagi bertempat di Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara D/A Blok G Ruang 2, Opis Gadong, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

JUALAN LELONG

DIMAKLUMKAN bahawa jualan lelong bagi 49 buah kenderaan dan 37 buah mesin rumput akan diadakan seperti berikut:

Tarikh/Masa : Hari Khamis, 8 Januari 2004, jam 9.00 pagi.

Tempat : Kawasan Bengkel Kenderaan (Cawangan JSKLL) Gadong.
Rujukan Kementerian Kewangan KKW/Z/493/13.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu Jualan Lelong yang tersebut di bawah akan diadakan pada hari **Rabu, 28 Januari 2004** hingga selesai.

Syarat-syarat Jualan Lelong ini adalah seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar dengan secara tunai dan memindah barang dari tapak Jualan Lelong tidak lewat dari dua (2) hari dari tarikh Jualan Lelong tersebut. Jika terlewat memindah pada tarikh yang telah ditetapkan maka barang-barang lelong yang sudah dibeli akan dilelong semula.

KETERANGAN	TEMPAT LELONG	TARIKH/MASA
Alat-alat Perabot Rumah	Unit Perabot Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Simpang 23, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam	Hari Rabu, 28 Januari 2004, jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

ADALAH dimaklumkan bahawa jualan lelong akan diadakan pada hari dan tempat berikut:-

Pada : Hari **Isnin, 12 Januari 2004**

Jam : 9.00 pagi hingga selesai

Tempat : Blok G Divisyen Stor dan Perbekalan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong BE 1110, Negara Brunei Darussalam.

KETERANGAN BENDA

1. Mesin Pemotong Kayu HITACHI
2. Mesin Drill
3. Mesin Pemotong Kayu
4. Mesin Rumput Sikut TANAKA
5. Mesin Rumput Sikut KUBOTA
6. Mesin Rumput Surung VULCAN
7. Mesin Rumput Surung ROVER
8. Spray Racun Rumput
9. Mesin Pemotong Dawai

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi talian 2423151 sambungan 16 & 20.



JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

ADALAH dimaklumkan bahawa jualan lelong yang tersebut di atas akan diadakan pada hari **Khamis, 8 Januari 2004** di Pool Kenderaan Mulaut, Jabatan Pertanian, Jalan Ban 6 Kilanas/Masin jam 2.00 petang.

Lelong ini ada mengandungi syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran tersebut dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan serta barang-barang akan dilelong semula.
2. Barang-barang yang akan dilelong bolehlah dilihat ditempatkan yang disediakan. Maklumat lanjut mengenai dengan pemberitahuan jualan lelong tersebut bolehlah berhubung dengan Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pertanian di talian 2383079 atau 2380144 sambungan 327.
3. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

KETERANGAN	TEMPAT LELONG	TARIKH/MASA
1. BG 3578 SABRON FORKLIFT 2. BG 91 STEELYARD INDICATOR SYSTEM (AVERY). 3. 2.481 BUAH ALAT-ALAT GANTI KENDERAAN/JENTERA- BERAT/MESIN	Pool Kenderaan, Jabatan Pertanian Mulaut Jalan Ban 6, Kilanas/Masin	Hari Khamis, 8 Januari 2004 jam 2.00 petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JAWATAN KOSONG SEBAGAI
PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II

1. PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II (BILANGAN KOD : 016 01 446) BAHAGIAN IV. TANGGAGAJI D1-2EB3 (\$530.00 - \$ 1,125.00 SEBULAN) DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c. Lulus dengan kepujian/kredit dalam empat (4) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains atau Matematik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- d. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang komputer adalah merupakan satu kelebihan.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Melapor diri kepada Ketua Unit atau stesen tempat bertugas
- b. Membuat penerapan permukaan dan udara atas.
- c. Merekod dan mengedok maklumat cuaca.
- d. Memplot maklumat di carta-carta yang disediakan.
- e. Menghantar maklumat cuaca kepada pusat mengumpul data di luar negeri.
- f. Membantu menyediakan maklumat cuaca untuk kegunaan Pegawai Kaji cuaca, Juruterbang, orang ramai dan pihak yang memerlukan.
- g. Menyampaikan ramalan cuaca dan data cuaca kepada pihak pengguna secara lisan.
- h. Memasukkan data-data kaji cuaca/turunan hijau/kaji cuaca pertanian ke komputer bagi tujuan pengarkiban.
- i. Membantu Pemerhati Kaji cuaca Tingkat I mengutip data-data turunan hujan/kaji cuaca pertanian di seluruh negara.

TEMPOH PERCUBAAN SEBELUM PENEMPATAN JAWATAN.

- a. Pemerhati Kaji cuaca Tingkat II yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun.
- b. Pemerhati kaji cuaca Tingkat II yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penempatan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

KURSUS/LATIHAN

- a. Pemerhati Kaji cuaca Tingkat II yang baru berkhidmat dikehendaki mengikuti kursus "Condensed BIP-MT" bagi membolehkan untuk diakui sebagai "WMO Meteorological Technician".
- b. Pemerhati Kaji cuaca Tingkat II adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

AM

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap disisikan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-siji ke alamat seperti berikut:-

Pengarah Penerbangan Awam, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas BB 2513, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup : 24 Januari 2004.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGERI BAGI SESI 2004/2005 BILANGAN : 01/200M (UMUM)

PEGAWAI-PEGAWAI, guru-guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk dipertimbangkan mengikuti kursus-kursus di peringkat Ijazah Pangkat Doktor, Sarjana, Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma dan Sijil melalui Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh, Cuti Belajar atau Cuti Tidak Bergaji).

SYARAT - SYARAT MEMOHON

Setiap pemohon adalah tertakluk kepada:

- Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan dalam Negeri sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988.
- Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
- Syarat-syarat bagi penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam yang berjalan dari semasa ke semasa.

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :-

1. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

- PERINGKAT SUJIL / DIPLOMA / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND) (SENARAI A & B)
 - Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
 - Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di luar negeri, syarat-syarat kelayakan minimum akademik mengikut tahap pengajian adalah seperti berikut:
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Sijil hendaklah mempunyai keupujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang dikraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma hendaklah mempunyai keupujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang dikraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) hendaklah lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) atau dalam peperiksaan awam yang dikraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau Diploma Kebangsaan Biasa.
 - Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
 - Tempoh kursus adalah di antara satu (1) hingga dua (2) tahun. Sebarang tempoh tambahan adalah tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

1.2 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (FIRST DEGREE) (SENARAI C)

- Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
- Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) dan kredit dalam tiga (3) mata pelajaran di peringkat Biasa (GCE 'O' Level) termasuk Bahasa Melayu.
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Kementerian Pendidikan bilangan: 1/60/89 bertarikh 02 November 1989.

1.3 PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTER / PH.D) (SENARAI D)

- Bagi pemohon Ijazah Sarjana hendaklah mempunyai Ijazah Pertama dan pemohon Ijazah Pangkat Doktor hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana yang diperolehi dari institusi yang dikraf oleh Kerajaan pada masa ini.
- Bidang kursus yang akan diikuti mestilah bersesuaian dengan tugas-tugas yang sedang dijalankan oleh pemohon dan memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Kursus / Pengajian di peringkat Ijazah Sarjana mestilah berbentuk disertasi dan / atau peperiksaan.
- Jika memilih disertasi atau tesis, tajuk mestilah bersesuaian dengan keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dikehendaki menyertakan cadangan bidang kajian dan jadual rancangan-rancangan penyelidikan bersama borang permohonan. (Perhatian: Cadangan hendaklah bersesuaian dan diluluskan oleh Ketua Jabatan) Jika diberi anugerah Latihan Dalam Perkhidmatan, sebarang perubahan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Tempoh kursus adalah seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian berkenaan dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

2. SYARAT - SYARAT LAIN

- Pemohon dimestikan mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris seperti di bawah, jika kursus yang diikuti membawa kelulusan tambahan yang bahasa pengantarannya Bahasa Inggeris:-
 - Minimum gred enam (6) dalam Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan awam yang dikraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau
 - Memperolehi kelulusan International English Language Testing System (IELTS) dalam tempoh yang ditetapkan dengan mendapat minimum Band enam (6) jurusan akademik bagi kursus di tahap Ijazah dan ke atas dan jurusan general bagi kursus di tahap Diploma Tertinggi Kebangsaan dan ke bawah, atau
 - Kelulusan 'The Certificate for Communication in Technical English' dari City and Guilds of London Institute, atau
 - The University Entrance Test in English for Speakers of other Languages dari Joint Matriculation Board (JMB) dengan markah pencapaian sekurang-kurangnya lima (5) atau gred B.
- Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh institusi pengajian di luar negeri, pegawai yang mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau yang lebih tinggi dalam bahasa pengantar Bahasa Inggeris adalah terkecuali dari syarat-syarat yang dikehendaki di peringkat 2.1.
- Pemohon hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2001, 2002 dan 2003) sekurang-kurangnya pada tahap:-
 - Sangat Baik bagi kursus Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D).
 - Sangat Baik (dua tahun) dan Baik (satu tahun) bagi Ijazah Sarjana / Diploma Lulusan Ijazah atau Iktisias.
 - Baik bagi mengikuti Ijazah Pertama atau Iktisias / Diploma Tertinggi Kebangsaan / Diploma atau Sijil.
- Pemohon yang tidak memenuhi syarat di atas masih boleh dipertimbangkan mengikuti jika:-
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus.
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
- Pemohon yang pernah mengikuti kursus lebih daripada enam (6) bulan sama ada sepenuh masa atau separuh masa dalam dan luar negeri boleh dipertimbangkan mengikuti kursus baru jika:
 - Pemohon telah balik berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh kursus baru dijangka bermula.
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus, atau
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
- Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih baik, mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohonkan serta aktif dalam kokurikulum sekolah atau kemasyarakatan akan diberikan keutamaan.
- Pemohon adalah dikehendaki untuk mendapatkan tempat belajar lebih awal daripada institusi pengajian yang dikraf oleh Kerajaan bagi kursus yang mereka pohonkan. Walau bagaimanapun, penerimaan tempat belajar daripada institusi tersebut tidak semestinya secara automatik akan melayakkan pemohon mendapat sokongan bagi mengikuti kursus tersebut.
- Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam berhak menempatkan pemohon di mana-mana institusi yang bersesuaian sama ada di dalam atau di luar negeri yang dikraf oleh Kerajaan dan berhak juga menukar ke mana-mana kursus lain dari yang dipohonkan mengikut keutamaan / keperluan Kementerian Pendidikan. Ini adalah juga tertakluk kepada tawaran tempat belajar. Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga berhak untuk menetapkan jumlah keramaian pemohon yang mengikuti bidang kursus yang sama di satu institusi pengajian di luar negeri.
- Pemohon yang terpilih dan berjaya menamatkan kursus yang diikuti mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan.

- Pemohon yang telah menamatkan kursus adalah dikehendaki balik dan melapor diri ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam sebaik sahaja tempoh kursus tersebut berakhir.

3. CARA MEMOHON

- Setiap pemohon mestilah melengkapkan borang-borang berikut:-

- Borang Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Borang Khas, Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan.
- Borang UBD, jika memohon ke Universiti Brunei Darussalam atau lain-lain borang institusi-institusi tempatan (bagi yang berkenaan sahaja).

Borang-borang ini boleh didapati dari :-

- Kaunter Bahagian Latihan
- Unit Biasiswa dan Latihan
- Blok A313, Tingkat Tiga, Blok A
- Kementerian Pendidikan
- Kawasan Lapangan Terbang Lama
- Negara Brunei Darussalam

- Setiap pemohon mestilah mengembalikan borang-borang permohonan yang telah disikan dengan lengkap beserta salinan siji-siji yang telah disahkan dan maklumat-maklumat berkaitan kepada Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar masing-masing.
- Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar hendaklah menghadapkan borang-borang permohonan tersebut beserta dengan perkara-perkara yang berkaitan kepada Ketua Jabatan / Pengarah masing-masing. Jabatan berkenaan dikehendaki membuat sokongan bagi permohonan-permohonan berkenaan dan menghadapkannya ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan. Pemohonan yang tidak disalurkan melalui saluran di atas tidak akan dilayan.
- Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau pada **31 Januari 2004**.
- Ketua Bahagian / Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar mestilah memberikan satu laporan sulit dan menyertakan dua (2) salinan laporan Penilaian Prestasi Kerja bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2001, 2002 dan 2003) bagi setiap permohonan yang berkenaan.

4. PERINGATAN

- Pemohonan yang lewat diterima dan/atau tidak lengkap tidak akan dilayan.
- Bagi pemohon kursus ke luar negeri, borang yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut (berkaitan dengan kursus yang akan diikuti sebelum dihadapkan kepada Ketua Jabatan):-
 - Isi kandungan kursus.
 - Yuran pengajian dan
 - Surat tawaran penerimaan tempat belajar daripada institusi pengajian, jika ada.
 (Perhatian: Bagi yang belum ditawarkan, pemohon-pemohon hanya akan dipertimbangkan jika menghadapkan surat tawaran surat setengah (1½) bulan sebelum tarikh kursus bermula)
- Lebih umur bagi setiap pemohon selepas berkursus mestilah mencukupi untuk menghabiskan tempoh ikatjanji (bond) dengan Kerajaan sebelum bersara pada umur 55 tahun sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri rujukan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988 dan Surat Keliling rujukan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
- Pemohon mestilah juga memenuhi tempoh ikatjanji yang telah ditetapkan serta mempunyai dua (2) tahun lebih tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan setelah menamatkan tempoh ikatjanji (bond) sebagaimana Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan: 23/97 bertarikh 27 Desember 1997.
- Pemohon yang gagal dan tidak lagi dapat mengulang pengajiannya tidak akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru, kecuali mereka telah balik berkhidmat sekurang-kurangnya empat (4) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula.
- Pemohon yang menarik diri setelah memulakan kursus hanya akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru setelah berkhidmat semula sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan: 2/2000 bertarikh 27 Januari 2000.
- Tempoh Skim Latihan Dalam Perkhidmatan hanya dibenarkan menurut tempoh asal minimum yang ditetapkan oleh institusi pengajian yang berkenaan.
- Pemohon wanita yang didapati mengandung sejour sebelum memulakan kursus akan ditangguhkan kebenaran mereka. Jika pemohon-pemohon berkenaan mengandung semasa mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan dan menagguhkan serta memerlukan tambahan tempoh masa kursus, Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang dibenarkan pada awalnya akan diubah mengikut budi bicara pihak Kerajaan.
- Pegawai yang memohon untuk mengikuti kursus di luar negeri tidak akan dipertimbangkan jika tajuk atau isi kandungan kursus adalah sama atau sebanding dengan kursus yang dikendalikan di institusi-institusi pengajian dalam negeri kecuali:
 - Kursus sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D), Sarjana, Diploma Lulusan Ijazah atau Iktisias;
 - Bidang pengajian yang diperlukan dan diutamakan;
 - Institusi pengajian yang berstatus dan ternama.
- Sebarang pertukaran kursus dan / atau tempat yang telah mendapat kebenaran dan telah dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan dilayan.
- Pemohon yang sudah mempunyai Ijazah Pertama atau Ijazah Sarjana tidak akan dipertimbangkan untuk mengikuti kursus di tahap yang sama.
- Jika perlu, pemohon yang disenarai pendekkan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka akan diberitahu kemudian berhubung dengan tarikh, masa dan tempat temuduga.
- Pemohon yang berjaya mendapat sokongan penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh / Cuti Belajar / Cuti Tidak Bergaji mestilah patuh kepada Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat yang mengawal mengenai dengan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dari semasa ke semasa.

SENARAI KURSUS-KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN BAGI SESI 2004 / 2005

SENARAI A

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT SUJIL

- Special Education (Berbagai Bidang Pengkhususan Tertentu), 2. Pendidikan Jasmani, 3. Teknologi Pendidikan (Komputer / Media), 4. Computer Studies / Information Technology / Multimedia, 5. Bahasa Arab, 6. Pengajaran Islam, 7. Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan.

SENARAI B

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT DIPLOMA / ADVANCED DIPLOMA / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND)

- Physical Education, 2. Science Laboratory Technicians / Computer Technology / Computer Laboratory Technician, 3. Computer Studies / Computer Education / Information Technology, 4. Educational Media, 5. Pengajian Sukan / Pendidikan Kesihatan dan Kecergasan / Pendidikan Jasmani / Pengurusan Sukan dan Rekreasi / Pengurusan Kesengangan, 6. Special Education (Berbagai Bidang Pengkhususan Tertentu), 7. Pengurusan Awam / Pentadbiran / Pentadbiran Islam, 8. Pengajian Islam, 9. Entrepreneurship, 10. Lain-Lain Bidang Kursus yang ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan.

SENARAI C

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (FIRST DEGREE)

- Home Economics, 2. Guidance and Counselling / Bimbingan dan Kaunseling, 3. Media Pendidikan / Komunikasi, 4. Pendidikan Jasmani / Sukan / Kesenian / Performing Arts, 5. Communication Studies / Public Relations, 6. Computer Studies, 7. Agriculture, 8. Design dan Technology, 9. Research Methodologies in Education, 10. Educational Technology in Science and Mathematics Education, 11. Human Resource Development / Management / Planning / Pengurusan / Perkembangan Sumber Manusia, 12. Management of Information System / Technology / Pengurusan Teknologi Maklumat, 13. Information Technology / Information Communication Technology / Multimedia / Information Technology Analysis, 14. Psychology, 15. Management Studies / Pengurusan Organisasi / Pentadbiran Organisasi, 16. Pengajaran Islam, 17. Statistics and Operational Research, 18. Entrepreneurship, 19. Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan.

SENARAI D

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTER / DOCTORATE DEGREE)

- Mata pelajaran-mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Mathematics, Physics, Chemistry, Biology, Geography, History / Sejarah, Economics, Arts, English / English as a Second Language, Islamic Studies, 2. Educational Supervision and Inspection, 3. Education / Pendidikan Pengkhususan dalam Bidang-Bidang berikut:- Administration / Management, - Curriculum Planning Studies / Design / Evaluation, - Educational Development / Planning, - Educational Psychology, - Educational Policies, - Information and Technology, - Innovation / Evaluation Management - Measurement and Testing / Measurement and Evaluation, - Research / Applied Research / Educational Research - Science Education, - Mathematics Education, - Computer Science, - Primary Education, 4. Human Resource Development / Management / Planning / Pengurusan / Pembangunan Sumber Manusia, 5. Guidance and Counselling / Bimbingan dan Kaunseling, 6. Special Education, 7. Sports Studies / Sport Science, 8. Public Relation, 9. School Psychologist (Leading to Registration), 10. Pengajian Islam / Pendidikan Islam, 11. MA Public Administration and Public Policy / Pengurusan dan Pentadbiran Awam, 12. Design and Technology, 13. Food Science / Food Technology / Nutrition, 14. Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan.

PERINGATAN:

Mana-mana kursus yang dicadangkan untuk keluar negeri tetapi ada ditawarkan di institusi - institusi dalam negeri, kursus - kursus tersebut akan disalurkan ke dalam negeri.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

No. Projek : JKP/28/2003

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dalam Kelas VI sahaja Kategori 1 dan 5b bagi:-

i Projek : KAMPONG LUMUT/SUNGAI LIANG RESETTLEMENT HOUSING SCHEME EARTHWORKS PHASE 3 AND 6, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ii No. Projek : JKP/28/2003

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu, 17 Januari 2004.

Tawaran Buka : Hari Rabu, 31 Disember 2003

Tarikh Tutup : Hari Isnin, 19 Januari 2004 tidak lewat jam 2.00 petang. Tempat tutup : Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$ 1,000.00 (tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen : \$ 1,000.00 (tidak dikembalikan)

No. Projek : JKP/31/2003

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dalam Kelas VI sahaja Kategori 1 dan 3 bagi:-

i Projek : CONTRACT 5 INFRASTRUCTURE STAGE 2 AT KAMPONG MERAGANG HOUSING SCHEME, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ii No. Projek : JKP/31/2003

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu, 10 Januari 2004.

Tawaran Buka : Hari Rabu, 24 Disember 2003

Tarikh Tutup : Hari Isnin, 12 Januari 2004 tidak lewat jam 2.00 petang. Tempat tutup : Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$ 1,000.00 (tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen-e : \$ 30.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. LA/259/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Moslim bin Hj. Tengah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Zainab @ Azizah binti Hj. Atol yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Disember 2003 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Oktober 2003.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percakapan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut :

Kelas Penender	I	II	III	IV	V		
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00	\$2,000.00
Dokumen - elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00	\$1,030.00

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II & III di bawah kategori 6d sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 10 Januari 2004. Tarikh tutup hari Isnin, 12 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/SAR/42/2003 - T/II : PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN ALAT-ALAT PERABOT BAGI PUSAT PERKHIDMATAN PELANCONGAN, PELABUHAN MUARA. No. Projek : DTS/SAR/D/500. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 17 Januari 2004. Tarikh tutup hari Isnin, 19 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DOD/27/2003 (SEE/DOD) : SKIM PENYUSUNAN SEMULA KAMPONG AYER, KAMPONG KATOK B, JALAN MATA-MATA PERUMAHAN PAKEJ 'A' B1 UNIT JENIS 'E'. No. Projek : JKR/HSS/207 C. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas VI, (V & VI) di bawah kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 17 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 2 Februari 2004.

BIL: JKR/DDS 054/2003 CDE(SPECS) - T.VI : KAWALAN HAKISAN DAN KERUNTUHAN BENTENG PENAHAN TEMBOK KONKRIT DEKAT KANDANG, BERAKAS GARISON. No. Projek : 03/DDS/CDE(SPECS)/K7307. Yuran Tawaran : \$500.00. Yuran Dokumen-e : \$500.00. Jumlah Yuran : \$1,000.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 10 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 12 Januari 2004.

BIL: JKR/DBSEB 029/2003 : KERJA-KERJA TAMBAHAN BANGUNAN DAN UBAHSUAI DI LOJI PENAPISAN AIR, DAERAH TEMBURONG. No. Projek : (JKR/2002DBSEB817/1303(A)). Yuran Dokumen : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 3 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004.

BIL: JKR/DBSEB 028/2003 : MEMBINA DAPUR, TANDAS DAN TEMPAT

BERWUDHU YANG BARU, MASJID KAMPONG MENUNGGOL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : (JKR/2002DBSEB/JUB.07). Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar kelas VI dan di kategori 1 (Civil Engineering) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 7 Februari 2004. Tarikh tutup hari Isnin, 9 Februari 2004 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

BIL: JKR/DOR/SRC 058/2003 : PEMBINAAN JALAN TUTONG-SERIA, FASA III JALAN PENGHUBUNG TELISAI-LUMUT. Yuran Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : \$2,000.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang berdaftar di dalam kelas II, III, & IV sahaja (kategori 6a sahaja).

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 3 Januari 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004. BIL: JKR/DWS/047/2003 - K : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT-ALAT GANTI BAGI STESAN PAM KIMIA DI LOJI PENAPISAN AIR BUKIT BARUN - PERINGKAT 5 (PART 2). Yuran Dokumen : \$25.00. (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang berdaftar di dalam kelas II, III, & IV sahaja (kategori 6a sahaja).

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 3 Januari 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004. BIL: JKR/DWS/048/2003 - K : MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI MEKANIKAL BAGI PAM AIR MENTAH KUALA ABANG-PART 5. Yuran Dokumen : \$25.00. (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V sahaja (kategori 5g sahaja).

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 3 Januari 2004 Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DOR/SRM/057/2003 : PEMASANGAN PAGAR DIN-DING KESELAMATAN JABATAN DI DAERAH BRUNEI MUARA DAN TUTONG. Yuran Dokumen : \$125.00. Yuran Tawaran : \$125.00. Jumlah Yuran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI di bawah kategori 2, 5(a) dan 5(b) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 3 Januari 2004. Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/SAR/40/2003 - T/VI : MEMBINA INFRASTRUKTUR TANAH PASUKAN POLIS DI SUNGAI AKAR (241 EKAR), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : DTS/SAR/16/2003. Jumlah Yuran Tawaran : \$2,000.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 20 Disember 2003 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004 (dijalankan dari 22 Disember 2003).

BIL: JKR/DBSKB064/2003 : MENGGANTI PAM-PAM PEMBEUTANGAN DI STESAN PAM KUALA BELAIT DAN SERIA. Bayaran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran: \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 10 Januari 2004 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup hari Isnin, 12 Januari 2004.

BIL: JKR/DBSKB065/2003 : PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT DI SEPANJANG JALAN SIMPANG 237-7, SIMPANG 23-13, SIMPANG 23-21 DAN SIMPANG 23-29, JALAN DIPAN NEGARA, KUALA BELAIT. No. Projek : 2003/DBSKB/20414. Bayaran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 20 Disember 2003 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Isnin, 12 Januari 2004 (dijalankan dari 22 Disember 2003).

BIL: JKR/DBSEB 027/2003 : MEMBINA SATU (1) UNIT RUMAH GURU, SEKOLAH RENDAH KAMPONG BELABAU, ULU TUTONG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : (JKR/2003DBSEB/PEL.04). Yuran Dokumen : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI di bawah kategori 2 & 7(a) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Rabu, 31 Disember 2003 Tarikh tutup hari Isnin, 5 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/SAR/37/2003 - T/VI : KERJA-KERJA UBAHSUAI GUDANG BAGI CADANGAN BANGUNAN UNTUK E-GOVERNMENT PUSAT MAKLUMAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : DTS/SAR/13/2003. Jumlah Yuran Tawaran : \$1,000.00. (Tidak dikembalikan).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3030 :-
TABLE FOLDING LEGS 6 FT X 3FT (QTY: 577EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3065 :-
(ALAT-ALAT SUKAN) OLYMPIC INCLINE PRESS (QTY : 2EA)
PREACHER CURL (QTY: 2EA),
T-BARROW (QTY: 2EA),
BARBELL RACK (QTY: 2EA),
WEIGHT TREE A- FRAME (QTY: 2EA),
ADJUSTABLE HIP EXTENSION (QTY: 2EA),
0-09 ADJUSTABLE BENCH (QTY: 2EA),
ADJUSTABLE DECLINE BENCH (QTY: 2EA),
DUMBBELL RACK (QTY: 2EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Y/3010 :-
GENERATOR 10 KVA (QTY: 4EA).
Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 26 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 26 Januari 2004** jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/W/3006 :-
XCPU - P4 (QTY : 2EA).
HCPU 8 (QTY : 4EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 12 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 12 Januari 2004** jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3031:-
BAG SAND PROOFED 2 FT X 9 IN X 1 FT X 2 IN (QTY: 60,000 EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Y/3008:-
TRAILER MOUNTED PORTABLE FIRE PUMP.
Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 5 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 5 Januari 2004** jam 10.30 pagi.

a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolklah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya

atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.

e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

g) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatkan tarikh tutup tawaran itu seperti yang diiklankan.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PDP/103/2003

Tajuk Tawaran : PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI SEKOLAH RENDAH KAMPONG KATOK KAWASAN SKIM PERUMAHAN RAKYAT JATI, TUNGKU GADONG, BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup : **Hari Isnin, 12 Januari 2004**, jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$200.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$185.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Pemborong Yang Berdaftar Di Kementerian Pembangunan Kelas III, IV, V atau VI (Kategori 7a, 7b) sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN :

Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil Dokumen dari Kaunter Bahagian Dokumen, Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BP/105/2003

Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF STANDBY BATTERY FOR CT/21.

Tarikh Tutup : **Hari Isnin, 5 Januari 2004**, jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$100.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu Kategori 6(f), 6(g) dalam Kelas II, III, IV, V & VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat 4, Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN :

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat 4, Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PDP/106/2003

Tajuk Tawaran : TRANSPORTATION OF DES MATERIALS OF EQUIPMENT IN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup : **Hari Isnin, 19 Januari 2004**, jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$200.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$50.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas II ke atas, Kategori 6e.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian penghantaran dan pembahagian, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN :

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT" 1958 - Section 16 & 17 dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

NO. PROJEK : JTB/TD/CMS/2004/1

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal. Tawaran ini adalah bagi "ENHANCEMENT OF JTB BILLING SYSTEM (MEDUSA) TO INCORPORATE NGN SERVICES".
2. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandatangan :-

NO. PROJEK : JTB/TD/CMS/2004/1
ENHANCEMENT OF JTB BILLING SYSTEM (MEDUSA)
TO INCORPORATE NGN SERVICES

- lanpa menunjukkan nama pemborong ditujukan kepada:- Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari **Isnin, 26 Januari 2004** jam petang. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Spesifikasi tawaran boleh didapati daripada Unit Pendaftaran Pemborong dan Pengeluaran Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Korporat, Jabatan Telekom Brunei, Tingkat 2, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam setelah menjelaskan pembayaran yuran tawaran berjumlah BS 200.00 (tidak dikembalikan). Sebarang pertanyaan mengenai tawaran berkenaan boleh juga di e-mel ke datascanner@telecom.gov.bn.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau tertentu.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syarikat-syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan KDYM seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:- \$50.00 bagi DA/K/SSP/269/JPI/2003.
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510.
5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutharga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat I, setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
8. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pendaftaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertu-

tup. Pada bahagian atas sampul tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari **Isnin, 12 Januari 2004** jam 2.00 petang.

10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/269/JPI/2003	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 'COMMON USE ITEM' UNTUK KEGUNAAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA DAN ARAB, JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DARI 2004 HINGGA 2008M.	\$ 50.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	12/1/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN PADA HARI BIASA

ISNIN - KHAMIS	8.00 PAGI - 11.30 PAGI 1.30 PETANG - 2.30 PETANG
SABTU	8.00 PAGI - 10.00 PAGI



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PERKHIDMATAN EMS KE DESTINASI BARU

JABATAN Perkhidmatan Pos dengan ini memaklumkan bahawa Perkhidmatan EMS atau Speedpost akan dilaratkan ke negara Finland, Romania dan Poland mulai 1 Januari 2004. Kadar bayaran bagi berat bawah 500g ke negara tersebut ialah \$45.00.

Untuk mendapat maklumat lanjut bolehlah berhubung dengan pejabat-pejabat pos di seluruh negara.



PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA BRUNEI KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran: KKW/X/3/2003

TAWARAN UNTUK MENGHASILKAN BAHAN-BAHAN MAKLUMAT KORPORAT DAN PROMOSI DALAM BENTUK CORPORATE BROCHURES, CORPORATE WEBSITE DAN CORPORATE INTER-ACTIVE VCD/CD ROM UNTUK PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA BRUNEI.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi menghasilkan Bahan-Bahan Maklumat Korporat dan Promosi dalam bentuk:
 - ☐ Corporate Brochures
 - ☐ Corporate Website dan
 - ☐ Interactive VCD/CD Rom untuk Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei, Kementerian Kewangan.
2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan sebut harga bagi penghasilan setiap bahan maklumat dan promosi iaitu, Corporate Brochures, Corporate Website dan Interactive VCD/CD Rom secara berasingan.
3. Dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh diperolehi di Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei, Kementerian Kewangan, Tingkat 14, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam mulai 17 Disember 2003 dengan bayaran sebanyak \$ 100.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu-waktu seperti berikut:-

Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi - 11.30 pagi
2.00 petang - 4.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi - 11.00 pagi
2.30 petang - 4.00 petang
4. Bayaran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Jaminan Bank (Bank Guarantee).
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup, ditulis dengan alamat dan nama tawaran : TAWARAN UNTUK MENGHASILKAN BAHAN-BAHAN MAKLUMAT KORPORAT DAN PROMOSI DALAM BENTUK CORPORATE BROCHURES, CORPORATE WEBSITE DAN CORPORATE INTER-ACTIVE VCD/CD ROM UNTUK PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA BRUNEI. Bilangan Tawaran dan tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti syarikat dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Isnin, 5 Januari, 2004** jam 2.00 petang.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN KEPADA PELAUT-PELAUT BIL: 17/2003 (S) PANCANG NO.1 AW TELAH TENGGELOM

DIMAKLUMKAN kepada pelaut-pelaut bahawa Pancang No.1 AW (Hijau) telah tenggelam dan kini telah ditanda dengan boya sementara. Kedudukan pancang adalah seperti berikut:-

GARIS LINTANG (UTARA)	GARIS BUJUR (TIMUR)
05 Degree 4' 2.90"	115 Degree 6' 19.30"

Pelaut-pelaut dinasihatkan agar berhati-hati ketika melintasi kawasan tersebut.



JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI DAN JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Mengumumkan

PELUANG PEKERJAAN BAGI PENCARI-PENCARI KERJA DENGAN DILATIH SEBELUM BEKERJA

Di bawah

SKIM LANJUTAN KEMAHIRAN INDUSTRI DAN TEKNOLOGI INFO-KOMUNIKASI SEBAGAI SEBAHAGIAN SKIM PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK

1. KERAJAAN dalam usaha berterusan untuk mewujudkan tenaga kerja yang mahir dan "reliable" akan melaksanakan Skim Latihan Lanjutan Kemahiran Industri dan Teknologi Info-Komunikasi Fasa Kedua melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Skim ini akan melatih dan mempersiapkan anak-anak tempatan untuk mengisi beberapa jawatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta.

2. Bagi Skim ini, dengan kerjasama Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, 528 jawatan yang ditawarkan oleh 54 buah Syarikat swasta di Tapak Perindustrian dan Koperasi telah dikenalpasti untuk diisi oleh rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang menyertai dan tamat mengikuti program latihan dibawah Skim ini. 47 daripada 528 jawatan akan diisikan terus tanpa perlu mengikuti program latihan. Pemohon yang terpilih bagi mengisi 47 jawatan itu hanya diperlukan mengikuti program motivasi. Jawatan-jawatan yang dimaksudkan adalah:-

Pemandu/Pembungkus (Packers)/Buruh dan Pekerja Am/Pejaga Keselamatan

Sementara itu, bagi 481 jawatan yang lainnya, gelaran jawatan dan bilangan yang diperlukan adalah seperti berikut :-

BIL	GELARAN JAWATAN	BILANGAN YANG DIPERLUKAN
1.	Kerani	13
2.	Mekanik	9
3.	Tukang Jahit	330
4.	Tukang Jahit (Embroidery)	5
5.	Pembantu Tukang Jahit	20
6.	Operator mesin	5
7.	Penyelenggara Stor (Storekeeper)	14
8.	Juru Jual	13
9.	Pengurus Pengeluaran (Production Manager)	1
10.	Akauntan	1
11.	Kerani Akaun	3
12.	Penolong Penyelenggara Stor (Assistant Store Keeper)	1
13.	Penyelia (Supervisor)	3
14.	"Aluminium Glazed Works Fabricator"	2
15.	Setiausaha	1
16.	Kerani Jualan (Sales Clerk)	2
17.	Tukang Kayu separuh mahir	2
18.	Juruukur Bahan (Quantity Surveyor)	1
19.	Pembantu Kawalan Mutu (Assistant Quality Controller)	1
20.	Penyelia Worksyp	2
21.	Tukang Kimpal (Welder)	4
22.	Agen Pemasaran (Marketing Agent)	2
23.	Mekanik Elektrik (Electrical Mechanic)	1
24.	Pengurus Pentadbiran (Administrator)	1
25.	Pereka Perabot (Furniture Designer)	1
26.	Pengurus Koperasi	14
27.	Pembantu Kewangan /Pentadbiran Koperasi	11
28.	Kerani Perakaunan Koperasi	6
29.	Jurujuai Tiket Perahu	4
30.	Jurujuai Restoran	4
31.	Pekerja Mahir	1
32.	Jurujuai Insurans	1
33.	Pengurus Sajian (Catering Administrator)	1
34.	Mekanik Enjin	1
35.	Mekanik Penghawa Dingin / Pendawaian (Air Conditioning / Wiring Mechanic)	1
	JUMLAH	481

3. Skim ini dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur diantara 18 hingga 35 tahun yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Tingkatan 3. Pemohon-pemohon mestilah yang benar-benar berhajat untuk mendapatkan pekerjaan dengan sektor swasta serta telah mendaftar dengan Jabatan Buruh.

Pemohon yang terpilih untuk menjawat jawatan-jawatan berkenaan akan terlebih dahulu mengikuti latihan amali atau program motivasi yang akan diaturnya. Program latihan atau motivasi bertujuan memastikan calon mendapat kemahiran dan juga pendedahan yang diperlukan oleh majikan.

4. Kerajaan akan membiayai 100% kos latihan. Pelatih-pelatih akan dihulurkan elaun sepanjang tempoh latihan.
 5. Pelatih yang berjaya menamatkan program latihan ini akan diambil bekerja oleh syarikat swasta yang berkenaan bagi tempoh tidak kurang 2 tahun dengan menandatangani kontrak pekerjaan.
 6. Pemohon yang benar-benar berminat untuk mengikuti Skim ini dikehendaki mengisi borang pendaftaran yang boleh didapati di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, di Aras 6 (West Wing) pada bila-bila masa waktu pejabat. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan di alamat yang sama tidak lewat **14 Januari 2004**.
- Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menelefon talian 2233344 sambungan 661.
7. Sesi "profiling" bagi pemohon-pemohon akan diadakan pada 15 Januari 2004.

KESELAMATAN BAWA KECERIAAN DI TAHUN BARU

RBA penerbangan tunggal negara menuju wawasan



PERSEMBAHAN kebudayaan yang dipersembahkan oleh Kumpulan Senandung Darussalam sempena perasmian destinasi terbaru RBA telah mendapat sambutan orang ramai yang secara langsung membawa dua maksud iaitu mempromosikan penerbangan RBA dan memperkenalkan seni kebudayaan orang-orang Brunei.



DERETAN kapal yang bersebelahan dengan Muzium Maritim Auckland ini sedia untuk disewa oleh mereka yang ingin menikmati pemandangan untuk melapangkan fikiran melalui pelayaran.

Dari muka 8

perkenalkan masakan dari bahagian Eropah dan Australia yang bermula sejak bulan Oktober lepas yang mana cara memasaknya ditunjukkan oleh tukang masak bertaraf dunia, Chef Michel Roux dari London.

Chef Michel Roux adalah pemilik dan tukang masak Restoran Le Gavroche di London dan berkhidmat dengan RBA sejak awal tahun ini dengan matlamat menjamin hasil kualiti makanan yang tinggi bagi para penumpang.

Dalam meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan yang lain kepada pelanggannya, RBA kini mengalami kerja-kerja pengubahsuaian bagi membina dewan menunggu yang baru di Lapangan Terbang Antarabangsa yang dijangka siap awal tahun depan.

Antara kemudahan yang disediakan di dewan berkenaan ialah pusat niaga, penggunaan inter-

net, dewan sembahyang dengan tempat berwuduk dan bilik mandi.

Sebagai tanda penghargaan kepada penumpang setianya, RBA tahun ini telah memperkenalkan satu program yang dinamakan 'Royal Skies' di samping memberi ganjaran istimewa kepada mereka.

Program 'Royal Skies' yang sememangnya dinantikan oleh kebanyakan pelanggan RBA membawa keistimewaan seperti Generous Milage yang memberikan ganjaran 500 Royal Skies Miles kepada pelanggan bagi mana-mana destinasi tanpa mengambil kira jarak jauh destinasi tersebut.

Mereka yang menjadi ahli dan memiliki penerbangan sebelum akhir tahun ini akan mendapat 6,000 Bonus Miles mengikut kelas penerbangan masing-masing di samping tiada dikenakan bayaran untuk menjadi ahli kepada program ini.

Untuk memudahkan tempahan kepada pelanggannya, RBA telah menyediakan tempahan me-

lalui online yang boleh diperolehi melalui jaringan kemudahan kepada sesiapa saja tanpa menggunakan sistem tempahan secara lama.

Dalam usaha menarik lebih ramai penumpang, RBA juga memperkenalkan Pakej Percutian Sentuhan Emas Diraja Brunei (Royal Brunei's Golden Holiday and Stopover Programme) yang menawarkan pelbagai pakej yang menarik bagi penumpang yang datang ke negara ini di samping beberapa bandar raya yang disinggahinya.

Setelah memberi khidmat hampir tiga dekad, RBA telah mencatatkan beberapa pujian dari pemerhati dalam dan luar negara umpamanya pada tahun 1999 dan 2000 RBA secara berturut-turut telah ditempatkan di tempat pertama dalam kategori 'world's leading first class' oleh Anugerah Pengembangan Dunia setelah bersaing dengan beberapa buah penerbangan gergasi dunia.

Sementara itu, majalah



SKY TOWER ... Menara lebih 1,000 kaki ini merupakan sebuah tempat menarik untuk dikunjungi dan dapat memberikan pandangan yang cukup jelas kota rayanya dari udara.

Muhibah yang merupakan majalah dalam penerbangan telah dipilih menduduki tempat kedua dalam kategori 'best in-flight entertainment guide within the magazine' oleh Anugerah AVION 2002 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Hiburan Penerbangan Dunia (WAEA). RBA juga pernah menjadi penerima terbaik tiga tahun berturut-turut bagi anugerah yang sama pada tahun 1998 hingga 2000.

Pada tahun 1998 RBA telah dicalonkan sebagai penerima anugerah terbaik bagi 'Travel Weekly Globe Award' iaitu sebagai pengangkutan terbaik di Timur Tengah bersama British Airways, Emirates dan Gulf Air manakala setahun sebelumnya RBA juga telah dipilih sebagai penerbangan terbaik oleh Pertubuhan Pengembangan Asia Pasifik (PATA).

Pangkalan pemeliharaan armada RBA merupakan hanya satu-satu kemudahan yang lengkap di Asia Tenggara mampu bagi mengendalikan pesawat B767 dan B757 dengan enjin B77/PW4000 dan B757RB535-E4, di samping menyediakan pemeliharaan yang bermutu tinggi dalam memberikan perkhidmatan sokongan kepada penerbangan-penerbangan yang lain seperti Royal Nepal Airline dan Vietnam Airline.

Dalam meningkatkan kemahiran juruterbangnya, RBA telah mempunyai alat latihan memandu (simulator) dari generasi terbaru bagi B767-300ER/B757-200ER yang bertujuan bagi memelihara dan meningkatkan kecekapan jurupandu kapal terbang dalam keadaan yang lebih baik.

Sementara itu dalam meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan-


nya, RBA telah menawarkan beberapa program latihan antaranya latihan di luar negeri yang dikhususkan kepada yang berkecualan terutama dalam bidang kejuruteraan dan operasi penerbangan, di samping memperkenalkan program pendidikan lanjutan kepada kakitangan tempatan yang berkebolehan.

Sehingga kini RBA mempunyai 15 orang anak tempatan yang mempunyai pangkat Kapten di samping 26 orang berpangkat Pegawai Pertama Kanan dan 28 orang Pegawai Kanan.

Dalam pada itu program Latihan Pengurusan Am (GMT) yang diperkenalkan tahun ini adalah semata-mata untuk melatih dan merekrut lepasan-lepasan sarjana yang mempunyai kelulusan terbaik sama ada diperolehi dalam mahupun luar negara yang dijangka akan dapat menjadi tulang belakang kepada

pengurusan syarikat penerbangan ini di masa akan datang.

Segala apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh penerbangan ini adalah semata-mata bagi menuju visi dan matlamatnya iaitu untuk mewujudkan sebuah penerbangan yang bersaiz sederhana dengan jaringan serantau yang kukuh; komitmen penuh kepada perlindungan dan keselamatan operasi; kecemerlangan perkhidmatan pengantaran; kos yang kompetitif; nilai bagi setiap bayaran tambang; memberikan sumbangan kepada perniagaan dan pembangunan pelancongan negara; menyediakan peluang pekerjaan yang berterusan kepada rakyat dan penduduk di negara ini, di samping menjadi sebuah penerbangan antarabangsa yang berkualiti.



MEMBELI BELAH ... Crowne Plaza yang terletak di ibu kota Auckland sedia menyambut tetamunya yang datang ke kota itu untuk berbelanja.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika berucap merasmikan Seminar Mengenai Produk Tafsiran Pemprosesan Data Global dan Sistem Ramalan (GDPFS) dan Pembaikan Perkhidmatan Kaji cuaca Awam (PWS). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Media massa mainkan peranan sebakarkan maklumat cuaca

Oleh
Abu Bakar HAR

GADONG, 8 Disember. - Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah berkata, hubungan rapat antara media massa dan Perkhidmatan Kaji cuaca Kebangsaan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan amaran yang berhubung kait dengan cuaca kepada orang ramai.

Dato Paduka menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Seminar Mengenai Produk Tafsiran Pemprosesan Data Global dan Sistem Ramalan (GDPFS) dan Pembaikan Perkhidmatan Kaji cuaca Awam (PWS) yang berlangsung di Centerpoint di sini.

Oleh itu katanya, adalah perlu mengadakan hubungan yang erat antara kedua pihak terutama dalam program-program perkhidmatan kaji cuaca awam, di samping menjadikan seminar hari itu sebagai batu loncatan bagi meningkatkan dan mewujudkan hubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Katanya, Negara Brunei Darussalam yang mengendalikan pertemuan tersebut merupakan satu kejayaan dan batu loncatan kepada pembangunan perkhidmatan kaji cuaca di negara ini.

Menurutnya, Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei pada tahun-tahun akhir ini telah menampakkan kemajuan khususnya dalam menyampaikan perkhidmatan dan maklumat kepada orang ramai terutama dalam mengembangkan program-program pembangunan.

Seminar yang disertai oleh pelbagai negara itu menandakan komitmen Kementerian Perhubungan melalui Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei yang menuju masa depan tem-

patan dan Organisasi Kaji cuaca Dunia bagi Program Perkhidmatan Kaji cuaca Awam.

Ternyata dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 pelbagai projek telah dirancang oleh pihak kerajaan seperti menubuhkan stesen jaringan automatik iaitu bagi memantau aktiviti-aktiviti seperti cuaca dan petir.

Jaringan tersebut menurutnya lagi, akan lebih banyak bergantung kepada infrastruktur pemerhatian yang menyeluruh yang dijangka dapat menyumbang kepada sokongan yang lebih baik kepada semua perkhidmatan yang disediakan oleh Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei.

Program Perkhidmatan Kaji cuaca Awam Pertubuhan Kaji cuaca Dunia ini antara lain bertujuan untuk membantu mengukuhkan keupayaan negara-negara ahli dalam memenuhi keperluan masyarakat melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan cuaca.

336 pesakit dilaporkan hidup penyakit berkaitan haemodialysis

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Disember. - Penyakit diabetes telah menjadi wabak yang merebak ke seluruh dunia, malah setiap tahun penghidap diabetes bertambah iaitu lebih kurang 177 juta orang dijangkiti di seluruh dunia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan angka itu dijangka bertambah kepada 300 juta pada tahun 2025.

Salah satu komplikasi utama penyakit diabetes ialah mengakibatkan penyakit buah pinggang iaitu penyakit kronik yang secara perlahan-lahan berkembang dalam satu pertiga orang dan bertambah besar yang mana menjadikan fikiran tidak sihat, menyebabkan kadar kematian yang meningkat dan bertambahnya kos perubatan.

Oleh
Siti Aishah HS

Pada tahun 2002, seramai 336 pesakit dilaporkan di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan haemodialysis dan 36.3 peratus adalah mereka yang menghidap diabetes dan angka tersebut semakin meningkat.

Diabetes adalah keadaan di mana gula dalam darah terlalu tinggi dari paras normal dan di antara mereka yang berisiko tinggi mendapat diabetes ialah perokok, tekanan darah tinggi, keturunan, kegemukan, pemakanan yang tidak sihat dan mendapat jangkitan kuman.

Justeru itu, bagi meningkatkan kesedaran pe-

nyakit tersebut kepada orang ramai akan pentingnya mencegah dan mengawal penyakit berkenaan daripada berleluasa, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Diabetes mengadakan pameran dan pemeriksaan darah percuma berlangsung di ruang legar Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di sini.

Pameran yang dibuka selama seminggu itu dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Rumah Sakit RIPAS, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar.

Pameran seminggu itu antara lain mempamerkan simptom-simptom serangan penyakit diabetes, cara pencegahan, komplikasi mereka yang menghidapi penyakit berkenaan.

Pameran tersebut uga disertai oleh beberapa pihak swasta yang menjual barangan makanan seimbang sempena menyambut Hari Diabetes Sedunia.

Sambutan Hari Diabetes Sedunia yang diadakan pada tahun ini bertepatan dengan 'Diabetes Boleh Merosakkan Buah Pinggang Awad - Bertindaklah Sekarang'.

Untuk pencegahan awal bagi serangan penyakit buah pinggang ialah mengekalkan pengawalan tahap paras gula dalam darah, mengawal tekanan darah melalui pemeriksaan, menghadkan pengambilan protein, mencegah dari merokok dan meminum alkohol dan selalu membuat senaman fizikal serta mengurangkan berat badan yang berlebihan.

PEMODA berhari raya di Pusat Ehsan

Oleh
Siti Aishah HS

BENGKURONG, 6 Disember. - Ketibaan Syawal dinanti-nantikan dan disambut dengan gembira bagi seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam ini dan tidak lupa juga mereka yang kurang upaya

diraikan dengan penuh kegembiraan dalam sama-sama menyambutnya.

Justeru itu dalam keprihatinan terhadap mereka yang kurang upaya, Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) mengadakan

lawatan amal ke Pusat Ehsan Bengkong.

Di samping lawatan amal, PEMODA juga mengadakan sambutan Ramah Mesra Berhari Raya bersama insan-insan istimewa di pusat tersebut yang antara lain adalah salah satu aktiviti persatuan itu dalam program Pesta Motosikal Berkuasa Tinggi Brunei yang diadakan selama empat hari bermula pada 4 hingga 7 Disember 2003.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Mohd. Yassin bagi pihak Pusat Ehsan menyatakan program lawatan sedemikian adalah salah satu usaha yang baik dan boleh menambahkan tabung pusat berkenaan, di samping mempromosikan pusat dan menjalinkan kerjasama di antara pihak pusat dengan pihak luar.

Lawatan itu juga diselenggarakan dengan penyerahan cek bernilai \$1,000.00 dari PEMODA kepada pusat berkenaan.



KETUA Pegawai Eksekutif Rumah Sakit RIPAS, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar ketika menyaksikan pameran sempena Hari Diabetes Sedunia bertempat di ruang legar rumah sakit tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, orang ramai yang menyaksikan pameran ketika membuat pemeriksaan diabetes. - Gambar oleh Masri Osman.



S E T E M K E N A N G - K E N A N G A N



TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN 2003
TO COMMEMORATE THE ASEAN - JAPAN EXCHANGE YEAR 2003



TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN 2003
TO COMMEMORATE THE ASEAN - JAPAN EXCHANGE YEAR 2003



TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN 2003
TO COMMEMORATE THE ASEAN - JAPAN EXCHANGE YEAR 2003

TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN

نڬارا بروني دارالسلام
BRUNEI DARUSSALAM



apan 2003

TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN 2003
TO COMMEMORATE THE ASEAN - JAPAN EXCHANGE YEAR 2003



TEKNIKAL / TECHNICAL DETAILS
Nama Keluaran / Name of Issue
COMMEMORATIVE STAMP
TO COMMEMORATE
ASEAN-JAPAN EXCHANGE YEAR 2003

Tankh Pengeluaran / Date of Issue
31ST DECEMBER 2003

Harga / Denomination
20 CENTS X 3 STAMPS (SE-TENANT)

Perekabentuk / Designer
SITI ZALEHA HAJI KAPRAWI

Percetakan / Printer
SECURITY PRINTERS (M)
SDN BHD, MALAYSIA

Ukuran Setem / Size of Stamps
35MM X 35MM

Proses Percetakan / Printing Process
OFFSET LITHOGRAPHY

Perlubangan / Perforation
14 PER 2 CM

Kertas / Paper
PHOSPHOR COATED
STAMP PAPER 102 GSM

نڬارا بروني دارالسلام
BRUNEI DARUSSALAM



TAHUN PERTUKARAN ASEAN - JAPAN 2003
TO COMMEMORATE THE ASEAN - JAPAN EXCHANGE YEAR 2003



سڤول مورت راسمي هاري قرتام
Official First Day Cover



جائين قخدمتن قوس

POSTAL SERVICES DEPARTMENT, MINISTRY OF COMMUNICATIONS,
BRUNEI DARUSSALAM

SAMPUL SURAT RASMI HARI PERTAMA TANPA SETEM BOLEH DIDAPATI DI SEMUA PEJABAT-PEJABAT POS
THE OFFICIAL FIRST DAY COVERS WITHOUT STAMP MAY BE OBTAINABLE FROM ALL POST OFFICES

UNTUK KETERANGAN LANJUT ATAU MEMBUAT TEMPAHAN AWAL SILA HUBUNGI UNIT FILATELIK, PEJABAT BESAR POS BANDAR SERI BEGAWAN
FOR FURTHER INFORMATION OR TO MAKE ADVANCE ORDER PLEASE CONTACT PHILATELIC UNIT AT GENERAL POST OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN

TEL: 2222955 ATAU FAX: 2243955

SUDAH lebih satu minggu orang-orang kampung menuduhnya dengan berbagai-bagai tuduhan. Puncanya timbulnya tuduhan-tuduhan itu daripada sikap Haji Talip sendiri. Sikapnya sejak akhir-akhir ini jauh berbeza dengan sebelum itu. Dulu dia memang terkenal sebagai seorang penghulu yang prihatin kepada anak-anak buah di dalam mukim jajaannya. Mesyuarat sering diadakannya bersama dengan ketua-ketua kampung di dalam mukimnya, Mukim Seludang. Mukim yang terkenal dengan hasil kerja tangan tradisional. Para pelancong sering datang ke Mukim Seludang semata-mata hendak melihat keindahan kampung yang kaya dengan pemandangan alam semula jadi dan membeli hasil kraf tangan yang melambangkan identiti kebruneian.

"Bang, batalkan saja niat awak yang aneh itu."

"Kenapa pula hendak dibatalkan?"

"Orang-orang kampung menuduh awak sudah tidak siuman."

"Apa puncanya timbul tuduhan liar dan sumbang itu?"

"Puncanya abang hendak berniaga dengan orang Jepun itulah."

"Takkan nak berniaga pun tak boleh. Takkanlah perniagaan itu menjadikan aku ini tak siuman. Kalau begitu, ramailah orang yang tidak siuman."

"Peniaga lain memang siuman. Tapi awak itu nak berniaga lain dari yang lain. Tak pernah dibuat orang. Dengan orang Jepun pula."

Haji Talip termenung panjang sendirian. Dia berperang dan bersoal jawab dengan dirinya sendiri. Dia tidak nampak di mana salah dan silapnya tentang rancangan yang sudah difikirkannya masak-masak itu.

Pertemuannya dengan Mr. Tokogawa sebulan yang lalu bermain di ruang matanya. Mr. Tokogawa merupakan ayah angkat anaknya yang pernah menyertai kapal belia beberapa tahun lalu. Mr. Tokogawa merupakan seorang usahawan yang berjaya di negaranya. Dia punya syarikat besar.

Ketika Mr. Tokogawa berkunjung ke rumahnya, Haji Talip telah membawanya melihat-lihat persekitaran kampung di dalam mukim jajaannya. Haji Talip amat bangga melihatkan panorama alam semula jadi di sekitar kampung malahan Mr. Tokogawa sendiri amat kagum melihat kehijauan pepohon, kederasan air sungai mengalir dan kocakan air yang diganggu oleh ikan-ikan yang berenang riang dan damai di dalam air.

Mr. Tokogawa juga amat kagum dengan persembahan muzik tradisional yang diper-tontonkan oleh anak buah kampung. Lagu-lagu Brunei Asli seperti Samalindang, Adai-adai, Lanang Baladu Lanang, Joget Baju Putih dan banyak lagi memang memukau Mr. Tokogawa bersama rombongannya.

"Kraf tangan orang Brunei memang cantik. Asli," kembang hidung Haji Talip mendengar pujian Mr. Tokogawa. Apa lagi rakan-rakan dalam rombongannya mengucap ucapan ketua rombongan mereka. Mereka menundukkan kepala tanda memberi hormat. Tanda bersetuju dengan ucapan ketua rombongan mereka.

"Alam di sini cukup asli. Udaranya segar. Mata saya yang sepet pun terasa sudah hilang sepetnya," ucapan itu disambut dengan tawa daripada ahli rombongan dan beberapa jawatankuasa kampung dan mukim yang hadir bersama dalam sesi lawatan di sekitar kampung.

Sekali lagi hidung Haji Talip kembang dibuatnya. Dia cukup kagum dengan kebolehan Mr. Tokogawa berbahasa Melayu.

"Bahasa Melayu tidak susah. Kami sudah mempelajarinya sejak lima tahun dulu. Kami sering membuat urusan niaga dengan peniaga-peniaga Melayu di Malaysia. Kali ini kami mahu membuat urusan niaga dengan orang-orang di sini."

Haji Talip merasa bangga mendengar ucapan itu. Dalam hatinya sudah menjangkakan ada peluang untuk anak-anak kampungnya yang masih belum punya pekerjaan akan dapat peluang berurusan niaga dengan ahli rombongan Mr. Tokogawa.

"Di sini memang banyak peluang berniaga tuan. Kraf tangan orang-orang kami memang boleh dipasarkan di negara Mr. Tokogawa."

"Oh tidak. Bukan hasil kraf tangan yang menarik perhatian saya dan kawan-kawan."

"Apakah yang tuan dan kawan-kawan hendak jadikan hubungan niaga?"

"Kami mahu menjadikan sampah sarap dan bahan buangan lain untuk dijadikan bahan perniagaan antara pihak tuan dan syarikat kami."

Mulut Haji Talip terlonjong. Mujurlah tidak ada lalat yang mencuri masuk ke dalam ruang mulutnya yang sudah tidak dihiasi gigi itu. Air mukanya terasa malu. Hilang rasa bangganya sebelum ini. Hilang terbang disapu dan disirami oleh rasa malu yang bukan kepalang. Dia merasakan ucapan Tokogawa menghina dan menyindir dirinya dan anak-anak buah yang tidak tahu mengurus sampah. Sampah yang dibuang sesuka hati.


Memang sampah merupakan isu semasa yang sukar dilerai. Berbagai-bagai kempen diadakan agar orang ramai tahu menjaga kebersihan, agar pandai membuang sampah di tempat yang betul namun kempen hanya berjaya buat beberapa ketika, selepas itu orang masih membuang sampah mengikut sesuka hati.

Paling mereka seronok membuang sampah di tempat pembuangan sampah yang sudah ditutup. Meskipun papan tanda 'DILARANG MEMBUANG SAMPAH' dipamerkan di kawasan itu namun mereka yang tidak bertanggungjawab itu seakan tidak tahu membaca perkataan yang pendek itu. Mereka masih meneruskan sikap tidak tahu menjaga kebersihan seakan kebersihan itu tidak penting!

"Sampah boleh diproses. Ia boleh dijadikan bahan-bahan baru yang amat berguna kepada manusia," Haji Talip hanya mendiamkan diri. Rasa malunya masih membungkus perasaan dan dirinya. Air mukanya masih menggambarkan dirinya yang merasa malu yang amat sangat. Dia merasakan ucapan dan kata-kata Mr. Tokogawa hanya sebagai satu sindiran. Sindiran yang amat tajam. Bukan saja kepada dirinya, kampungnya, malahan nama negara.

Perlahan-lahan ada rasa kesal di dalam dirinya kerana menjemput dan mempelawa Mr. Tokogawa dan rombongan berkunjung ke kampung dan mukim jajaannya. Sama sekali dia tidak menduga kedatangan mereka akan membuka aib yang bukan kepalang.

"Tuan Haji jangan bimbang, selepas ini saya akan menghantar beberapa orang peniaga dalam syarikat kami untuk menguruskan bisnis ini. Saya percaya ia punya potensi yang cukup baik."



HAJI TALIP DAN MR. TOKOGAWA

OLEH A. MOHAMMAD HJ TIMBANG

GERPEN

Kata-kata dan ucapan yang penuh semangat dan cita-cita luhur daripada Mr. Tokogawa sudah tidak menarik perhatiannya. Haji Talip masih diresapi rasa malu. Seakan mukanya dilumuri dengan najis. Najis yang berpunca daripada sampah sarap yang dibuang tidak menentu itu.

Selepas rombongan Mr. Tokogawa pulang, Haji Talip termenung jauh. Dia mencari jalan bagaimana mengatasi pembuangan sampah di dalam kawasan mukim jajaannya. Puas dicarinya, tiada muncul jalan penyelesaian. Tiada idea yang dapat menyumbang dan memberi ruang bagaimana mengatasi masalah sampah itu. Sehingga satu hari dia menerima panggilan daripada Mr. Tokogawa.

"Tuan Haji. Ada empat orang peniaga dalam syarikat kami sedang dalam perjalanan untuk berjumpa Tuan Haji. Mereka terdiri daripada pengurus syarikat, pengurus bahan buangan, pengurus penghasilan bahan dan seorang setiausaha."

Perbualan mereka berlangsung hampir dua puluh minit. Dalam perbualan itu Haji Talip baru menyedari cita-cita Mr. Tokogawa yang sebenarnya. Sampah yang dianggap tidak berguna itu sebenarnya satu bahan yang boleh diproses semula dan menjadi bahan perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan besar.

Dua hari kemudian Haji Talip berbin-bang dengan para pengurus dan setiausaha syarikat gergasi kepunyaan Mr. Tokogawa, Syarikat Marisiyanto yang memang terkenal di negara Jepun dengan produk dan barangan keperluan rumah.

PERBUALAN mereka berlangsung hampir dua puluh minit. Dalam perbualan itu Haji Talip baru menyedari cita-cita Mr. Tokogawa yang sebenarnya. Sampah yang dianggap tidak berguna itu sebenarnya satu bahan yang boleh diproses semula dan menjadi bahan perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan besar.

PUISI

SEJARAH BUMI HANGUS

Tiga hari di sini
(di Negara Matahari)
sudah cukup untuk
mengingat kita
kepada sejarah lama
sejarah bumi hangus
sejarah bumi terbakar
yang tidak tergambar.

Siapa dan apakah yang hangus?
semuanya, ya semuanya!
daripada nyawa sampai
kepada mata benda
dimamah musnah
dan malah
kemusnah ini
mengancam tamadun dan turunan.

Mengapakah hangus?
biasalah: hukuman dari Tuhan
bila tangan-tangan berdarah yang
bernama kezaliman
telah puas memeras dan menyiksa
maka tanggulah balasan
akan ada saja tangan atau
tangan-tangan lain
yang lebih keras dan beracun
memulas tengkuk-tengkuk sang zalim.

Apakah yang menghanguskan itu?
bangunlah sejarah, menjawab:
"Atom keparat!"
yang kononnya
untuk keamanan
untuk perdamaian
kemudian dan perdamaian apa?
hei, algojo!
tiada terdapat keamanan dalam api
tiada terdapat perdamaian dalam api
jadi jelas
siapa yang mendakwa begitu
tanda fikiran fikiran hantu
kerana telah melawan
nature dan kenyataan.

Ini semua adalah
pengajaran, wahai umat!
kita semua dituntut
supaya tidak melumuri tangan
dengan darah
malah, pelihara darah!
kerana darah adalah kehormatan
kerana darah adalah kehidupan
kerana darah adalah milik Allah
tiada siapa yang dibolehkan
memampukannya... kecuali
atas sebab-sebab kerana Allah jua
di mana selain itu...
haram hukumnya.

Ingat umat!
kita telah diajar supaya:
merendah diri...
namun bukan bermakna
semua yang merendah itu rendah
begitu juga kita diperintah
supaya jangan meninggi, kerana
bukan semua yang meninggi itu tinggi.

Lihat dan cunkanlah!
bukankah hidup ini kisah yang cepat
amat?
di manakah kemegahan
di manakah dahak dada:
aku ini penguasa dunia!
aku ini polis dunia!
siapa yang nobatkan kamu begitu?
ah, apakah ini bukan
suatu kegilaan?

Ya, dimanakah ajaran
hidup merdeka?
di manakah kebebasan
yang dipuja?
di mana dan di mana:
piagam Bangsa-Bangsa?
piagam Geneva?
hei, pembelot!
kiranya kamu tiada mampu mengikut
maka lebih baik membisu
daripada berfusta.

Cuba jawab:
apakah dibolehkan
untuk bergembira lalu
dibiarkan saja orang lain nestapa?
apakah dibolehkan
untuk kaya raya, lalu
dibiarkan saja orang lain kedana?
apakah dibolehkan
untuk kuat dan berkuasa, lalu
dibiarkan saja orang lain lemah selama-
lama?
jangan begitu tuan!
bukankah kita ini semua
datang dari
alam yang sama
ke alam yang sama
mengapa harus

memiliki cara berbeza?
cara tuan, sebenarnya
adalah 'cara rimba'
bukan cara orang bertamadun, dan
jauh sekali:
cara orang beragama.

Jika betul
kita jujur pada diri sendiri, maka
benamkan segera, biar menyepi
'budaya double-standard':
jika orang lain -
kita tidak mahu mereka itu membunuh
maka kita pun jangan membunuh
jika orang lain -
kita tidak mahu mereka itu memiliki
senjata pemusnah
maka kita pun jangan memiliki
senjata pemusnah
jika orang lain -
kita tidak mahu mereka itu menipu
maka kita pun jangan menipu
jika orang lain -
kita tidak mahu mereka itu berbohong
maka kita pun jangan berbohong
milah senandung keadilan
bukan cakap-cakap bombastik yang
kosong.

Oh, Tuhan!
jerit dan derita manusia
sudah pun didengar dan dilihat, dan
teriakan kanak-kanak di udara
ratapan ibu-ibu dan orang tua-tua
semuanya itu... adalah garisan yang
menandai
kegagalan sejarah mereka.

Adi Rumi
Tokyo, 12 Disember 2003

SEKUMPULAN PEMBURU

Seorang pemungut sampah
bak hilang deria
bau busuk jelingan hina
peduli apa pada semuanya
asal keroncong perut anak kecil
bertemu titik noktah.

Seorang petani tua
keringat terus mencurah
gundah didodai derap hujan
gelisah dipanah bahang mentari
menanti pemuah sabar
buah masak ranum di dahan usaha.

Seorang ibu seorang ayah
menumpah kasih dan air mata
tangan menuntun ditidur
diiringi doa seribu harapan
anak-anak kelak jangan menjadi sampah.

Seorang guru biasa di setiap ceruk
menebar ilmu di dada
melukis mencorak sahlah anak bangsa
walau kemarau pengharapan membakar
sabar
maruah dicalar suara sumbang.

Seorang ahli korporat di bilik dingin
bersandar resah mencari formula
melonjakkan garisan angka
memuncak hingga ke titik mewah.

Sesungguhnya seorang demi seorang
manusia
berbeza pada kedudukan dan nama
namun hakikatnya masih sepasukan
pemburu
sekecil keliru akan makna kehidupan.

Amelly Ann Kising

SEBUAH CERMIN

Wajah-wajah berkecai retak seribu
hodoh tapi hati di dalam murni
jangan nilai kerana gilanya
watak hanya pergerakan
ada kalanya yang berkilau di cermin
bukan permata.

Wajah-wajah berkecai ketawa
murni hati tapi kasut di dalam
katikan orang begini berdrاما
menyemburkan ketidakjujuran
bolehkah digelar kotoran di cermin.

Wajah-wajah berkecai menjadi lukisan
abstrak
ada yang tidak memahami pecahan cermin
yang melekat di hati.

Cermin hanyalah pantulan bayangan
abstrak
ketawa, sedih, berani, tegas, kecewa
dan hatiran
itulah bayangan kita sebenar.

Rifa HB

Dari muka 12

"Syarikat kami berjaya menghasilkan bahan-bahan daripada plastik. Ia berguna untuk keperluan dapur, pejabat, alat tulis malahan perhiasan landskap. Semua bahan terhasil daripada sampah sarap yang sudah diproses."

Perbincangan diatur dan diteruskan. Ahli perundingan kampung yang mulanya tidak punya keyakinan dengan hasrat menggunakan Haji Talip mula dapat membayangkan urusan niaga yang bakal dijalin. Atas kebijaksanaan Haji Talip, urusan niaga antara ahli perundingan dan syarikat kerjasama kampung terjalin. Satu perjanjian dimeterai.

Namun setelah semuanya diatur, dijalin, berita tentang ketidaksihan Haji Talip tersebar luas, baik di majlis-majlis kahwin, majlis perundingan, di kedai kopi malah di masjid pun orang sempat melahirkan kesangsian dan tuduhan liar terhadap usaha Haji Talip dan beberapa orang pemimpin syarikat kerjasama dan perundingan kampung dan mukim. Mereka tidak percaya sampah boleh menjadi bahan yang diperniagakan!

Haji Talip sering menyendiri. Dia mencari jalan bagaimana meyakinkan anak buahnya. Dia mahu mereka menyertai urusan niaga itu. Dia sering tidur lewat. Sering termenung panjang. Dia juga sering bercakap sendirian.

Isterinya, Hajah Sauiyah mula gundah melihat perubahan suaminya. Hajah Sauiyah tidak mahu sindiran, andai-an dan tuduhan orang kampung yang suaminya tidak siaman menjadi kenyataan.

"Mungkin ada orang dengki," monolognya berhubung.

"Atau mungkin orang takut bisnes mereka akan teringgal," monolognya terus memberi pendapat. Haji Talip asyik dan seronok mendiamkan dirinya.

"Mungkin juga ada orang tak mahu Tuan Haji dan anak buah kampung berjaya dalam bidang perniagaan. Konon bangsa Tuan Haji tak boleh berjaya dalam bidang bisnes."

"Bangsa Tuan Haji memang selalu berprasangka. Tak boleh melihat orang lain senang, apa lagi berjaya dalam sesuatu bidang. Bangsa Tuan Haji sudah dilebal dengan gelaran PHD."

Haji Talip faham, PHD itu bukan kelulusan akademik, tetapi singkatan daripada tiga rangkai kata yang cukup sinis. Penyakit Hasad Dengki!

Tuan Haji jangan hipokrit. Jangan berpura-pura dan cuba menyembunyikan kenyataan."

"Tetapi tidak semua bangsaku seperti tuduhan tuan yang amat menghina bangsa yang memang kaya dengan budaya dan adat resam itu."

"Itu dulu. Memang dulu bangsa Tuan Haji merupakan bangsa yang terkenal dengan sikap lemah lembutnya. Kaya dan menjunjung budaya tetapi semua itu sudah terhakis, tercalar dengan peredaran masa."

Haji Talip mula perasan dengan sikap segelintir anak buahnya yang memandang dirinya dengan pandangan sinis. Namun dia berpura-pura tidak perasan dengan sikap mereka. Dia tetap menyapa dan mengucapkan salam kepada sesiapa saja yang ditemuinya. Itu memang sikapnya. Sikap ramah dan mudah mesra dengan sesiapa saja.

Petang itu dia sengaja lepak di kedai makan kepunyaan seorang janda di kampungnya. Janda beranak tiga yang masih muda. Baru saja berusia dua puluh lima tahun. Wajahnya pun memang mengancam. Memang menimbulkan rasa cemburu di kalangan isteri-isteri yang punya suami yang sering ke kedai makan janda berhias beranak tiga itu.

Kedai makan janda berhias itu bukan saja menjadi

kunjungan penduduk kampung malahan pengunjung daripada luar kawasan kampung pun melepak di sana. Pelayan yang digaji di kedai makan itu adalah tenaga tempatan. Anak-anak gadis kampung yang sudah tidak berpeluang melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi. Mereka bukan malas belajar, bukan juga tak lulus periksa. Mereka ada yang lulus dengan 2A dalam peperiksaan A level tetapi tidak punya peluang melanjutkan pelajaran ke universiti. Hendak belajar keluar negeri, orang tua pula tidak mampu.

Atas idea dan anjuran daripada Haji Talip, mereka diambil bekerja di kedai Zaleha, janda beranak tiga yang cun melecun itu. Memanglah pada mulanya ideanya yang baik itu ditentang oleh segelintir ibu bapa yang tidak mahu anak-anak mereka dianggap tidak boleh menjawab pekerjaan di pejabat kerajaan atau syarikat swasta yang berhawa dingin. Namun sikap cekal segelintir daripada mereka, telah membuahkan hasil.

Kedai usaha Zaleha bertambah maju. Anak-anak kampung ramai yang tidak menjadi penganggur. Tenaga daripada luar yang selalu diambil dapat dikurangkan.

Menunggu Haji Talip terganggu bila telefon mudah-alihnya berdering. Haji Talip pantas mengambil telefon yang disimpangnya di atas meja. Pengerusi majlis perundingan kampung yang menghubunginya.

"Tuan Haji, kita perlu mengadakan mesyuarat. Mesyuarat serta-merta."

"Tapi mengapa?"

"Pasal urusan niaga dengan Syarikat Marisiyanto. Ada masalah sedikit."

"Baiklah. Hubungi semua pengerusi bahagian, kita bermesyuarat selepas sembahyang Asar. Mesyuarat diadakan di rumah saya."

Petang itu mesyuarat berjalan. Punca masalah hendak diuraikan. Dihuraikan dengan segera.

"Kita sebenarnya kekurangan bahan. Bulan depan Syarikat Marisiyanto mahukan bahan tambahan melebihi satu tan metrik. Ini bererti mereka memerlukan bahan sekurang-kurangnya dua puluh ke tiga puluh tan metrik untuk sekali penghantaran."

"Kita keluarkan iklan. Kita beli sampah daripada orang ramai. Mula-mula daripada orang kampung. Jika tidak mencukupi, kita bukakan pasaran daripada orang ramai."

Iklan dikeluarkan. Dipamerkan di tempat-tempat strategik. Di masjid, di kedai Zaleha, di kedai syarikat, di dewan kemasyarakatan mukim malah ke setiap ketua rumah di dalam Mukim Seludang.

Semua orang mengambil kesempatan untuk berniaga sampah. Sampah dikumpul sebanyak mungkin. Siapa sangka sampah yang dulunya terbiar dan dianggap bahan buangan yang tidak berguna itu kini menjadi sebaliknya.

Semua orang berlumba-lumba mengumpulkan sampah. Sekarang di Mukim Seludang tong-tong sampah tidak lagi diletak di halaman, jika tidak, pasti akan hilang dicuri orang!

Haji Talip senyum melihat perubahan kampung dan mukim serta anak buahnya. Kali ini dia tidak dicap sebagai penghulu tidak siaman. Anak buah kampung dan mukimnya besar kecil terlibat dalam berniaga sampah. Sampah sudah menjadi rebutan, sudah tidak dibuang sewenang-wenangnya.

Kanak-kanak pun sudah dapat menilai, sampah itu boleh bertukar menjadi wang! Paling menggembirakan Haji Talip, mereka yang menuduhnya tidak siaman dulu pun sudah berebut-rebut menjual sampah kepada kedai syarikat yang mengendalikan urusan niaga dengan syarikat gergasi dari Jepun itu.

• • • • •
ATAS idea dan anjuran daripada Haji Talip, mereka diambil bekerja di kedai Zaleha, janda beranak tiga yang cun melecun itu. Memanglah pada mulanya ideanya yang baik itu ditentang oleh segelintir ibu bapa yang tidak mahu anak-anak mereka dianggap tidak boleh menjawab pekerjaan di pejabat kerajaan atau syarikat swasta yang berhawa dingin. Namun sikap cekal segelintir daripada mereka, telah membuahkan hasil.
• • • • •





ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 31 DIS	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM		Bujang Si Gandam'			
		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.05	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.20	PERISTIWA DUNIA 2003		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.20	SKOP SR. 2	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		6.00	WILD AMERICA	7.33	AZAN ISYAK	10.30	PERTANDINGAN	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.19	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		MENCIPTA LAGU
				6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - 'Diangdangan	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT		

K H A M I S 1 JAN 2004	PAGI		Sambungan		BINTANG RADIO 2003	6.45	FIQHUL MIRATS	9.00	AN-NUUR - Siaran Langsung	
		10.00	SUSUNAN RANCANGAN	3.10	TAYANGAN GAMBAR	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.10	TAYANGAN GAMBAR - 'Barney's Great Adventure'	3.47		AZAN ASAR	10.30	DRAMA - 'Jangan Lukai Hatinya'	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.25	AZAN ZUHUR	5.30	THE STORY OF	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG			COMPUTER GRAPHICS	7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Hostile Waters'
9.00	BERITA	5.45		BERITA	7.34	AZAN ISYAK				
	9.15	RAMPAI PAGI -	1.10	PERTANDINGAN	6.19	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 2 JAN	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	5.15	CROCODILES FILES	7.34	AZAN ISYAK			
		10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	AQUA	2.00	TETAMU SUKAN	5.55	DOKURIMA - Ulangan	9.00	FIKIR-FIKIR SR. 2	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.30	JEJARI HIJAU - Ulangan	6.20	AZAN MAGHRIB	9.30	TWO WORLD - 'World Of Manatee'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	UNDERSEA EXPLORER - 'The Kelp Forest'	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Taal'	6.45	BICARA IMAN	10.00	NEWS AT 10	
	9.00	BERITA	12.15	BRUM	3.47	AZAN ASAR	MALAM	10.40	KHUTBAH JUMAAT		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung	3.50	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan		7.00	LIPUTAN SEMASA	11.55	TELEDRAMA - 'Sayang Masih Ada'
						7.20	DEKOR	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT		

S A B T U 3 JAN	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	Pemeduliaan Orang Ramai'	3.48	AZAN ASAR	6.45	PEDOMAN AQIDAH			
		10.10	ANIMATION HOUR : CLAMITY JANE/RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	12.26	AZAN ZUHUR	4.10	EXPEDITION ADVENTURE - 'Atlantis Of The Andes'	MALAM	7.00	DUNIA ASIA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN					5.20	TATTOED TEENAGE	7.25	WILD FILM SERIES	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	THE BIG PLANET	PETANG			8.00	AZAN ISYAK		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA		1.00	PANGGUNG PETANG	8.50	BERITA NASIONAL		
	9.00	BERITA	11.40	DRAMA : MUSIM CINTA	2.30	SABTU - 'Play For Me'	5.45	ALIEN FIGHTERS FROM BEVERLY HILL	10.00	HIBURAN Hujung MINGGU	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.10	KEMBALI BERBUNGA - Ulangan	3.00	RISTAAN - Ulangan	5.55	FOOTBALL STORIES	10.30	NEWS AT 10	
					3.30	OUTER BOUNDS	6.20	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Extreme Force'	
						5.25	WILD RESCUE SR. 2	12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT		

A H A D 4 JAN	PAGI	10.10	SESAME STREET	PREVIEW		Wanita Berjaya'	MALAM	7.00	BRUNEI SIOK SR. 4	
		11.15	PADA SUATU HARI	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 - HIGHLIGHT	5.10	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	7.35	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	BERITA	2.40	JUARA - Siaran Langsung	5.35	WILDLIFE IN RUSSIA - 'Born On The Ice'	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Quest For The Delta Force'	3.15	LIVE WORLD GREATEST STUNT III	5.45	BERITA	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Tuan Badul'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.26	AZAN ZUHUR	3.48	AZAN ASAR	6.15	WILD HORIZONS - 'Bleeding Heart Baboons'	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	PETANG		4.15	OLEH OLEH TEMASEK - Siri Baru	6.21	AZAN MAGHRIB	11.30	GUINNESS RECORDS
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 -	4.40	KAUNSELING MASYARAKAT - 'Motivasi	6.45	AT TIBBUL ISLAM	11.30
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN								DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 5 JAN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	RANCANGAN	6.21	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA : SI PUGUT @ BRUNET BN	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		EDY AND CICI/YOLANDA, DAUGHTER OF THE BLACK CORSAIR	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.30	ORL FORUM - Ulangan
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG			LAUGH YOURSELF SILLY	MALAM	7.00	NEWS AT 10	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.15		7.20	SUKAN GLOBAL	
	9.00	BERITA		4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	7.36	EXTREME MACHINE V - 'Extreme Rides'	
			4.10	SUSUNAN	6.00	VETS IN THE SUN	8.00	BERITA NASIONAL	11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 6 JAN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL-ISLAM	8.00	BERITA NASIONAL	
		10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR : 'BOB MORANE'	MALAM	8.50	TINJAUAN/ KAMPUNG KITA		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN					9.30	KHAZANAH		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	CROCODILES HUNTER	7.00	DRAMA - 'Suluh'	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		5.45	BERITA	7.25	DOKUMENTARI - KERINGAT	10.30	E.R. - 'Where The Heart Is?'	
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	BEDUDUN SR. 1	7.36	AZAN MAGHRIB	11.15	KEEN EDDIE
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.22	AZAN MAGHRIB		AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani diperkenalkan kepada ahli-ahli PEMODA (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka menerima sumbangan yang disampaikan oleh Yang Dipertua PEMODA, Awang Haji Abu Bakar. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Festival Brunei Big Bike 2003 di perkarangan YSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pembukaan Rasmi 'BRUNEI BIG BIKE FESTIVAL 2003' yang bermula pada 4 hingga 7 Disember yang dikendalikan oleh Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) dibawah kelolaan Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah berlangsung di perkarangan bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB).

Seramai 170 buah motosikal berkuasa tinggi telah dipamerkan untuk tontonan orang ramai yang berkecuali oleh lebih 300 orang peserta tempatan daripada PEMODA termasuk peserta daripada Borneo seperti Sarawak, Sabah, Labuan, Thailand, Republik Filipina dan Semenanjung Malaysia.

Ketibaan Pengarah

Oleh
Bolhassan HAB

Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani selaku tetamu kehormat telah diiringi masuk dengan menunggang motorsikal berkuasa tinggi beroda tiga.

Dalam ucapan perasmian, Dato Paduka Haji Abdul Ghani menyatakan sebagai mercu tanda dan petanda baik bagi pihak YSHHB sebagai satu tempat tarikan untuk pelancongan dan sebagai ikon baru dalam pelancongan Brunei supaya tidak tertumpu kepada keindahan Kampong Ayer sahaja.

Di samping menghidupkan bangunan YSHHB yang kelihatan tidak bermaya dan sunyi menurut orang ramai, haruslah mengambil aspek-

aspek dari segi budaya, agama dan tatasusila berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) supaya identiti kebruneian yang unik tidak hilang begitu sahaja dalam mengejar kemajuan arus kemodenan.

Dalam menghidupkan dan merealisasikan hasrat kerajaan hendaklah semua pihak termasuk kerajaan dan bukan kerajaan supaya berpadu tenaga dalam membentuk rakan strategik bersama-sama YSHHB bagi kebaikan negara.

Dato Paduka Haji Abdul Ghani juga melahirkan rasa bangga terhadap PEMODA kerana mempunyai identiti tersendiri dalam membentuk budaya murni serta tatacara akhlak mulia, selain membentuk ke arah masyarakat penyayang umpamanya anak-anak yatim, selain sebagai pelopor golongan

contoh serta teladan kepada orang Brunei ke arah aktiviti yang positif.

Yang Dipertua PEMODA, Awang Haji Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya berkata, sebagai satu cabaran bagi persatuan berkenaan dalam sama-sama mengukayahkan hasrat kerajaan untuk memajukan industri

pelancongan dan seterusnya mempromosikan keindahan dan keupayaan Negara Brunei Darussalam bukan setakat ASEAN malah secara global.

Katanya, projek tersebut boleh memberikan pendedahan dan pembelajaran kepada ahli-ahlinya bagi memupuk semangat bersepadu

di samping menabur bakti dan bertanggungjawab dalam melaksanakan apa jua kegiatan dengan berkualiti, selain dapat berinteraksi dengan pihak kerajaan serta sektor swasta untuk meningkatkan rangkaian hubungan yang lebih luas di masa akan datang.

Majlis berkenaan disela-

jurkan dengan penyampaian dana dalam bentuk cek replika oleh Yang Dipertua PEMODA, Awang Haji Abu Bakar kepada Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani yang bernilai \$1,000.00 dan disusuli dengan Majlis Ramah Mesra bersama para peserta.



FESTIVAL 'Brunei Big Bike 2003' yang berlangsung di perkarangan bangunan YSHHB. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

1. Semasa Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahun ini, baginda telah mengurniakan Bintang Kebesaran pada 24 Julai di Singgahsana Indera Kencana Istana Nurul Iman. Berapa orangkah yang menerima Bintang Kebesaran itu?

- a) 166 orang
- b) 133 orang
- c) 103 orang

2. Berapa orangkah di dunia ini yang dijangka oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengidap penyakit AIDS setiap hari?

- a) 3,000 orang
- b) 5,000 orang
- c) 7,000 orang

3. Apakah tajuk forum sempena Hari Jurawat dan Bidan Antarabangsa pada bulan Julai lepas?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 604

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 604,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG SOALAN ALAI PINTAR 603



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Tassim bin Haji Alim menyampaikan hamper kepada seorang penduduk Mukim Sukang. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

40 Pesuruhjaya Pengakap 12 negara terima sijil

GADONG, 17 Disember.

- Kira-kira 40 orang Pesuruhjaya Pengakap dan ahli-ahli daripada 12 buah negara dalam dan luar negeri menerima sijil setelah berjaya mengikuti Bengkel Sistem Latihan Pembangunan Asia Pasifik (APR) yang berakhir hari ini di Dewan Serbaguna, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam di sini.

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Awang Jafar bin Bangkol menyempurnakan penyampaian sijil. Bengkel tersebut bermula dari 13 hingga 17 Disember yang lalu.

Negara-negara yang menyertai ialah Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah, Malaysia, Republik Indonesia, Jepun, Korea, Republik Singapura, Taiwan, Thailand, Republik Filipina dan Arab Saudi.

Bengkel seumpamanya adalah pertama kali diselenggarakan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam bertujuan bagi membantu para peserta bengkel untuk merangka satu sistem latihan yang baik dan berkualiti serta memperbaiki lagi sistem yang sedia ada pada masa ini, di samping mem-

Oleh
Haji Ahmad HS

berikan peluang bertukar-tukar pandangan dan fikiran dan menimba pengalaman antara satu sama lain.

Sepanjang bengkel para peserta telah diberikan tunjuk ajar secara berperingkat-peringkat mengenai kepimpinan melalui teori dan praktikal

seterusnya mereka akan dapat memberikan latihan kepada ahli-ahli pengakap negara masing-masing.

Bagi menjayakan bengkel tersebut beberapa pakar daripada Biro Pengakap Sedunia di Geneva termasuk pakar Pengakap Asia Pasifik, yang beribu pejabat di Manila turut memberikan bimbingan.



PENGARAH Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Jafar bin Bangkol menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Sistem Latihan Pembangunan Asia Pasifik (APR). - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



PARA peserta Bengkel Sistem Latihan Pembangunan Asia Pasifik (APR) yang mewakili 12 buah negara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Mengeratkan silaturahim bersama saudara baru

SUKANG, ULU BELAIT.

- Untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan saudara-saudara baru di negara ini, serombongan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Daerah Belait hari ini mengadakan kunjungan ke Mukim Sukang, Ulu Belait bagi Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Tassim bin Haji Akim dan turut di-hadiri oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Hanafiah.

Majlis bermula dengan

Oleh
Haji Ahmad HS

ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Ugama, Daerah Belait, Awang Adnan bin Jaya yang antara lain berkata melalui kunjungan tersebut hubungan yang sedia ada akan bertambah kukuh antara pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk Mukim Sukang.

Beliau menambah kunjungan sedemikian merupakan amalan yang sangat digalakkan dalam Islam, kerana kunjungan itu bukan sahaja dapat merapatkan hubungan bersama saudara-saudara baru bahkan juga akan dapat berjumpa dengan saudara-

saudara yang belum meluk agama Islam.

Kerana, jelasnya, agama Islam tidak membezakan antara Islam dan tidak Islam yang penting kita mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hamper sumbangan Pusat Da'wah Islamiah dan pakaian serta makanan dalam tin yang disumbangkan oleh ahli-ahli dan penduduk sekitar Masjid Sultan Sharif Ali Sengkunong dan disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian anak kunci rumah kepada dua orang saudara-saudara baru terdiri dari Awang

Mohd. Ramli bin Abdul Rahman Umi yang berharaga \$24,990.00 tarikh pembinaannya bermula akhir bulan Oktober tahun lepas dan siap sepenuhnya pada akhir bulan Disember 2002 terletak di Kampung Sukang.

Manakala rumah Dayang Khadijah binti Abdullah mula dibina pada 22 Oktober 2001 dan siap akhir bulan Januari 2002 dengan harga \$48,916.00 terletak di Kampung Lumut.

Sempena sambutan Hari Raya, serombongan belia-belia Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkunong juga mengadakan aktiviti amal di dua buah kampung iaitu Kampung Melilas dan Kampung Sukang diketuai oleh Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahim.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membersihkan dalam dan luar surau di dua buah kampung dan membina jambatan bagi kemudahan penduduk Kampung Melilas.

Menurut seorang ahli rombongan belia masjid yang menyertai aktiviti tersebut, ini adalah pertama kali aktiviti seperti itu dijalankan di kawasan pedalaman dan di masa akan datang akan dilartakan di kawasan pedalaman yang lain.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan menyampaikan cenderamata kepada seorang saudara baru. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Jabatan Penjara

JERUDONG 15 Disember.

- Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara serta keluarga sempena menyambut Hari Raya Tahun 1424H telah diadakan pada 15 Disember 2003 bertempat

di Padang Kawad Penjara Jerudong, bermula jam 8.00 malam.

Majlis itu telah di-kendalikan oleh Institusi Penjara Wanita dan lebih kurang 600 orang pegawai-pegawai dan ka-

kitangan serta keluarga masing-masing hadir pada malam tersebut.

Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah, Pengarah Penjara dan isteri telah hadir menjadi tetamu kehormat di malam tersebut.



MAJLIS Ramah Mesra Aidilfitri yang dianjurkan oleh Jabatan Penjara.

Pembentukan imej belia diberikan keutamaan

BERAKAS, 20 Disember. - Pembentukan imej belia perlulah diberikan keutamaan selaras dengan keperluan masa depan negara kerana mereka merupakan bakal pemimpin negara di masa akan datang.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menegaskan, belia-belia masa kini yang akan meneruskan dan mengekalkan tradisi dan kebudayaan negara perlulah memiliki beberapa ciri penting dalam diri masing-masing, khususnya keperibadian yang boleh dicontohi.

Ia termasuklah cara berfikir yang positif terhadap perkembangan dunia sejagat dan proaktif dalam membuat tindakan

Oleh
Bolhassan HAB

yang berasaskan dan berpandukan kepada nilai-nilai murni warisan negara.

Perkara itu ditekankan oleh Pengarah Belia dan Sukan ketika menutup rasmi perkhemahan yang turut didukung oleh Youth Development Support Group (YDSG) serta dibantu oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Bulan Sabit Merah.

Seramai 80 peserta terdiri daripada 40 lelaki dan 40 perempuan telah mengikuti perkhemahan yang bermula pada 15 Disember lepas anjuran Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Brunei.

Pembukaan rasmi perkhemahan telah disempurnakan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga selaku Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi.

Hadir sama di majlis perasmian itu termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Dalam ucapan perasmian, Awang Haji Sumadi menjelaskan bahawa dengan adanya penglibatan belia dalam perkhemahan

berkenaan dapat mengajar mereka untuk berdikari, selain tidak terlalu bergantung kepada segala kemudahan yang ada di zaman yang serba moden ini bagi menjadikan mereka lebih kreatif berfikir dan mengatasi segala masalah yang timbul, katanya.

Dengan perkhemahan itu juga, tegasnya, mereka dapat mengisi masa lapang daripada terbuang begitu sahaja dalam mengerjakan perkara yang tidak berfaedah, di samping menghindari gejala sosial yang tidak diinginkan.

Antara objektif perkhemahan yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Berakas ialah untuk melengkapkan diri dan menguatkan daya ketahanan serta keupayaan fizikal dan mental para belia.

Di samping itu ia juga adalah bagi membentuk semula daya berfikir dan sifat-sifat semula jadi pemikiran para belia agar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.

Sepanjang perkhemahan dijalankan para peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti yang telah disusun oleh pihak penganjur termasuk aktiviti-aktiviti mencabar iaitu 'flying fox' dan berjalan malam tanpa menggunakan lampu suluh.

Selain itu para peserta juga telah mengikuti ceramah motivasi dan senaman pagi serta mengadakan persembahan kebudayaan.

Sementara itu pada 9 Disember yang baru lalu, pihak penganjur telah mengadakan sidang akhbar kepada media-media tempatan yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertujuan untuk memberikan penerangan berkenaan aktiviti yang dianjurkan.



PEGAWAI Tugas-tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Awang Haji Sumadi ketika merasmikan Perkhemahan Belia 2003. - Gambar oleh Mahmud HI.

Peserta Brunei Big Bike Festival 2003 terima sijil penghargaan

Oleh Aliddin HM

JERUDONG, 7 Disember. - Brunei Big Bike Festival 2003 Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) yang bermula pada 4 Disember lalu berakhir dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam festival itu berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Festival kelolaan Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama itu antara lain bertujuan untuk bersama-sama mencapai hasrat kerajaan dalam memajukan industri pelancongan sekali gus mempromosikan keindahan dan keupayaan Brunei bukan setakat di kalangan negara-negara ASEAN malah secara global.

Kira-kira 300 orang peserta tempatan mewakili PEMODA termasuk peserta dari Borneo seperti Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, Thailand, Republik Filipina dan Semenanjung Malaysia

menghadiri majlis penutup dan perpisahan itu.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Haji Apong.

Yang Dipertua PEMODA, Awang Haji Abu Bakar dalam ucapannya antara lain mengimbas kembali secara ringkas aktiviti-aktiviti selama empat hari seperti lawatan ke Daerah Tutong dan Belait, di samping membuat kerja amal dengan penyampaian dana anak yatim sebanyak \$1,000.00 kepada pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, aktiviti sukan di Pantai Muara dan menghiburkan anak-anak istimewa di Pusat Ehsan di Kampong Bengkurong dengan menaiki motosikal.

Majlis pada malam itu

diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada 12 persatuan antaranya Sabah Big Bikes, Thunder Riders (Sabah), PEMODA, pemerhati dari Kuala Lumpur dan Republik Filipina, Sarawak Bikers, Lu Riders (Labuan) dan Paramedik (ABDB) yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Di majlis itu juga menyaksikan pemenang-pemenang bagi dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Motosikal Terbaik sebanyak lima hadiah bagi motosikal jenis Harley Davidson, Kawasaki, Suzuki, Yamaha dan Ducati dan kategori penunggang motosikal beruniform terbaik bagi lelaki dan perempuan sebanyak empat hadiah yang mengambil kira kriteria dari sudut kebersihan dan pakaian kemas.

Terdahulu sebelum itu pada 4 Disember yang lalu, para peserta Brunei Big Bike Festival 2003 telah diraikan dengan Majlis Makan Malam di Hotel Holiday Lodge di Jerudong.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menyampaikan sijil kepada seorang belia yang menyertai Perkhemahan Belia 2003 yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Majlis-majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** - Majlis-majlis Sam-
butan Hari Raya Aidilfitri
terus diadakan oleh pelba-
gai pihak di negara ini
walaupun bulan Syawal
sudah sampai ke penghujungnya.

Adapun tujuan utama
majlis-majlis sambutan ter-
sebut diadakan adalah
untuk memberikan peluang
beramah mesra sambil ber-
maaf-maafan di hari mulia
terutama kepada mereka
yang jarang berjumpa.

Sehubungan dengan itu
pada 3 Disember yang lalu,
bertempat di sebuah hotel
di Gadong telah berlang-
sung Majlis Ramah Mesra
Hari Raya Aidilfitri anjuran
Kementerian Perin-
dustrian dan Sumber-sumber Utama.

Menteri Perindustrian
dan Sumber-sumber Uta-

**Oleh
Bolhassan HAB**

ma, Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Haji
Awang Abdul Rahman dan
Datin hadir selaku tetamu
kehormat di majlis yang
merupakan projek tahunan
kementerian berkenaan.

Di antara atur cara
majlis tersebut termasuklah
peraduan nyanyian ber-
kumpulan antara jabatan-
jabatan dan persembahan
nyanyian.

Sementara itu Keme-
nterian Pembangunan dan
jabatan-jabatan di bawah-
nya juga telah mengadakan
majlis sambutan sempena
Hari Raya Aidilfitri yang
berlangsung di Pusat Per-
sidangan Antarabangsa,
Berakas.

Majlis yang diadakan
pada 24 Disember lepas
telah dihadiri oleh Menteri
Pembangunan, Yang Ber-
hormat Dato Seri Setia Dr.
Awang Haji Ahmad dan
ketua-ketua jabatan di
bawah kementerian berke-
naan.

Turut menyerikan maj-
lis sambutan ialah persem-
bahan tarian, nyanyian dan
lawak jenaka.

Jabatan Daerah Brunei
dan Muara juga tidak ke-
tinggalan menganjurkan
Majlis Sambutan Hari
Raya Aidilfitri yang diselajur-
kan dengan ramah mesra
bersama Timbalan Menteri
Hal Ehwal Dalam Negeri,
Yang Mulia Dato Paduka
Awang Haji Adanan.

Majlis diadakan di
Dewan Serbaguna Jabatan
Perkhidmatan Bomba, Be-
rakas telah dihadiri oleh
pegawai-pegawai dan kaki-
tangan Jabatan Daerah
Brunei dan Muara.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri kementerian itu. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu

**BANDAR SERI BEGA-
WAN, 20 Disember.** -

Penubuhan Dana Pengiran
Muda Al-Muhtadee Billah
Untuk Anak-anak Yatim
(DANA) adalah bagi men-
gasuh dan membentuk
anak-anak yatim menjadi
generasi berilmu penge-
tahuan dan berkemahiran,
berakhlak mulia selaras
dengan konsep negara Me-
layu Islam Beraja (MIB)
yang taat setia kepada raja,
agama dan negaranya.

Ke arah itu, Majlis
Penyampaian Sumbangan
Kepada Dana Pengiran
Muda Al-Muhtadee Billah
Untuk Anak-anak Yatim

**Oleh
Siti Aishah HS**

diadakan di Kompleks
Bangunan Yayasan Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
(YSHHB) dekat ibu negara
di sini.

Sumbangan sebanyak
\$82,466.38 diterima oleh
Yang Dimuliakan Pehin
Udana Khatib Dato
Paduka Seri Setia Ustaz
Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka
Haji Awang Othman se-
laku Ahli Lembaga Pe-
megang Amanah DANA.

Antara penyumbang di
majlis itu ialah Perbadanan

Tabung Amanah Islam
Brunei Berhad (TAIB)
berbentuk caruman kepada
Pelan Takaful Siswa Khas
Bagi Anak-anak Yatim
bagi tempoh dua bulan
Januari dan Februari 2003.

Turut memberi sum-
bangan, pegawai dan kaki-
tangan Perbadanan Tabung
Amanah Islam Brunei
Berhad (TAIB) serta kaki-
tangan dari stesen minyak
TAIB, Maktab Teknik
Sultan Saiful Rijal,
Gedung Perniagaan Hua
Ho, Persatuan Motosikal
Darussalam (PEMODA),
Syarikat Chang Ein Watch
Dealer dan dua buah firma
guaman iaitu Abraham

Davidson & Company dan
Ahmad Isa & Partners.

DANA tersebut adalah
untuk membantu memper-
tingkatkan kesejahteraan
hidup anak-anak yatim di
Negara Brunei Darussalam
iaitu mereka yang berdaf-
tar dengan Sekretariat
DANA.

Turut hadir di majlis
berkenaan, Pemangku
Ketua Pegawai Eksekutif
DANA, Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Lela
Sura Dato Seri Laila Jasa
Haji Awang Abas bin Haji
Serudin; Penolong Pe-
ngarah Urusan dan
pegawai-pegawai serta
kakitangan YSHHB.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan beramah mesra bersama para hadirin di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Proaktif tingkatan perkhidmatan stesen minyak

GADONG, 20 Disember. -
Pengusaha-pengusaha ste-
sen minyak diharap akan
terus bergiat meningkatkan
prestasi yang lebih tinggi,
di samping proaktif untuk
meningkatkan perkhid-
matan stesen minyak de-
ngan melancarkan program
Stesen Minyak Contoh
bagi peningkatan imej ste-
sen minyak, mutu pengur-
san dan perkhidmatan demi
memenuhi kepuasan pe-
langgan, operasi cemerlang
dan juga keselamatan ste-
sen.

Timbalan Menteri Ke-
wangan, Yang Mulia Dato
Paduka Haji Yakub bin
Abu Bakar menegaskan
demikian di Majlis Malam
Pemasaran BSM yang

**Oleh
Siti Aishah HS**

diadakan di Goldstone
Ballroom, Centerpoint di
sini.

Menurut Dato Paduka,
dalam perniagaan Cecair
Gas Petroleum (LPG), imej
baru lori pengedar menun-
jukkan perubahan meya-
kinkan pengguna terhadap
kualiti pengedaran dan pro-
duk LPG iaitu lapan darip-
ada 13 pengedar telah
memenuhi syarat penuh
Shell LPG Storage Stan-
dard dan selainnya meran-
cang tahun hadapan, malah
para pengedar menunjuk-
kan komitmen dalam me-
ningkatkan taraf kesela-

matan di stor masing-ma-
sing bagi menjamin kesela-
matan pekerja dan alam
sekitar.

Di samping itu, Dato
Paduka memberi penghar-
gaan kepada kakitangan
BSM yang dedikasi di atas
kerjasama dan sokongan
yang berterusan daripada
para pelanggan, pengedar
dan pihak Kerajaan Ke-
bawah Duli Yang Maha
Mulia dalam mencapai
kejayaan peningkatan pen-
jualan sebanyak lima per-
atus berbanding pada tahun
lepas dan berjaya mening-
katkan perniagaan dalam
sektor komersil khasnya
penjualan produk yang
penuh persaingan.

Timbalan Menteri Ke-

wangan yang juga selaku
Pengerusi BSM seterusnya
menyeru agar pengurusan
BSM sentiasa bersedia
melengkapkan pengurusan-
nya dengan kakitangan
yang profesional bagi
tujuan untuk meningkatkan
prestasi perkhidmatan, di
mana kakitangan disaran-
kan untuk mengubah sikap
bagi menjayakan matlamat
dan visi BSM iaitu berdisi-
plin, mahu belajar, komit-
men kepada tugas demi
mencapai matlamat ter-
sebut.

Majlis itu diadakan
antara lain bertujuan untuk
mengeratkan silaturahim di
kalangan ahli kakitangan
BSM dan penghargaan atas
sokongan serta komitmen
mereka selama ini.

RBA tambah bilangan pesawat

BERAKAS, 21 Disember. - Ke arah
usaha memberi perkhidmatan yang
lebih baik di samping mengimbangi
persaingan yang sedia ada, Pene-
rangan Diraja Brunei (RBA) menam-
bah bilangan pesawatnya apabila
menerima pesawat pertama dari jenis
Airbus A320-200.

Hadir mengalu-alukan ketibaan
pesawat tersebut di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei ialah Setiausaha
Tetap Kementerian Perhubungan, Dato
Paduka Awang Haji Abdullah yang
kemudiannya menepung tawar pesawat
berkenaan.

Hadir sama di majlis itu ialah
beberapa orang Ahli Lembaga Pe-
ngarah RBA termasuk Ketua Pengarah
Eksekutifnya, Peter Foster.

Oleh Abu Bakar HAR

Pesawat yang membawa nombor
pendaftaran V8-RBS itu memuatkan
seramai 144 orang penumpang di mana
12 daripadanya menempatkan 'busi-
ness class' dan selebihnya kelas eko-
nomi.

Pesawat yang mirip Airbus A319
itu akan digunakan bagi perkhidmatan
penerbangan yang tidak melebihi dari
empat jam penerbangan iaitu bagi per-
jalanan serantau.

Pesawat yang disewa bagi operasi
selama tujuh tahun dari CIT
Aerospace, New York itu dijangka
bertambah dengan kedatangan pesawat
keduanya pada bulan Januari 2004.

ALHAMDULIL-LAH! Rabbil 'Aalaameen, Wassalamu 'Ala Asyrafil Ambiya Wal-Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Wasahbihihe Aja'meen.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya jua, Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan telah dapat mengukuhkankan Majlis Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok ini. Ia kita berikan tajuk yang seumpama itu, kerana Jabatan Mufti Kerajaan merasa ikut terpengaruh untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada para ulama dan pakar mengenai. Kita sangat berbangga dapat membawa mereka duduk bersamasama di dalam satu forum penting ini, yang jarang boleh dikongsi sama oleh para ulama dan pakar sekali gus. Ini menandakan suatu detik bersejarah sedang kita lalui bagi memperoleh 'formula keselamatan' yang berkaitan dengan rokok yang bakal dihasilkan oleh para cendekiawan Islam dan pakar sains antarabangsa.

Kita akan menelitinya dengan penuh perhatian berdasarkan timbangan syarak dan ilmu-ilmu yang berkaitan, sehinggalah kita berpuas hati sebelum sebarang langkah menyusulnya. Kita akan gali dulu habis-habisan tentang rokok itu dari sudut sejarahnya dan kemudian bagimana ia menimbulkan pelbagai masalah.

SEJARAH ROKOK DAN TEMBAKAU

Rokok adalah panggilan kepada daun tembakau, sama ada ianya telah diproses ataupun belum dengan pelbagai nama dan cara untuk dihisap. Pelbagai sumber hampir sepakat, bahawa rokok itu muncul pada mulanya di kalangan penduduk Teluk Mexico sebelum tahun 1492 Masihi. Mereka ini melekatkannya dalam apa yang dipanggil 'pipa'. Mereka membakar dan menghisapnya. Semenjak itulah perbuatan membakar tembakau dan menghisapnya dinamakan 'merokok'.

Apabila Christopher Columbus tiba di Amerika pada tahun 1492 Masihi, dia mendapati ada pen-

uduknya yang merokok, menerusi 'pipa', yang mereka namakan tembakau. Mereka memberikan benihnya kepada Colombus dan semenjak itulah bahan yang dihisap itu dinamakan tembakau. Colombus kemudiannya mengiriskan benih tersebut ke Sepanyol dan dari sinilah ia merebak ke negeri-negeri yang lain.

Pada penghujung abad ke-16 Masihi amalan merokok sudah tersebar luar di Eropah sehingga Raja James I, Raja Inggeris telah bertindak memerangi amalan merokok itu.

Oleh kalangan bukan Islam yang menyebarkan amalan merokok itu telah mendapati bahawa merokok dari awal abad ke-17 Masihi lagi, seperti Raja James I dan malah pada tahun 1642 Masihi, Paus Urban Ke-7 telah mengeluarkan arahan rasmi mengharamkan rokok (melarang merokok) dan sesiapa yang didapati melanggar akan dihukum penjara atau gantung ataupun pancung.

Sampai ke tahap ini hukuman kerana merokok itu dilaksanakan orang di beberapa abad yang lampau. Cuma tidak diberitahu sebab-sebabnya, tetapi dapatlah diduga bahawa rokok dan merokok itu memang pasti membawa keburukan kepada manusia. Kerana jika tidak, masakan hukuman yang begitu berat perlu diadakan?

ROKOK DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Adapun amalan merokok di negara-negara Islam pula baru muncul pada zaman Kerajaan 'Uthmani (699 Hijrah - 1343 Hijrah/1299 Masihi - 1924 Masihi). Di Asia ia bermula di Turki dibawa oleh seorang Kristian yang datang dari England dan di Afrika bermula di Marocco pada akhir abad ke-10 Hijrah oleh seorang Yahudi yang bernama Al-Hekmat At-Tabib. Kemudian di Afrika Tengah ialah di Mesir dan Hijaz. Semuanya ini (pada peringkat awalnya) dibawa dan disebarkan oleh orang-orang yang bukan beragama Islam belaka.

Adapun orang-orang Islam pada asalnya adalah bebas daripada rokok. Mereka tidak terlibat menjadi penyebar atau pengamal-

ROKOK MENJADI PUNCA PENYAKIT BERBAHAYA MENGANCAM KESIHATAN, NYAWA

MUKADIMAH

KETIKA ini permasalahan rokok dan merokok bukan lagi dilihat dari luarannya, malah telah dicari sampai sedalam-dalamnya sehingga ahli ilmu serentak bergerak mencari penyelesaian untuk mendapatkan penemuan muktamad mengenai mudarat yang ada pada rokok. Setelah sekian lama berbilang dan berbabas serta mengkaji, ahli sains dan perubatan telah sepakat membuat rumusan bahawa rokok dan merokok itu membahayakan kesihatan bahkan juga nyawa.

Demikian antara hujah yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Ucapan Sempena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok Atau Kesihatan di Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan pada 11 Julai 2002.



ROKOK DAN MEROKOK PERKARA BARU

Berdasarkan urutan sejarah seperti di atas, bermakna agama Islam telah muncul tujuh abad lebih awal sebelum kemunculan rokok dan merokok itu. Islam datang pada abad ke-7 (610 Masihi), manakala kemunculan rokok ialah pada abad ke-15 (1492 Masihi).

Dari urutan ini, bermakna rokok dan merokok adalah perkara baru, nisbah kepada Islam. Kerana tujuh abad bukanlah jangka yang pendek, di mana sebelum itu, perkara rokok dan merokok tidak berbangkit sama sekali.

Jadi kalau begitu, apakah kata syarak mengenainya? Apakah yang Islam patut hukumkan terhadapnya?

Kita sudah maklum, bahawa dasar utama hukum ialah Al-Quran dan Al-Hadis. Pada umumnya

PADA zaman sekarang sudah banyak negara yang melarang rakyatnya merokok. Di kalangan negara-negara Islam antara lain Arab Saudi, Mesir, Turki, Sudan dan Malaysia. Manakala negara bukan Islam pula antaranya ialah Cina, India, Russia, Denmark, Sweden, Belanda, Austria dan Perancis.

ia mempunyai kaitan dengan perkara-perkara luaran dan sebab yang dikenali sebagai asbab an-Nuzul bagi Al-Quran dan asbab Al-Wurud bagi Al-Hadis, dalam makna, apabila sesuatu itu muncul atau terjadi dan ia memerlukan hukum atau ketetapan hukum, maka pada ketika itu turunklah ayat atau berakulah sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengenainya.

Selepas itu, apabila perkara baru muncul dan memerlukan penetapan hukum, maka perkara tersebut juga akan dirujuk kepada hukum yang sedia ada (sebelumnya) ataupun yang ada bersamaan masanya. Tetapi jika rujukan hukumnya tidak didapati, maka pada ketika itulah ahli-ahli ilmu (ulama) Islam baru akan membahas dan mencari hukumnya.

Perlu diingat, bahawa telah menjadi tradisi kepada ulama, mereka itu tidak akan membahas atau menjawab sesuatu pertanyaan dalam perkara-perkara yang belum muncul. Ini dapat dikesan dari perkataan pengarang kitab A'lam Al-Muwaqqi'in katanya: "Seorang mufti

tidaklah wajib menjawab pertanyaan mengenai perkara-perkara yang belum lagi terjadi, dengan alasan, bahawa para ulama salaf ada yang tidak mahu menjawab pertanyaan seperti itu." (Ibnu Al-Qayyim, A'lam Al-Muwaqqi'in, 4: 127).

Ini juga membawa makna bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri hanya akan menghurai atau memberikan hukum terhadap sesuatu apabila perkara tersebut diketahui dan dikenal pasti oleh para sahabat. Sementara yang belum diketahui memadailah dengan merujuk kepada dasar umum dan kaedah-kaedah syarak tertentu.

Salah satu contoh perkara yang tidak diketahui dan dikenal pasti oleh para sahabat itu ialah rokok dan merokok. Kerana itulah makanya kata nama rokok, telah tidak dijumpai dalam nas-nas syarak, sehinggalah ia muncul dan merebak (sesudah melampaui beberapa abad) di negeri-negeri Islam seperti yang disebutkan di atas.

Lihat muka 12



Rokok menjadi punca penyakit berbahaya mengancam kesihatan, nyawa

Dari muka 11

Sesuai dengan prinsip syarak, apabila perkara rokok dan merokok ini memerlukan hukum disebabkan oleh hasil kajian mengenai yang turut membabit masalah diri, harta dan masyarakat, maka kerana itu para ulama pun terpengkil mesti membahasnya untuk menetapkan hukum rokok dan merokok itu disebabkan Islam datang adalah untuk memberikan perlindungan dan pemeliharaan terhadap masalah-masalah tersebut. (Abdul Wahab Thawilah, Fiqh Al-Asyriyah Wa Hadduh, 465).

Dalam prinsip Islam adalah jelas, bahawa ia menghalalkan segala yang baik-baik dalam perkara makan minum, pakaian dan lain-lain, dan juga mengharamkan segala jenis khabaib dan apa-apa juga yang memudaratkan diri, nyawa dan harta, di mana Yang Maha Mengetahui hakikat semua ini adalah Allah Subhanahu Wataala semata-mata jua. Sementara itu, jalan umum yang ditunjukkan oleh Islam bagi menentukan sesuatu itu halal atau haram adalah juga tertakluk kepada manfaat kepada sejauh mana masalah atau mudaratnya sesuatu perkara itu.

Jika terdapat nas yang jelas, maka biasanya para ulama tidaklah akan berbeza pendapat mengenai hukumnya. Tetapi jika hanya berdasarkan dalil-dalil umum atau kaedah-kaedah yang biasa sahaja, maka mereka itu ada kalanya berbeza pendapat tentang halal, haram, makruh dan sebagainya. Dan di dalam pelaksanaan kaedah ini, paling ditakuti ialah adanya pengaruh akal dan hawa nafsu yang melulu dari para ulama yang mementingkan lebih keduniaan daripada akhirat.

Di dalam masa permulaan munculnya rokok dan amalan merokok, kebanyakan ahli ilmu belum lagi mengetahui tentang hakikatnya yang sebenar, termasuklah sama ada ia memudaratkan ataupun tidak atau jika ia memudaratkan sejauh manakah kemudaratannya itu? Lalu kerana itu juga, oleh para ulama sendiri ia lebih difokuskan kepada hakikat luarannya sahaja, dari segi adakah ia suci atau tidak? Dari segi ianya boleh mendatangkan bau yang busuk atau dari segi kemudaratannya boleh membawa gigit berkarat dan lain-lain seumpamanya. Itu sahaja, adapun madharrah atau kemudaratannya yang lebih tersembunyi belumlah dapat dikesan setakat masa itu.

Berbanding kebelakangan ini, permasalahan rokok dan merokok bukan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa menutup rasmi seminar tersebut.

lagi dilihat dari luarannya sahaja, malahan telah dicari sampai ke lubuk-lubuknya. Ahli-ahli ilmu, tanpa menghiraukan disiplin masing-masing, serentak bergerak mencari penyelesaian iaitu setelah mendapati penemuan mukamat tentang madharrah yang ada pada rokok itu. Ia diperolehi setelah sekian lama berbincang dan berdebat serta mengkaji dan terus mengkaji oleh para ahli sains dan perubatan khasnya, di mana mereka telah pun sepakat membuat rumusan, bahawa rokok dan merokok itu membahayakan kesihatan dan bahkan juga nyawa. Ia disokong dengan fakta-fakta saintifik yang sangat kukuh yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Ini tidak syak lagi turut juga dimantapkan sama oleh para ulama dalam menangani perkara hukum mengenainya.

Tahun 1929 adalah merupakan tarikh mula-mula pembuatan rokok moden, King Size, sementara tahun 1945 pula rokok berfilter. Semenjak itulah sampai sekarang sudah beraneka rokok-rokok yang muncul, kesemuanya atas nama rokok. Ada rokok berfilter, biasa, cerut, keretek dan tidak ketinggalan rokok daun yang dimodenkan.

Menurut Hotmail Message, syarikat pembuat rokok terbesar sekarang ialah Phillip Morris. Syarikat ini mendermakan 12 peratus keuntungan kepada Regim Zionis. Daripada keuntungan bersih sebanyak 10 peratus yang masuk kepada Morris itu, \$800 juta pada setiap hari ialah wang orang-orang Islam. Ertinya \$9.6 juta wang orang Islam adalah pergi ke Israel pada setiap hari.

Mengapakah begitu besar jumlah wang orang-

orang Islam yang keluar itu? Kerana, menurut Hotmail Message lagi orang Islam yang merokok adalah berjumlah sangat besar, 400 juta dari 1.15 bilion penghisap rokok di dunia. Ertinya hampir separuh dari keseluruhan penghisap rokok di dunia ialah orang Islam.

Jika benar rokok itu menjadi punca penyakit-penyakit yang berbahaya, yang mengancam kesihatan dan bahkan nyawa, maka bermakna dari jumlah keseluruhan umat Islam yang seramai dua bilion sekarang ini, kira-kira 20 peratus atau 2/5 adalah mereka yang sedang menunggu kemusnahan secara bertahap dan beramai-ramai. Apakah ini bukan malapetaka yang amat dahsyat namanya? Dan apakah ia belum cukup lagi untuk menakutkan kita?

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), merokok adalah merupakan pembunuh nombor satu golongan muda di seluruh dunia pada tahun yang lalu, menyalahkan AIDS, dan meragut seramai 4.2 juta jiwa, iaitu suatu angka yang dijangkakan boleh mencecah sehingga 10 juta orang setahun dalam tempoh 28 tahun akan datang.

Inilah satu berita buruk untuk golongan muda khasnya dan manusia pada umumnya, iaitu berita yang tidak boleh dipandang ringan lagi kerana kebenarannya telah benar-benar jelas dan wajar dipegang. Tidak hairan dari peneuman ini banyakkah sikap dan pendirian yang berubah, termasuk sikap dan pendirian keagamaan mengenainya.

Dalam agama terdapat satu kaedah yang ertinya: "Hukum boleh berubah

dengan sebab perubahan 'urf. Lafaz 'urf adalah lebih meliputi dari lafaz 'zaman' atau 'makan' (masa dan tempat). Kaedah ini memberikan kesan dalam banyak hukum. Al-Imam Asy-Syafi'i Rahimahullah telah berjihad menggariskan beberapa hukum ketika di Iraq dan apabila berpindah ke Mesir telah mengubah beberapa hukum yang sudah pun ditetapkan sebelumnya iaitu setelah mendapati 'urf negeri Mesir berbeza dengan 'urf negeri Iraq. Keadaan seperti ini juga berlaku kepada ramai para mujtahid dan ulama yang lain.

Di antara contoh hukum yang berubah dengan sebab perubahan 'urf, ialah:

1. Sebuah rumah yang mengandungi beberapa buah bilik, di mana bilik-bilik itu bentuknya adalah sama sahaja.

Di dalam keadaan seperti ini, apabila menjual rumah tersebut, menurut ulama fiqh memadailah si pembeli hanya melihat luaran rumah itu sahaja dan sebahagian daripada bilik-bilik, yakni tidaklah perlu melihat kesemuanya sekali.

Tetapi oleh kerana terdapat perubahan iaitu wujud sekarang bilik yang berbeza bentuk dan saiznya, maka para ulama masa kini berpendapat bahawa kesemua bilik-bilik itu hendaklah dilihat ketika membelinya.

2. Pada masa Al-Imam Abu Hanifah Rahimahullah, apabila seseorang rampas pakaian lalu mencelupnya dengan 'warna hitam', maka warna hitam itu telah dianggap menukarkan nilai pakaian tersebut. Oleh itu, di perampas apabila dihukumkan mengembalikan pakaian ter-

sebut kepada yang empunya, dia juga diwajibkan membayar ganti rugi dari kekurangan harga pakaian kerana ia dicelup itu. Ini ialah kerana pada zaman itu (zaman Umayyiyah) warna hitam adalah warna yang tidak disukai.

Berbeza sebaliknya oleh sahabat-sahabat Abu Hanifah sendiri iaitu Abu Yusuf dan Muhammad yang hidup pada zaman 'Abbasiyah, kedua-dua mereka ini menganggap tindakan mencelup dengan warna hitam itu telah dengan sendirinya menambahkan nilai pakaian tersebut. Maka oleh itu dihukumkanlah: Si perampas tetap dikehendaki untuk mengembalikan pakaian yang dirampasnya kepada yang empunya, sementara oleh empunya pula dikehendaki untuk membayar kepada perampas harga celupan. Ini ialah kerana pada zaman itu warna hitam adalah warna yang disukai, yakni kecenderungan atau kesukaan terhadap warna berkenaan menambahkan nilai kain yang dicelup itu dengan sendirinya.

3. Ulama fiqh yang terdahulu menegah guru-guru Al-Quran dari mengambil upah kerana mengajar Al-Quran. Ini ialah kerana mengajar Al-Quran itu dianggap suatu ibadah dan guru yang mengajar itu pula diberikan hadiah oleh kerajaan. Tetapi apabila pemberian hadiah itu diberhentikan atau ditiadakan, maka para ulama zaman ini membolehkan menerima upah, supaya pembelajaran Al-Quran itu dapat terus hidup dan berkekalan.

Di sinilah keindahan Islam itu terus-menerus terserlah kerana sifatnya yang syumul dan luas. Ia tidak pernah tertutup dan beku, bahkan sentiasa

JIKA benar rokok itu menjadi punca penyakit-penyakit yang berbahaya, yang mengancam kesihatan dan bahkan nyawa, maka bermakna dari jumlah keseluruhan umat Islam yang seramai dua bilion sekarang ini, kira-kira 20 peratus atau 2/5 adalah mereka yang sedang menunggu kemusnahan secara bertahap dan beramai-ramai. Apakah ini bukan malapetaka yang amat dahsyat namanya? Dan apakah ia belum cukup lagi untuk menakutkan kita?

menyediakan jalan keluar yang selamat, ketika mana umatnya mengalami saat-saat atau keadaan-keadaan sempit dan genting yang mustahak diatasi, melalui kaedah-kaedah yang sangat logik dan jitu.

Saya kira memadai setakat ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan harapan, bahawa kita para ulama dan pakar akan sama-sama menggariskan pendapat masing-masing dengan penuh yakin dan berani, demi ilmu dan kerana Allah jua.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

RUJUKAN

1. Abdul Wahhab Thawilah, *Fiqh Al-Asyriyah Wa Hadduh*, Dar As-Salam Li At-Taba'ah, Cairo, 1406 Hijrah/1986 Masihi.
2. Mustafa Muharram, *At-Tadkhin : Atsaruh Fi Al-Jism Wa Al-'Aql*, Maktabah Wahbah, Cairo, 1411 Hijrah/1991 Masihi.
3. 'Atiyah Saqr, *Al-Islam Wa At-Tadkhin*, Hadiyah Majalah Al-Azhar, Muharram, 1412.
4. Dr. Abdul Ghani, *At-Tadkhin : Hajis Al-'Asr*, 13, Dar Al-Fikr, Beirut, 1418 Hijrah/1997 Masihi.
5. Hamdi Amin Farj, *At-Tadkhin bain At-Tibb Wa Ad-Din*, 9, Maktabah Al-Qayyimah, Madinah Nasr, 1407 Hijrah/1987 Masihi.
6. Syekh Abu Bakar Jabir Al-Jaza'iri, *Hukum Merokok*, Alihbahasa : Abdul Hadi Basultunah, Pustaka Mizan, Kuala Lumpur, 1991.
7. Ibnu Qayyim, *A'lam Al-Muwaqqi'in*, Dar Al-Hadis, Cairo, 1414 Hijrah/1993 Masihi.
8. Muhammad Al-Khudari Bek, *Nur Al-Yaqin*.
9. Ensiklopedia Malay-siana, *ANZAGAIN*, Kuala Lumpur 1996.
10. Al-Mawsu'ah Al-Arabiah A-'Alamiah, Riyadh, 1999.

ARENA SUKAN

2nd ASEAN PARA GAMES

ATLET ORANG ISTIMEWA MENYERLAH DI VIET NAM

BERAKAS, 29 Disember. - Kepulangan kontinjen yang menyertai Temasya Sukan The Far East and The South Pacific Games 2002 (2nd ASEAN Para Games) di Hanoi, Viet Nam dialu-alukan dengan sambutan meriah, selepas berjaya membawa pulang sejumlah 4 emas, 8 perak dan 5 gangsa.

Pencapaian tersebut mengatasi pencapaian pada penyertaan di temasya yang sama kali pertama di Kuala Lumpur tahun 2001 yang meraih sejumlah 4 emas, 2 perak dan 7 gangsa.

Kepulangan atlet orang-orang istimewa itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, dengan mengucapkan tahniah serta memberikan jambangan bunga sebagai penghargaan.

Turut mengalu-alukan

Oleh Hj. Ahat HI

kontinjen negara ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Pada temasya yang berlangsung dari 19 hingga 27 Disember itu para atlet telah berjaya memberikan saingan sengit dalam semua acara yang dipertandingkan hingga mencapai kejayaan.

Menurut Ketua Kontinjen, Dayang Mordiah binti Haji Jackia yang ditemui sejurus tiba bersama para atlet menyatakan, di temasya yang turut sama disertai oleh negara-negara ASEAN dan Timor-Timor itu, para atlet telah memperlihatkan semangat juang yang tinggi dengan memberikan kepada cabaran kepada setiap lawan mereka.

"Apa yang kita nampak, para atlet dari kontinjen

negara kita begitu bersemangat setiap kali bertanding dan mereka sentiasa memberikan saingan dan cabaran kepada peserta lain," katanya.

"Jadinya, pencapaian ini amat memuaskan, kalau dibandingkan dengan penyertaan dua tahun lepas di temasya yang sama di Kuala Lumpur dan pada penyertaan di Viet Nam ini kitani telah mendapat pencapaian yang meningkat," tambah Dayang Hajah Mordiah.

Beliau juga menyatakan sebahagian besar pingat yang dimenangi oleh atlet negara ini diperolehi melalui acara-acara olah raga, lontar lembing dan buang peluru melalui kategori masing-masing.

Dua dari empat pingat emas itu diperolehi melalui Dayang An Nur Haiyyu Yusof acara lari 100 dan 200 meter manakala Awang Rosli Haji Hastan dan Awang Shahri Haji Jumat masing-masing menyumbang satu pingat emas.



MENYERLAH .. Kontinjen 2nd ASEAN Para Games Brunei Darussalam dialu-alukan dengan meriah sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan membawa pulang 4 emas, 8 perak dan 5 gangsa. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

An Nur Haiyyu rangkul dua pingat emas

Oleh Hj. Ahat HI

DAYANG An Nur Haiyyu Yusof berjaya merangkul dua pingat emas dan sebuah pingat perak pada temasya sukan The Far East and South Pacific Games (2nd ASEAN Para Games) di Hanoi, Viet Nam.

Atlet orang istimewa ini meraih dua pingat emas melalui acara pecut 100 dan 200 meter dan pingat perak acara lompat jauh, manakala Awang Rosli Haji Hastan dan Awang Shahri Haji Jumat masing-masing meraih satu pingat emas acara lontar lembing.

Selain sebuah pingat emas, Awang Rosli juga memperolehi sebuah pingat gangsa acara buang peluru.

Awang Alihan Muda, Dayang Jusnani Haji Kamis dan Awang Mohd. Shafie pula masing-masing merangkul dua pingat perak. Awang Alihan



MENTERI Kesihatan yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar mengucapkan tahniah kepada para atlet. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

memperolehinya melalui acara buang peluru dan lontar lembing, Dayang Jusnani melalui buang peluru dan lontar lembing dan Awang Mohd. Shafie melalui acara lari pecut 100 dan 200 meter, sementara Awang Mohd. Alimi Haji Mahli meraih sebuah

pingat perak acara lari 100 meter.

Awang Mohd. Alimi juga memperolehi sebuah pingat gangsa melalui acara lari 400 meter. Juga merangkul pingat gangsa ialah Awang Harun Haji Tahir acara lontar lembing, Dayang Harfah Zakaria

lari 200 meter dan Awang Ahmad Noorizam Haji Mohammad lari 400 meter.

Pada temasya kali ini Negara Brunei Darussalam berjaya membawa pulang sejumlah 17 pingat dengan 4 emas, 8 perak dan 5 gangsa.

Rosli Haji Hastan catat rekod baru

ATLET orang istimewa, Awang Rosli Haji Hastan berjaya mencatatkan rekod baru acara lontar lembing pada temasya sukan The Far East and South Pacific Games (2nd ASEAN Para Games) di

Hanoi, Viet Nam.

Beliau yang meraih pingat emas acara tersebut telah mencatatkan lontaran lembing sejauh 44.24 meter mengatasi beberapa orang peserta lain.

Beliau yang menyertai temasya ini buat kali kedua menyatakan sangat bersyukur dan berterima kasih kepada jurulatih yang telah banyak membimbing dan memberikan latihan.

"Saya amat berterima kasih kepada jurulatih yang telah memberikan saya latihan dan tunjuk ajar yang berkesan sehingga saya berjaya,"



SATU pingat emas dan satu perak dicapai oleh atlet Rosli Haji Hastan yang seterusnya berazam untuk mempertingkatkan lagi prestasi melalui latihan yang lebih serius bimbingan jurulatih tempatan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

katanya ketika pulang selepas penyertaan itu.

Seterusnya beliau berazam akan terus

mempertingkatkan usaha untuk memperbaiki lagi pencapaiannya ini pada temasya akan datang.

"Pada temasya akan datang saya berazam untuk mempertingkatkan lagi pencapaian ini untuk mencatatkan prestasi yang lebih baik lagi," ujarnya.

Pada temasya kali pertama di Kuala Lumpur tahun 2001, beliau berjaya memperolehi 1 emas dan 2 perak sementara pada temasya Ke-8 FESPIC Games di Busan, Korea tahun 2002 beliau berjaya memperolehi 1 perak dan 2 gangsa.



KEJAYAAN KAMI ... Tiga atlet yang berjaya meraih pingat mengongaikan kegembiraan mereka sebagai wira yang pulang dengan kejayaan. - Gambar Oleh Pg. Rafee PDPHM.

Kejohanan Golf Panaga HSBC

SERIA, 7 Disember. - Awang Abdul Rahman bin Haji Mahmood muncul juara keseluruhan dalam Kejohanan Golf Panaga HSBC yang berakhir hari ini dengan majlis penyampaian hadiah di Kelab Golf Panaga di sini.

Sementara naib juara disandang oleh Md. Jair bin Haji Japar, manakala

Oleh
Bolhassan HAB

bagi gross keseluruhan dijuarai oleh Awang Seruji bin Haji Setia dan tempat kedua ialah Pengiran Adam bin Pengiran Atan.

Juara bagi Division A dimenangi oleh Awang Hussain bin Haji Ibrahim, Division B ialah Haji

Ahmad bin Haji Zainal, Edwin Ho menjuarai Division C dan Division D ialah Awang Haji Ajmain.

Bahagian wanita dijuarai oleh Priscilla Wong diikuti oleh Jean Liew dan Lily Sung. Bagi Bahagian Tetamu Khas telah dimenangi oleh Dato Paduka Haji Harun bin Haji Ismail, tempat kedua

Haji Mohd. Said bin Ahmad dan Mark Came di tempat ketiga.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang di kejohanan tersebut.

ARENA SUKAN

Kontinjen Para Games terima bendera negara

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS, 17 Disember. - Serombongan 16 orang atlet orang istimewa bersama 10 orang pegawai telah berlepas ke Viet Nam bagi menyertai temasya Ke-2 ASEAN Para Games di Hanoi.

Sejurus sebelum berlepas, satu upacara penyerahan bendera negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng kepada Ketua Kontinjen, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackiah.

Temasya yang bermula dari 19 hingga 28 Disember itu disertai oleh kesemua negara anggota ASEAN dan Timor-Timur dengan hasrat untuk memperluaskan lagi sukan tersebut kepada anggota masyarakat istimewa.

Pada temasya itu Negara Brunei Darussalam menyertai acara olah raga, renang dan angkat berat dalam pelbagai peringkat kategori.



MENTERI Kesihatan yang juga selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyampaikan bendera negara kepada Ketua Kontinjen ASEAN Para Games Ke-2, Dayang Hajah Mordiah Haji Jackiah. - Gambar oleh Abdullah HAD.



SEGAK ... Kontinjen ASEAN Para Games Ke-2 yang mengandungi 16 atlet dan 10 pegawai berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sejurus sebelum berlepas ke Viet Nam. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Kejohanan Golf Sempena Hari Guru 2003

Oleh
Abu Bakar HAR

JERUDONG, 7 Disember. - Awang Haji Abdul Aziz Haji Nayan muncul sebagai juara keseluruhan bagi acara nett di Perlawanan Golf Kementerian Pendidikan sempena Hari Guru Ke-XIII 2003 di Kelab Polo Jerudong di sini, diekori tempat kedua oleh Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab.

Sementara Awang Haji Abdul Kadir Abdul Ghani muncul sebagai juara keseluruhan bagi acara gross, diikuti oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi.

Bagi acara nett yang dipertandingkan, johan dalam bahagian C disandang oleh Dato Paduka Haji Ahmad Murad manakala johan dalam bahagian B dijuarai oleh Dato Paduka Awang Haji Alimin, diikuti oleh Awang Haji Azyan Abdullah memenangi bahagian A.

Bagi acara gross bahagian C dimenangi oleh Pengiran Haji Ali Hashim dan Sabri Haji Nawih menguasai dalam bahagian B, manakala bahagian A disandang oleh Pengiran Haji Zulkifli Pengiran Haji Besar.

Juga menerima hadiah ialah pemain yang memukul bola yang terdekat kepada lubang seperti lubang 3 yang dimenangi oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, lubang 8, Faizan Haji Abdul Ghani dan lubang 16, Azhar Haji Saji.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Nayan yang menjuarai keseluruhan nett perlawanan golf (atas). Sementara gambar bawah, Setiausaha Tetap, Sheikh Haji Adnan menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang. - Gambar oleh Ramli Tengah.



Kursus Pengadil Bola Sepak anjuran PPBNBD

PERSATUAN Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (PPBNBD) akan mengendalikan Kursus Pengadil Bola Sepak 2004 yang terbuka kepada semua mereka yang berminat untuk menjadi pengadil

bola sepak.

Peserta yang berminat mestilah berumur antara 18 hingga 35 tahun dengan kelulusan akademik sekurang-kurangnya tingkatan lima.

Kursus ini dijangka akan bermula pada 22, 23 dan 25 Januari 2004 dari pagi hingga petang bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Borang-borang penyerahan dan keterangan lanjut boleh didapati daripada Setiausaha Agung Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas.

Catur masuk aktiviti Kalendar Sekolah-sekolah ASEAN

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 19 Disember.

- Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, bermula tahun depan permainan catur akan dimasukkan ke dalam aktiviti Kalendar Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN yang akan berlangsung buat pertama kalinya di Viet Nam.

Catur, tambahnya, merupakan sebahagian dari acara sukan di dalam sukan antarabangsa dan wajar dipromosi di kalangan orang-orang muda dan juga anak-anak sekolah.

"Catur bukanlah satu permainan yang mudah dengan mewujudkan keseronokan tetapi lebih dari itu, ia merupakan sukan mencabar yang memerlukan pemikiran kritikal dan strategik," jelasnya di Majlis Perasmian Perlawanan Catur Kumpulan Umur ASEAN Ke-4 yang

berlangsung di sebuah hotel di sini.

Menurutnya, catur dapat mengalirkan otak kita supaya dapat beroperasi dengan lebih sistematik dan tersusun dalam menyelesaikan apa jua masalah, selain menghendaki kita untuk bersabar, menguji daya ketahanan dan mendisiplinkan pemikiran kita kepada perancangan dan tindakan yang betul.

Dalam pertandingan itu, seramai 225 peserta daripada tujuh buah negara ASEAN menyertainya iaitu Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah, Republik Indonesia, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura dan Viet Nam, manakala Thailand, Laos, Kemboja dan Timor-Timur

tidak menghantar wakil.

Dari jumlah tersebut 152 orang terdiri dari peserta lelaki dan 73 orang perempuan dalam lingkungan usia lapan hingga 18 tahun beradu kepantasan pemikiran dalam enam kategori yang dipertandingkan iaitu 8, 10, 12, 14, 16 dan 18 tahun ke bawah lelaki dan perempuan yang berlangsung selama lapan hari.

Pertandingan kali keempat bertujuan meningkatkan kualiti pertandingan catur di kalangan belia-belia rantau ASEAN dan memupuk persefahaman yang lebih baik serta mesra di kalangan belia-belia ASEAN.

Ia dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Persatuan Catur Negara Brunei Darussalam dan ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Minyak Brunei Shell.

NEGARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
Brunei Darussalam	-	-	3	3
Indonesia	1	1	1	3
Malaysia	3	2	7	12
Myanmar	-	-	-	-
Filipina	2	2	3	7
Singapura	10	9	2	21
Viet Nam	17	8	5	30
Jumlah	33	22	21	76

Kedudukan pingat-pingat yang diperolehi oleh negara-negara peserta yang menyertai Perlawanan Catur Kumpulan Umur ASEAN Ke-4.

ARENA SUKAN



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Olimpik Kebangsaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Mesyuarat Majlis Olimpik

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 24 Disember. - Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan berlangsung hari ini di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat dan seterusnya mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Timbalan Presiden BDNOC dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'sith yang juga Naib Presiden BDNOC juga hadir dan berangkat sama.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat ialah mengimbas kembali pencapaian-pencapaian penyertaan negara dalam Sukan SEA

Ke-22 di Viet Nam yang baru lalu dan mencari jalan bagi mengatasi segala kelemahan dan kekurangan dalam pencapaian mutu atlet negara secara keseluruhan.

Semasa Sukan SEA di Viet Nam yang bermula 1 hingga 15 Disember, Negara Brunei Darussalam menyertai 10 acara daripada 32 acara yang dipertandingkan iaitu pencak silat, menembak, karate-do, tinju, snuker dan biliard, catur, kayak, lawan pedang, sepak takraw dan olah raga.

Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip 10 pingat iaitu satu emas, satu perak dan lapan gangsa.

KONTINJEN SUKAN SEA NEGARA DIRAIKAN MERIAH

KETIBAAN para atlet negara temasya Sukan SEA Ke-22 di Viet Nam disambut begitu meriah dengan pukulan hadrah dan kehadiran anggota keluarga serta teman-teman yang berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada petang Ahad 14 Disember lepas.

Walaupun telah bertarung habis-habisan selama sembilan hari di temasya sukan dwitahunan itu, namun kontinjen negara hanya merangkul satu pingat emas, satu perak dan lapan gangsa.

Pingat emas telah diperolehi melalui acara pencak silat bagi kategori Sri Wiraloka Jurus Wajib gandingan tiga pesilat wanita iaitu Noraisah Haji Ahjee, Dayangku Rosmahwati Pengiran Badaruddin dan Norleydiana Haji Raya.

Menurut Dayangku Rosmahwati yang ditemu bual oleh pihak media, mereka yang telah menjalani latihan intensif selama dua bulan oleh jurulatih silat negara, Pengiran Haji Tajuddin, sama sekali tidak menyangka berjaya meraih pingat emas.

Namun mereka masih mampu membuktikan permerian ke sana bukan setakat mengisi kuota kontinjen, sebaliknya membawa pulang hasil terbaik apatah lagi berjaya mengaibkan peserta tuan rumah di hadapan penyokong sendiri.

"Sukar bagi saya menggambarkan rasa gembira itu apabila diumumkan kami muncul sebagai pemenang, sekali gus menggondol pingat emas," ujar Dayangku Rosmahwati.

Di temasya sukan itu Negara Brunei Darussalam

Oleh
Bolhassan HAB

turut meraih sebutir pingat perak apabila Muhammad Fadilah Sanif muncul naib juara dalam acara karate-do. Sementara lapan pingat gangsa juga dikutip menerusi acara karate-do dan silat.

Ketibaan kontinjen negara telah disambut oleh Menteri Kesihatan yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Para atlet negara yang berjaya mengukir nama di temasya Sukan SEA Ke-22 telah diarak menaiki kenderaan khas dengan diiringi motosikal berkuasa tinggi Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) menuju Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi sesi bergambar ramai.

Viet Nam selaku tuan rumah muncul juara dengan membolot 158 pingat emas dari 364 keseluruhan pingat yang dipertandingkan. Temasya Sukan SEA Ke-23 akan berlangsung di Manila, Republik Filipina menjelang tahun 2005.



INILAH KEJAYAAN KAMI. Para atlet yang berjaya membawa pulang pingat diarak menuju Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan pingat di akhir Perlawanan Catur Kumpulan Umur ASEAN Ke-4.



BERJAYA ... Kontinjen negara yang berjaya membawa pulang 1 emas, 1 perak dan 8 gangsa di Sukan SEA Ke-22 di Viet Nam merakamkan gambar kenangan sejour tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Negara Brunei Darussalam dapat tiga gangsa

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 25 Disember. - Negara Brunei Darussalam hanya mampu mengutip tiga pingat gangsa di Perlawanan Catur Kumpulan Umur ASEAN Ke-4 yang berlangsung di Orchid Garden Hotel.

Perlawanan yang berlangsung selama seminggu bermula 19 haribulan lalu di Orchid Garden Hotel disertai oleh tujuh buah negara ASEAN setelah Viet Nam muncul sebagai johan keseluruhan dengan mengutip 17 emas, lapan perak dan lima gangsa.

Manakala menduduki tempat kedua ialah pasukan Singapura dengan mengutip 10 pingat emas, sembilan perak dan dua gangsa, diikuti tempat ketiga oleh pasukan Malaysia yang memperolehi tiga pingat emas, dua perak dan tujuh gangsa.

Perlawanan yang mempertandingkan 16 acara itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu lelaki dan perempuan yang bermula dari yang berumur di bawah 8 tahun hingga di bawah 18 tahun.

Viet Nam yang sememangnya hebat dalam perlawanan catur membuktikan penguasaan mereka khusus dalam kategori perempuan apabila mengutip lapan pingat emas daripada 12 acara yang dipertandingkan dan lima pingat emas melalui kategori lelaki setelah diberi saingan oleh Republik Singapura.

Namun tiga pingat gangsa yang hanya tercapai diperolehi oleh pasukan negara diterjemahkan melalui acara berpasukan perempuan di bawah 16 tahun, di bawah 8 tahun lelaki dan di bawah 12 tahun lelaki.

Dalam acara berpasukan di bawah 16 tahun, pasukan negara menggandingkan Dk. Qalila, Farah Atiyah dan Siti Syazwani setelah memperolehi 15 mata apabila hanya ketinggalan empat mata di belakang pasukan Viet Nam yang menjuarai acara itu.

Manakala dalam acara berpasukan di bawah 12 tahun pasukan negara sekali lagi ketinggalan empat mata di belakang Viet Nam setelah hanya mampu memperolehi 15 mata melalui Ak. Hafizon, Ameer Aziz Hakim dan Ahmad Bukhari dan dalam acara berpasukan 8 tahun ke bawah lelaki, pasukan negara diwakili oleh Muhd. Nur Ariffin dan Muhd. Najid.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang di majlis penutup ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Polis anjur bola tampar

PASUKAN Polis Diraja Brunei akan menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Terbuka sempena Hari Polis pada awal tahun 2004. Borang-borang penyertaan dan syarat-syarat serta undang-undang kejo- hanan boleh didapati di kesemua balai-balai polis di keempat-empat daerah.

Keterangan lanjut kejo- hanan tersebut boleh didapati daripada Insp. Zainal Abidin bin Haji Ibrahim selaku Setiausaha Kejo- hanan melalui talian telefon 2661904, 2661905, 2661334 atau Insp. Pg. Jainalabidin bin Pg. Abdul Rahman melalui talian telefon 3230250.



PEMANGKU Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika hadir di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Tahap disiplin ketenteraan tinggi penting diamalkan

BERAKAS, 22 Disember.

- Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith mengingatkan seluruh anggota kementerian berkenaan termasuk tentera supaya ingat-mengingati mengenai pentingnya mengamalkan tahap disiplin yang tinggi.

Dengan adanya tahap disiplin yang tinggi, tegas Yang Amat Mulia, akan

Oleh
Abu Bakar HAR

mencerminkan rupa, wajah dan kedudukan di mata masyarakat.

Pemangku Menteri Pertahanan membuat peringatan tersebut di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertahanan bagi tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menyentuh mengenai dengan wabak yang menyelubungi masyarakat ketika ini iaitu penyalahgunaan dadah, Yang Amat Mulia menyeru agar perkara tersebut dapat ditangani dan dikawal agar tidak merebak dan me-

rosak di kemudian hari.

"Kita tidak mahu mendengar kemudian hari akan timbul desas-desus masalah yang berhubung dengan hal-ehwal seperti ini," tekan Pemangku Menteri Pertahanan.

Jelas Yang Amat Mulia, jika perkara ini berlaku, itu adalah satu kelemahan di antara kelemahan-kelemahan lain yang sepatutnya tidak berlaku dan adalah menjadi satu kepincangan jika masalah tersebut gagal dibendung.

"Selaku tunggal, peneguh dan penilai keamanan dan keselamatan negara yang disandarkan, anggota tentera perlulah mengikis perkara tersebut habis-habisan," tegas Yang Amat Mulia.

Juga disentuh di majlis itu ialah mengutamakan semangat setia kawan yang bercirikan sikap

tolong-menolong, bekerjasama, tegur-menegur serta ingat-mengingati.

Menurut Yang Amat Mulia semangat setia kawan itu perlu dipupuk, diperkuatkan dan seterusnya ditani agar tumbuh dan subur dan seterusnya menjadi teras yang akan menjadi pemantun pada mengekalkan suasana keharmonian.

Yang Amat Mulia berkata, dengan adanya kesedaran serupa akan mengukuhkan rasa keharmonian di antara warga kerja Kementerian Pertahanan dan seterusnya dapat melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna.

Majlis yang menjadi acara tahunan kementerian berkenaan dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian dan lakonan dari setiap anggota jabatan arah-jabatanarah di bawah kementerian berkenaan.

Kualiti kehidupan rakyat sentiasa dipedulikan

BERAKAS, 27 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memedulikan dan peka kepada kualiti kehidupan rakyatnya agar sentiasa dalam keadaan sempurna.

Pemedulian itu termasuklah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan tempat untuk memberikan latihan-latihan dan kursus bagi melahirkan belia-belia berilmu, berpengetahuan dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui jabatan di bawahnya juga sentiasa akan memberikan bimbingan seperti program-program kemahiran, kaunseling dan pembangunan jati diri kepada mereka.

Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, Pusat Pembangunan Belia telah menawarkan kursus-kursus kemahiran khusus untuk para belia yang tidak berupaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi atau yang belum mempunyai pekerjaan termasuk kepada mereka yang ingin menjadi usahawan.

Outward Bound Brunei Darussalam juga jelas beliau, turut menyediakan program-program untuk memupuk dan memantapkan jati diri manusia melalui Pembelajaran Melalui Pengalaman (Experiential Learning) dan Latihan Pengembaraan (Adventure Training).

Beliau menjelaskan

Oleh Samle HJ

perkara itu ketika merasmikan kursus 'Ba'ath' bagi Program Cabaran Peribadi Belia di kementerian itu hari ini.

Kursus berkenaan akan memberi peluang kepada para belia untuk menemukan semula ciri keperibadian dan kekuatan serta ketahanan jati diri sebagai persiapan menghadapi cubaan yang dilalui.

Beliau yakin nilai-nilai dan pengalaman yang diperolehi setelah menjalani kursus akan meningkatkan lagi sifat-sifat murni untuk menjadikan peserta sebagai insan yang berkualiti sekali gus menyumbangkan sepenuhnya kepada pembangunan masyarakat.

Program 10 hari itu akan berlangsung pada 6 hingga 15 Januari 2004 di Pusat Logistik Outward Bound (OBPP), Batang Duri, Temburong dan Pusat Operasi OBPP, Belalong, Temburong.

Para peserta akan mengikuti fasa cabaran dan pengembaraan dan fasa kerja kemasyarakatan.

Kursus berkenaan dihasratkan untuk memberi kesedaran dan keyakinan para peserta untuk meningkatkan potensi serta tahan keupayaan yang sebenar, di samping memberi peluang untuk menemukan semula kekuatan serta ketahanan jati diri yang mereka miliki, khususnya dalam ciri berdisiplin, tekad untuk berjaya, berinisiatif dan berdisiplin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Ampal ketika hadir merasmikan Kursus 'Ba'ath' bagi Program Cabaran Peribadi Belia. Majlis berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pos Kawalan Putat beroperasi 1 Januari 2004

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memaklumkan bahawa Pos Kawalan Imigresen di Pos Kawalan Putat, Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara adalah diisytiharkan sebagai Pos Kawalan Imigresen dan tempat masuk yang dibenarkan dan sebagai tempat bertolak yang dibenarkan atau tempat pemergian yang dibenarkan, mengikut mana yang berkenaan bagi maksud-maksud Akta Imigresen Penggal 17 di bawah Bab 5 dan berjalan kuat kuasanya mulai 1 Disember 2003.

Sehubungan dengan ini adalah dimaklumkan kepada orang ramai bahawa

Pos Kawalan berkenaan akan mula beroperasi pada 1 Januari 2004 bermula jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari.

Sehubungan dengan ini juga dimaklumkan kepada orang ramai bahawa dengan berkuat kuasanya Pos Kawalan Putat, Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara sebagai tempat keluar/masuk dari/ke Negara Brunei Darussalam maka penggunaan Pos Kawalan Imigresen di Dermaga Kastam, Bandar Seri Begawan yang telah diisytiharkan sebagai tempat keluar/masuk, dari/ke Negara Brunei Darussalam sebelum ini adalah dengan ini dimansuhkan.

Jabatan itu juga meng-

ingatkan sesiapa juga berhasrat untuk meninggalkan atau memasuki Negara Brunei Darussalam ke tempat atau dari tempat luar Negara Brunei Darussalam iaitu untuk ke negara jiran melalui Sungai Brunei, hendaklah melaporkan diri serta mengemukakan sebarang dokumen perjalanan atau passport kepada Pegawai Imigresen yang bertugas di Pos Kawalan Putat sesuai dengan peruntukan Bab 5 (1) dan 5 (2) Akta Imigresen Penggal 17.

Jabatan itu dalam siaran akhbar hari ini juga mengingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu gagal mematuhi kehendak peruntukan tersebut dan jika di-

dapati bersalah boleh didakwa di bawah Bab 58 Akta Imigresen Penggal 17 yang jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga \$2,000.00 dan penjara 6 bulan atau boleh dikenakan kompaun sehingga \$600.00 di bawah Bab 58A (1)(a) dari akta yang sama.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Peruntukan Akta Pasport bagi seseorang yang berhasrat untuk memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 3 Akta Pasport Penggal 146, jika gagal mengemukakan passport kepada Pegawai Imigresen yang bertugas di Pos Kawalan Putat, Negara Brunei Darussalam.

masuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Pertama.

Majlis anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat itu antara lain bagi memperingati Sambutan Hari Warta Tua yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun yang bertujuan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada golongan warga tua yang suatu ketika dahulu bekerjasama ke arah pembangunan negara.

Bagi sesiapa jua didapati gagal mematuhi kehendak tersebut boleh didakwa di bawah Bab 12 (2) Akta Pasport Penggal 146 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga \$5,000.00 dan penjara 3 tahun.

Sehubungan dengan ini, orang ramai dan pengendali-pengendali bot yang berhasrat untuk meninggalkan atau memasuki negara ini melalui Pos Kawalan Putat supaya akan memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Pos Kawalan tersebut dan mematuhi apa-apa jua peraturan dan arahan-arahan yang dikuatkuasakan, jelas siaran akhbar itu.

سلامة مہمبوت تاهون بارو ٢٠٠٤
SELAMAT MENYAMBUK TAHUN BARU 2004

دتریتکن اولہ جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اولہ جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.